



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil.16

Khamis

25 Julai 2024

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2024	(Halaman 41)
Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2024	(Halaman 67)
Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2024	(Halaman 77)
Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2024	(Halaman 84)
Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024	(Halaman 96)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Dato Awang Beme bin Awang Ali Basah [Tuan Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Tuan Yang di-Pertua]
3. “ Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
4. “ Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi]
5. “ Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
6. “ Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]
7. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
8. “ Dato' Sri Ti Lian Ker
9. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
10. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
11. “ Datuk Razali bin Idris
12. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
13. “ Tuan Manolan bin Mohamad
14. “ Puan Susan Chemerai Anding
15. “ Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah
16. “ Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
17. “ Datin Ros Suryati binti Alang
18. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
19. “ Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan
20. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
21. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
22. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
23. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah
24. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
25. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
26. “ Dato' Sivaraj a/l Chandran
27. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
28. “ Tuan Abun Sui Anyit
29. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
30. “ Puan Noorita binti Sual
31. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
32. “ Datuk Nelson W Angang
33. “ Tuan Pele Peter Tinggom

AHLI HADIR (samb/-)

34. Yang Berhormat Dato' Setia Salehuddin bin Saidin
35. " Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
36. " Datuk Haji Aziz bin Ariffin
37. " Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
38. " Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
39. " Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
40. " Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
41. " Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan)
42. " Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
43. " Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak)
44. " Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah)
45. " Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)
46. " Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
47. " Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
48. " Datuk Lim Pay Hen (Johor)
49. " Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
50. " Datuk Noraini binti Idris (Sabah)
51. " Datuk Wira Koh Nai Kwong
52. " Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka)
53. " Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)
54. " Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang)
55. " Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
56. " Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak)
57. " Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
58. " Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
59. " Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan)

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
2. " Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
3. " Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]

**AHLI TIDAK HADIR
(BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew
2. “ Dato’ Abdul Halim bin Suleiman (Johor)
3. ” Tuan Haji Hussin bin Ismail. (Terengganu)

HADIR BERSAMA

1. Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof [Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam] (Petrajaya)
2. Yang Berhormat Dr. Zaliha binti Mustafa [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan)] (Sekijang)
3. “ Dato Sri Alexander Nanta Linggi [Menteri Kerja Raya] (Kapit)
4. “ Datuk Seri Johari Abdul Ghani [Menteri Perladangan dan Komoditi] (Titiwangsa)
5. “ Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad [Menteri Kesihatan] (Kuala Selangor)
6. “ Tuan M. Kulasegaran [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) (Ipoh Barat)
7. “ Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri Ekonomi] (Mukah)
8. “ Tuan Adly bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] (Alor Gajah)
9. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Kewangan] (Tanjong)
10. “ Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Parit Sulong)
11. “ Tuan Khairul Firdaus bin Akhbar Khan [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Batu Sapi)
12. “ Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 25 Julai 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: Persilakan pertanyaan pertama oleh Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

Puan Susan Chemerai Anding: Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 1.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

1. **Puan Susan Chemerai Anding** minta Menteri Peralihan tenaga dan Transformasi Air menyatakan, apakah visi jangka panjang bagi peralihan tenaga Malaysia dan bagaimanakah visi ini dianggap selaras dengan matlamat iklim global seperti Perjanjian Iklim Paris.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah atas lantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara daripada Parlimen Petrajaya dan juga wakil daripada Kementerian PETRA... *[Tepuk]*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, visi jangka masa panjang peralihan tenaga negara untuk sektor bekalan elektrik adalah berdasarkan pelaksanaan *National Energy Transition Roadmap*, dengan izin, NETR yang telah menyasarkan peningkatan campuran kapasiti terpasang penjanaan sumber tenaga boleh baharu (TBB) dalam sistem pembekalan elektrik kepada 31 peratus pada tahun 2025, 40 peratus pada tahun 2035 dan 70 peratus menjelang tahun 2050, berbanding capaian semasa sebanyak 26 peratus.

Peningkatan sasaran TBB ini akan disokong menerusi pelaksanaan program TBB seperti dengan izin:

- (i) *Large Scale Solar (LSS)*;
- (ii) *Feed-in Tariff (FiT)*;
- (iii) *Net Energy Metering (NEM)*;
- (iv) *Self-Consumption (SELCO)*;
- (v) *New Enhanced Dispatch Arrangement (NEDA)*; dan
- (vi) *Corporate Green Power Programme*.

Mungkin NEDA ini sebenarnya adalah satu program di mana kita membenarkan untuk penjualan tenaga hijau pada kadar harga pasaran, itu NEDA. Manakala *Corporate Green Power Programme* ialah di mana orang boleh menghasilkan tenaga, kemudian dijual terus kepada pelanggan tapi kena membayar *willing charge* ataupun macam bayar menggunakan *transmission line* daripada Tenaga Nasional Berhad. Itu yang dimaksudkan dengan *Corporate Green Power Programme*.

Pada masa yang sama, PETRA sebenarnya melalui Suruhanjaya Tenaga sedang memuktamadkan kerangka pelaksanaan *access green* terbuka bagi membenarkan capaian bekalan elektrik hijau melalui pihak ketiga yang diperoleh.

Dalam konteks kecekapan tenaga pula, Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga ataupun *Energy Efficiency and Conservation Act (EECA)* telah diluluskan oleh Parlimen pada 25 Jun 2024 bagi mengawal selia penggunaan tenaga secara cekap dan konservasi tenaga secara komprehensif serta memberi penekanan daripada aspek pengurusan permintaan tenaga elektrik dan termal. Rang undang-undang ini akan digazet bila dah diluluskan oleh Kebawah Duli Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Melalui penguatkuasaan akta ini ke atas sektor industri komersial dan domestik hingga tahun 2050, Malaysia diunjurkan mampu menjimatkan penggunaan tenaga yang dianggarkan berjumlah 2,017,000,000 giga joule atau bersamaan RM97.1 bilion dan secara langsung mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 197,877 kilo tan karbon dioksida.

Usaha peningkatan kapasiti TBB dan inisiatif kecekapan tenaga yang dilaksanakan ini merupakan langkah mitigasi yang proaktif oleh kerajaan bagi mengurangkan jejak karbon sektor bekalan elektrik selaras dengan usaha kolektif masyarakat global untuk menangani isu perubahan iklim. Terima kasih.

Puan Susan Chemerai Anding: Soalan tambahan. Terima kasih Menteri atas jawapan yang diberi. Saya ingin sedikit pencerahan. Apakah langkah-langkah permulaan yang akan diambil oleh kerajaan dalam merealisasikan visi peralihan tenaga negara? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Puan Susan. Langkah awal yang kita ambil ialah untuk kita memperkenalkan apa yang dikatakan Program Geran Audit Tenaga Bersyarat 2.0. Ini maknanya kita akan menyediakan geran, setakat ini sejumlah RM18 juta dan beberapa sektor telah pun memohon geran ini. Maka mereka akan diaudit setakat mana mereka menggunakan tenaga dan dari situ nanti Audit akan memberi rekomendasi, apakah langkah-langkah yang boleh mereka ambil untuk menjimatkan penggunaan tenaga ataupun mengurangkan penggunaan tenaga sektor mereka.

Misalnya sektor yang banyak menggunakan tenaga ialah untuk rawatan air. Loji rawatan air, kumbahan dan sebagainya. Inilah sektor-sektor yang kita kena pasti. Begitu juga dengan industri-industri yang banyak menggunakan tenaga. Maka kita berikan mereka geran untuk membuat audit dan dengan itu kita akan memberi rekomendasi apa langkah-langkah yang boleh mereka ambil supaya penggunaan penjimatan dan pengurangan penggunaan tenaga dapat dilaksanakan.

Begitu juga kita sudah pun melancarkan program *Sustainability Achieved Via Energy Efficiency 4.0 (SAVE)* yang memberi rebat sebanyak RM400 kepada pengguna untuk membeli peralatan yang menggunakan tenaga yang efisien.

Maknanya kalau *aircond*, peti ais yang taraf Empat dan Lima Bintang. Kalau mereka beli, maka mereka boleh *claim* rebat sebanyak RM400. Ini program yang sedang kita laksanakan. Di samping itu, kita juga telah melancarkan program solar tenaga boleh baharu, yang mana dah dilancarkan LSS 1.0.

■1010

Sekarang ini sedang dibuka tender dan ditutup pada hari ini. Sebenarnya tender untuk LSS5 ditutup pada hari ini. Dengan peralihan kepada kebanyakan menggunakan solar, jadi tenaga boleh baharu kita akan dapat dipertingkatkan daripada segi *energy mix*.

Di samping solar di atas darat, di atas bumbung, kita juga memperkenalkan solar terapung di atas air dan juga kita fokus kepada penjimatan ataupun penstoran tenaga melalui pengenalan bateri dan sebagainya. Itu langkah-langkah awal yang sedang kita laksanakan. Terima kasih, banyak lagi sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada lagi soalan tambahan. Maka saya memanggil Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 2.

2. Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta Perdana Menteri menyatakan, apakah bentuk pemantauan berkala oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap daya tahan dan perkembangan usia pokok-pokok besar di Kuala Lumpur yang dilaksanakan susulan banyak insiden pokok besar yang telah berusia tumbang kebelakangan ini yang membahayakan warga kota.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) [Dr. Zaliha binti Mustafa]: Terima kasih Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sememangnya mempunyai mekanisme dalam kita membuat pemantauan berkala terhadap pokok-pokok yang berusia, terutamanya di jajaran jalan raya utama di ibu kota.

Bermula daripada 1 Januari 2019 lagi, DBKL telah pun mengambil inisiatif baharu yang lebih proaktif dalam membuat penilaian ke atas pokok-pokok yang berusia dengan melantik kontraktor *arborist*, penilaian pokok berisiko ataupun *tree risk assessment*. Penilaian ekonomi pokok turut dijalankan di sekitar Kuala Lumpur untuk membantu DBKL dalam membuat keputusan tindakan mitigasi dalam pengurusan pokok berusia.

Pertanyaan mengenai pokok berusia ini telah sebenarnya Yang di-Pertua, berbangkit di Dewan Rakyat juga dan telah pun saya jawab beberapa kali. Jadi, sehubungan dengan itu bagi jawapan pada hari ini di Dewan Negara, saya berhasrat untuk memperincikan lagi mekanisme pemantauan di lapangan. Yang ini kita belum pernah jawab lagi dan *insya-Allah* saya rasa ini adalah ruang yang sesuai untuk saya menjawab berkenaan dengan mekanisme pemantauan pokok ini.

Pertama, adalah tahap satu di mana *non-arborist* membuat pemeriksaan pokok melalui penilaian visual, berdasarkan pengalaman kerja dan juga pengetahuan dalam bidang *arboriculture*. Tahap kedua pula adalah melalui *visual tree assessment (VTA)* yang dilaksanakan oleh *arborist* bertauliah dengan menggunakan standard yang ditetapkan oleh *International Society of Arborist Culture (ISA)* dan tahap ketiga iaitu penilaian terhadap keadaan struktur pokok menggunakan peralatan khas yang dinamakan *resistograph* dan menggunakan khidmat *tree climber* untuk membuat penilaian di setiap pokok-pokok di bahagian atas pokok.

Penilaian dan pemeriksaan pokok bagi tahap satu ini dilaksanakan bagi setiap 10 bulan bagi per satu pusingan. Manakala bagi tahap dua dan tiga, ia dilaksanakan di lokasi yang mempunyai sejarah kegagalan pokok ataupun *tree failure* yang mempunyai bilangan pokok yang berisiko tinggi. Ini termasuklah lokasi yang berfrekuensi tinggi dalam berdasarkan penggunaan orang awam dan juga kawasan yang padat dengan harta benda dan berharga.

DBKL turut juga menjalankan pemeriksaan secara komprehensif dan terperinci bagi kerja-kerja pemeriksaan kesihatan dan kesuburan pokok yang tidak boleh dilihat oleh *visual tree assessment* seperti bahagian akar pokok, bahagian batang dan juga bahagian silara pokok iaitu ranting dia. Dalam masa yang sama, DBKL telah mengguna pakai satu sistem yang dinamakan e-Pokok, di mana sistem ini telah dibangunkan sejak tahun 2019 dan jumlah pokok yang telah diinventori dimasukkan dalam sistem ini sebanyak 236,551 pokok.

Jadi, sistem ini bertujuan untuk kita rekodkan data inventori pokok, penanaman pokok baharu, daftar pokok serta kerja-kerja penyelenggaraan pokok dan hasil penggunaan sistem ini pada akhirnya dapat sebenarnya membantu DBKL untuk memantau dan menyediakan laporan kerja-kerja penyelenggaraan pokok di Kuala Lumpur.

Jadi terakhir Yang di-Pertua, kita juga telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Taskforce Pengurusan Pokok Berisiko di Kuala Lumpur, yang saya sendiri mempengerusikannya. Dan ini adalah untuk memastikan daripada masa-ke-semasa mekanisme pemantauan pokok ini kita tambah baik melalui cadangan yang akan diterima daripada beberapa kluster yang telah ditubuhkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Saya ada mengikuti cadangan YB Menteri di media massa mengenai Tabung Dana Amanah Kawasan Hijau. Saya percaya ini merupakan satu inisiatif penting untuk memelihara dan memperluaskan kawasan hijau di ibu kota kita, Kuala Lumpur. Sehubungan dengan itu, apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam penubuhan tabung ini, termasuk matlamat utama, sumber dana serta mekanisme pengurusan dan pelaksanaannya?

Dr. Zaliha binti Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, matlamat utama kita untuk membina atau mencadangkan penubuhan tabung ini adalah sebenarnya bertujuan untuk kita merangsang kerjasama, antara pihak awam dan juga pihak swasta serta juga meningkatkan penyertaan masyarakat umum dalam kita meningkatkan kualiti landskap hijau negara, melalui pendekatan *whole-of-nation*.

Sehubungan dengan itu, sumber dana hendaklah tidak bergantung kepada kerajaan semata-mata tetapi turut disumbangkan oleh pelbagai pihak, termasuklah swasta dan juga orang awam. Sekiranya- sebab penubuhan ini masih dalam perbincangan Yang Berhormat, jadi sekiranya penubuhan tabung ini berjaya, usaha untuk kita meningkatkan kawasan hijau ataupun kawasan lapang di Kuala Lumpur dengan formula yang kita gunakan iaitu 20 meter persegi per penduduk, selaras dengan aspirasi Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 mungkin akan kita dapat capai dengan jangka masa yang lebih awal.

Jadi, buat masa ini DBKL sedang meneliti yang dinamakan seksyen 9 dan 10 Akta Tatacara Kewangan 1957, iaitu Akta 61 bagi maksud penubuhan Tabung Dana Amanah Kawasan Hijau yang melibatkan pengurusan wang awam. Tabung ini kelak akan diuruskan sebagaimana Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan oleh lain-lain agensi kerajaan, mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP10/4 dan Tatacara Pengurusan Akaun Amanah Kumpulan Wang Amanah. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Amir bin Md Ghazali: Soalan tambahan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Bulan Mei lalu, arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mengatakan setiap pokok yang ditebangkan mesti diganti semula 100 pokok kena ditanam. So, minta Menteri jelaskan status arahan yang diberikan oleh Perdana Menteri dan apakah cabaran yang dihadapi. Terima kasih.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat. Baik, sebenarnya tentang pelaksanaan program yang dicadangkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, selaku Perdana Menteri iaitu satu batang pokok perlu diganti dengan 100 pokok baharu ini. Kita akan *incorporate* dalam program yang telah pun kita laksanakan sejak 2020 ya, iaitu penanaman 100 juta pokok, Yang Berhormat.

Jadi, yang ini sedang kita laksanakan dan *insya-Allah* saya, kita juga berharaplah dalam aspirasi yang dibawa oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim itu akan dapat kita laksanakan dalam program yang telah pun sedia ada di pihak DBKL. Terima kasih.

Tuan Amir bin Md Ghazali: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, soalan kita had dua, hendak jawab Senator baharu kita itu Dato' Setia Salehuddin. Soalan pertama yang dalam Dewan ini. Bagi peluang- saya fikir..

Dr. Zaliha binti Mustafa: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Boleh ya?

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Boleh, terima kasih.

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, beri peluang kepada saya. Ini pertama kali saya hendak tanya soalan kepada pihak Menteri. Soalan dia *simple* sahaja Yang Berhormat.

Yang Berhormat ada menyatakan tentang keperluan untuk melantik *arborist* untuk tujuan memelihara pokok-pokok besar, khususnya di Kuala Lumpur. Soalan saya, berapa kos- *because*

saya difahamkan kos untuk melantik seorang *arborist* agak mahal dan berapa orang sebenarnya yang kita perlukan untuk *maintain* pokok-pokok di Kuala Lumpur, itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, Yang Berhormat ada menyatakan bahawa ada cara untuk *maintain* pokok-pokok ini, tetapi soalnya di masa akan datang, sebab kita tahu pokok-pokok yang ditanam di Kuala Lumpur ini ditanam di nurseri. Dah besar. Jadi, itulah menyebabkan mudah untuk tumbang apabila tatkala berlakunya ribut taufan.

Jadi kalau sekiranya- adakah langkah yang diambil untuk menanam pokok-pokok yang lebih kecil, supaya ianya tidak akan menimbulkan masalah kerosakan harta benda dan nyawa kepada masyarakat sekeliling. Terima kasih YB Menteri. Terima kasih Yang di-Pertua.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Terima kasih YB Senator. Saya pun berterima kasih dan tahniahlah saya ucapkan atas pelantikan. Jadi, untuk menjawab soalan pertama Yang Berhormat berkenaan dengan berapa orang *arborist* yang diperlukan sepenuhnya untuk menjaga ataupun dalam pemantauan pokok-pokok berisiko ini.

■1020

Sebab itu kita tubuhkan sebenarnya *taskforce* yang saya sebutkan tadi, untuk kita sebenarnya melihat secara keseluruhan. Sebab, pokok di Kuala Lumpur ini melibatkan satu kawasan yang sangat luas ya. Jadi, kita juga ada melantik *arborist* luar untuk membantu DBKL dalam pemantauan tersebut. Jadi, kalau Yang Berhormat mahukan jumlah sebenarnya, buat masa ini saya akan beri jawapan bertulis, Yang Berhormat.

Kemudian berkenaan dengan langkah untuk menanam pokok-pokok kecil ini. Jadi, dalam juga *taskforce* ini, kita sebenarnya sekarang telah bermula perbincangan dan juga *engagement* yang melibatkan beberapa *stakeholders* ataupun kumpulan-kumpulan tertentu yang telah kita tubuhkan kluster ini.

Jadi, kita juga telah mengenal pasti sebenarnya spesies-spesies pokok yang boleh ditanam dan sesuai untuk ditanam di Kuala Lumpur yang khususnya sangat bergantung kepada keadaan cuaca tempatan. Jadi, pokok-pokok ini- *insya-Allah* akan digunakan sebagai senarai-senarai pokok yang akan digunakan untuk diganti kepada pokok-pokok yang berisiko tinggi.

Kita mengambil kira bukan sahaja jenis pokok, bahkan keluasan tanah yang digunakan untuk menanam pokok, jenis tanah dan sebagainya. Jadi, itu akan diperincikan dalam *taskforce*. Walaupun kita telah ada, tetapi mengambil kira cuaca terkini, keadaan cuaca yang sering berubah ini, kita juga akan melihat lebih teliti pokok-pokok yang sesuai untuk ditanam di sesuatu kawasan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh.

3. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta Menteri Kerja Raya menyatakan, status projek Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama yang menghubungkan Bentong, Pahang dengan Kuala Krai, Kelantan yang telah mengalami kelewatan akibat pandemik COVID-19 dan langkah-langkah bagi mengurangkan kelewatan dan memastikan ia siap mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kerja Raya [Dato Sri Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang bertanya.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil peluang ini untuk turut meraikan kejayaan Yang Berhormat Senator Dato' Awang Beme bin Awang Ali Basah yang telah mengangkat sumpah mengetuai barisan Ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara dan seterusnya dimasyhurkan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-21. Tahniah Yang Berhormat.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengangkat sumpah jawatan sebagai Ahli Yang Berhormat Dewan Negara.

Dan terima kasih atas pertanyaan lisan dari Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz berhubung status Projek Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (LTU) menghubungkan Bentong, Pahang dengan Kuala Krai, Kelantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lingkaran Tengah Utama (LTU) atau dahulunya dikenali sebagai *Central Spine Road (CSR)* adalah sebuah projek pembinaan lebuhraya tanpa tol yang menghubungkan Bandar Kuala Krai, Kelantan ke persimpangan Lebuhraya Pantai Timur, Pahang.

Projek jalan ini direka dengan menggunakan Piawaian Arahan Teknik Jalan JKR R5 terkini, iaitu jalan berkembar empat lorong (K2-2). Skop kerja projek ini adalah pembinaan jalan baharu dan menaik taraf jalan sedia ada FT008 (Piawaian JKR R3) yang hanya mempunyai satu lorong. Manakala panjang jalan adalah 299.4 kilometer dan melibatkan kos keseluruhannya sebanyak RM7.7 bilion.

Projek LTU ini yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2008 sehingga kini adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat di mana 11 projek telah siap, 14 projek dalam pembinaan dan satu dalam proses perolehan. Status semasa projek LTU yang dalam pembinaan sehingga 10 Julai 2024 mengikut purata kemajuan setiap projek adalah 63.35 peratus sebenar berbanding 63.74 peratus yang dijadualkan. Ia menunjukkan terdapat kelewatan sebanyak 0.39 peratus setelah mengambil kira lanjutan masa ataupun *extension of time (EOT)* yang telah diluluskan.

Berikut adalah status kemajuan semasa bagi projek LTU yang sedang dalam pembinaan setelah mengambil kira EOT yang telah diluluskan.

Bil.	Butiran	Kemajuan Semasa (%)
1.	Pakej 1 (Kuala Krai-Jambatan Sungai Lakit)	11.59
2.	Pakej 2 (Jambatan Sungai Lakit-Gua Musang)	22.40
3.	Pakej 3 (Gua Musang-Kampung Relong)	84.25
4.	Pakej 4 (Kampung Relong-Raub)	63.69
5.	Pakej 5 (Raub-Bentong)	Siap dan telah dibuka kepada pengguna
6.	Pakej 6 (Bentong-Persimpangan LPT)	30.07

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk memastikan kejayaan projek mega dan berimpak tinggi pasca pandemik COVID-19, tidak diragui bahawa projek ini menghadapi pelbagai isu dan cabaran besar yang menyebabkan kelewatan dalam menyiapkan projek mengikut jadual asal.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya bersama-sama Jabatan Kerja Raya selaku agensi pelaksana sentiasa memantau dan memastikan setiap projek yang dilaksanakan dapat disiapkan mengikut jadual. Setiap isu yang berbangkit seperti pengambilan balik tanah, pengalihan utiliti, pengurusan trafik, kekurangan tenaga kerja, keadaan cuaca yang tidak menentu dan kenaikan harga barang dapat diatasi dengan sebaik mungkin mengikut amalan terbaik pengurusan pembinaan serta mematuhi garis panduan dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Dengan langkah-langkah proaktif ini, projek LTU diharapkan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan disiapkan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang detil yang diberikan sebentar tadi.

Rakyat Kelantan terutamanya, begitu mengikuti perkembangan projek LTU ini dengan harapan ia dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan tanpa sebarang gangguan ataupun penangguhan kerana ia adalah satu projek yang telah lama ditunggu-tunggu. Ia bukan hanya soal masa yang jimat dan juga keselesaan, bahkan LTU ini dianggap sebagai satu lonjakan, boleh menjadi lonjakan ataupun pemangkin kepada perkembangan ekonomi di negeri Kelantan.

Yang Berhormat Menteri, di antara yang diharapkan penambahbaikan adalah laluan lama yang menghubungkan di antara Timur-Barat di antara negeri Perak dan Kelantan.

Soalan saya, adakah pihak kementerian mempunyai perancangan dan strategi yang komprehensif untuk menaik taraf koridor timur-barat yang semakin maju penggunaannya? Iaitu, yang pertama, laluan dari Gerik, Perak ke Pasir Puteh, Kelantan dan yang kedua, laluan dari Simpang Pulai, Perak ke Aring, Gua Musang sehingga ke Kenyir, negeri Terengganu yang pernah satu masa, tahun lepas, ditutup akibat kerosakan yang agak teruk.

Saya juga memohon jika dapat penjelasan mengenai status dan perkembangan projek Lebuhraya KB-KK yang menjadi sambungan terus projek LTU terus ke Kota Bharu. Terima kasih.

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja Raya telah menerbitkan Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya atau *Highway Network Development Plan 2030* iaitu merangkumi Semenanjung Malaysia dan Lembah Klang yang bertujuan untuk mengenal pasti keperluan menaik taraf jalan sedia ada atau membina jalan baharu yang melibatkan jalan persekutuan dan jalan utama negeri.

Jadi, dalam kajian *Highway Network Development Plan* (HNDP) juga merangkumi pelbagai aspek kajian seperti isi padu trafik, guna tanah, ekonomi, alam sekitar dan sosioekonomi bagi mewujudkan rangkaian jalan raya yang lebih efisien yang melibatkan negeri dan wilayah-wilayah yang berkaitan.

■1030

Jadi, pelaksanaan cadangan projek yang dikenal pasti dalam HNDP ini juga dijangka akan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dan mewujudkan rangkaian jalan raya yang lebih efisien.

Jadi Yang Berhormat, antara projek-projek yang dirancang dalam HNDP 2023 ini di kawasan Koridor Timur-Barat Pasir Puteh ke Gerik dan Simpang Pulai; Aring ke Kenyir, Terengganu iaitu menaik taraf FT004 Kupang; Kedah ke Tanah Merah, Kelantan dengan sepanjang 204 kilometer. Menaik taraf FT004 Pasir Puteh ke Machang, Jeli dengan panjang 46.30 kilometer dan menaik taraf FT185 Simpang Pulai ke Gua Musang, Kelantan dengan panjang 94 kilometer dan menaik taraf FT1744/FT185 Chiku, Kelantan ke Basung, Terengganu dengan panjang 39.0 kilometer.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam Rancangan Malaysia Ke-12, agensi pusat telah meluluskan seperti berikut. Ini berita baiklah untuk Yang Berhormat ya.

Dalam *Rolling Plan* Ketiga iaitu menaik taraf laluan FT003 dari Sungai Pak Badol ke Kampung Banir Belikong kilometer 23.05 hingga kilometer 30 Pasir Puteh di Kelantan dan menggantikan jambatan FT004/243/80 Jeli, Kelantan juga menggantikan jambatan FT004/244/00

Jeli, Kelantan. Jadi dalam *Rolling Plan* Keempat iaitu satu lagi projek menaik taraf Lebuhraya Timur-Barat daripada seksyen 113.00 ke seksyen 151.00 FT004 Gerik, Perak Darul Ridzuan.

Jadi selain itu Tuan Yang di-Pertua, terdapat projek yang lain diluluskan di bawah Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) ya bagi laluan FT482 Jalan Pasir Puteh ke Tok Bali bagi skop pengambilan tanah dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas ini. Jadi, berdasarkan maklumat yang diterangkan tadi, kementerian ini sentiasa terbuka untuk menerima syor atau cadangan daripada kerajaan negeri, untuk menaik taraf atau membina jalan baharu berdasarkan senarai keutamaan daripada peringkat negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada lagi soalan tambahan?

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Berkenaan dengan “KB-KK” itu Kota Bharu ke Kuala Krai ya. Ya, projek ini sekarang dalam keadaan 46 peratus siaplah ya dan siap keseluruhannya nanti, kita jangka 2027 sebab ada masalah. Jadi, satu seksyen 2B, oleh sebab ada masalah, walaupun sudah siap dengan lebih 80 peratus, sedikit, tapi oleh sebab EOT terlalu banyak kita telah bagi kepada kontraktor, maka kontraktor ditamatkan pada Disember 2023 dan sekarang dalam proses nak melantik kontraktor penyiaplah ya ataupun penyelamat. Jadi, dan kita jangkalah penghujung tahun ini bulan Disember, barulah kita dapat mengeluarkan SST kalau tak ada masalah lain, yang bertanya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 4.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

4. Senator Datuk Lim Pay Hen minta Menteri Perladangan dan Komoditi menyatakan, strategi menyeluruh untuk mempromosikan minyak sawit lestari di pasaran antarabangsa serta langkah-langkah terbaharu untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh industri ini berikutan kempen anti-sawit global.

Menteri Perladangan dan Komoditi [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, bagi meyakinkan negara-negara pembeli untuk tentang kualiti dan tahap pematuhan produk sawit kita, beberapa strategi yang bersasar dan berterusan amat diperlukan bagi mempromosi minyak sawit mampan dihantar di pasaran antarabangsa, di samping menyanggah propaganda anti minyak sawit.

Di antaranya, pertama iaitu kita akan terus berterusan mengadakan kempen anti minyak sawit ini di global adalah melalui sesi libat urus, iaitu kita terus mengadakan *engagement* dua hala bersama penggubal-penggubal dasar di negara-negara pengimport. Dan juga kita buat

engagement dengan ahli-ahli politik di negara tersebut, persatuan-persatuan pengguna dan pembeli-pembeli, para peniaga dan pengimport dan juga pemain-pemain industri serta pihak-pihak NGO yang terlibat, yang sentiasa menggunakan isu tentang propaganda minyak kelapa sawit ini. Perkara ini akan berterusan dan kita akan berkongsi maklumat-maklumat yang lengkap, terutamanya berdasarkan *scientific study* dan juga data-data yang sahih.

Kedua, kita akan terus juga mendidik dan menjalankan program kesedaran awam bagi para pemegang taruh berkenaan usaha kerajaan bersama pihak pengawal selia MPOB, dalam menerapkan amalan perladangan yang baik, *good agricultural practices*, termasuk amalan buruh yang bertanggungjawab iaitu *responsible labor practices* oleh pemain-pemain industri di negara Malaysia.

Ketiga, kita juga menekankan betapa pentingnya setiap pemain-pemain industri di Malaysia ini mendapatkan sijil *Malaysian Sustainable Palm Oil*. Dengan secara tak langsung sijil ini juga membuktikan bahawa setiap pengeluaran ladang kita ini memenuhi ciri-ciri kemampuan global yang utama. Terima kasih.

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: ...Bagi kita meneruskan *are you- you want to ask question first or I want to welcome some people there?*

Datuk Lim Pay Hen: Oh ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya mengalu-alukan rombongan daripada Dewan Undangan Negeri Sarawak, DUN 68 Tanjong Batu di bawah Parlimen Bintulu... [*Tepuk*] Diketuai oleh Yang Berhormat Johnny Pang Leong Ming hendak menyaksikan di Dewan ini. Mungkin ini kali pertama mereka datang di sini... [*Tepuk*]

Seorang Ahli: Tahniah, tahniah.

Tuan Yang di-Pertua: Mereka sebelah kiri saya sana. *Welcome* Johnny. Okey, minta soalan tambahan.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Menteri tadi. Soalan tambahan saya itu, baru-baru ini Malaysia bersama dengan India telah bekerjasama menangani kempen anti sawit global dan apakah pendekatan kerajaan bagi menarik lebih banyak negara pengeluar minyak dunia untuk sama-sama mengadakan usaha secara global bagi menangkis kempen anti sawit ini, khususnya melalui platform Majlis Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) yang masih lagi belum mencapai 93 peratus dan

negara besar pengeluar minyak sawit dunia bersama seperti Thailand, Nigeria, Colombia masih belum menyertainya.

Yang Berhormat Menteri, izinkan saya juga tanya tentang insentif-insentif tanam semula, pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit 2.0 (TSPKS 2.0). Sehingga kini, sejauh mana sambutan yang diterima bagi program ini dan apakah penglibatan, termasuk juga Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Kita mengadakan banyak lawatan kepada negara-negara yang membeli minyak sawit kita. Seperti untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita dalam CPOPC ini, kita terlibat antara pemain yang sangat aktif dengan Indonesia sebab *between* Indonesia dengan Malaysia ini, kita merupakan pengeluar terbesar dunia. Indonesia, kita nombor dua. Jadi di Malaysia, kita mengeluarkan hampir 18.6 juta metrik tan tetapi yang kita guna pakai dalam negara hanya empat juta, selalunya lebihnya kita eksport.

Jadi dalam proses kita mem-*promote* kita punya *palm oil* ini, kita kena sentiasa mengadakan lawatan-lawatan ke negara-negara pembeli, kerana kita nak menangkis dakwaan-dakwaan yang tak betul di dalam negara ini. Jadi, apabila kita dapat China dan India, *because* China lebih kurang dalam 1.2 bilion *population* penduduk, India 1.4 bilion.

■1040

Jadi, apabila mereka ini merupakan pembeli terbesar dan kegunaan *palm oil* itu merangkumi hampir keseluruhan negara tersebut, maka ia tidak ada isu daripada segi soal kelapa sawit itu. Ini propaganda yang dilakukan oleh negara-negara pengeluar *edible oil* yang lain selain daripada *palm oil* seperti *soybean oil*, *sunflower oil*, *rapeseed oil*. Mereka ini dia tak mampu hendak bersaing dengan *palm oil* ini kerana kita merupakan *edible oil* yang sangat efisien daripada segi *production*.

Contohnya, kalau satu metrik tan ladang kelapa sawit satu hektar, kita kalau satu hektar *of soybean oil* kita boleh keluar hanya lebih kurang dalam 0.5 tan. Kalau *sunflower* satu hektar *sunflower* boleh keluar 0.8 metrik tan. Kalau 1 hektar *rapeseed oil* boleh keluar lebih kurang dalam 0.8 atau 0.9, tetapi satu hektar kelapa sawit dia boleh mengeluarkan 3.3 to 3.6 metrik tan. Sudah tentu daripada segi kompetitif *edible oil* ini dia sangat-sangat bagus untuk kegunaan-kegunaan penduduk kerana dia ada dua kegunaan. Satu untuk *food base*, satu *non food base*. Sebab itu kelapa sawit ini menjadi saingan besar kepada *edible-edible oil* yang lain.

Kedua, saya hendak juga ingin menjawab soalan daripada segi tanaman semula. Baru-baru in waktu bajet yang lepas, kerajaan memperuntukkan RM100 juta untuk penanaman semula tetapi penanaman semula ini khusus kepada *small holders*. Daripada RM100 juta itu, RM50 juta

adalah geran dan RM50 juta adalah melalui pinjaman daripada Agro Bank. Jadi kita dapat lihat agak sukar sikit sebahagian daripada *small holders* ini dia hendak pergi pinjam kepada bank sebab bank macam Agro Bank ini dia banyak syarat-syarat. Walaupun dia pinjam 50 peratus, 50 peratus geran tetapi dia tidak boleh dapat memenuhi banyak kriteria.

Jadi kementerian sedang melihat dan kemungkinan besar kita hendak *propose next budget* macam mana kita hendak memudahkan pinjaman 50 peratus itu supaya boleh dapat memberi kemudahan kepada pekebun-pekebun kecil yang mempunyai pokok-pokok yang telah berumur lebih daripada 25 tahun. Terima kasih... [Tepuk]

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia berdiri dulu.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita sedia maklum bahawa episod yang terbaru *Upin dan Ipin* musim yang ke-18 baru-baru ini yang bertajuk Minyak Sawit telah mencapai lebih dua juta tontonan selepas hampir 36 jam. Episod ini dimuat naik di *YouTube channel* Les' Copaque. Episod ini berkaitan dengan minyak sawit yang merupakan episod tajaan oleh *Malaysia Palm Oil Council* yang merupakan tentang kebaikan dan kelebihan minyak sawit.

Persoalan saya Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Apakah kerajaan akan memperluaskan lagi penggunaan platform industri hiburan seperti animasi, drama, filem dan sebagainya dalam mempromosi minyak sawit kita? Yang mana lebih akan bukan sahaja di peringkat negara kita ada juga di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk pengetahuan ini adalah strategi salah satu daripada strategi yang MPOC cuba hendak membawa penerapan *knowledge* tentang kebaikan kelapa sawit ini di peringkat sekolah. Jadi, *animation* yang kita buat itu *Upin dan Ipin* ini adalah bukan sahaja kita tunjuk kepada dalam sosial media ataupun mana-mana platform sosial media, tetapi dia juga saya difahamkan sedang berunding untuk dibeli oleh *Netflix* untuk tunjuk dalam *Netflix*.

Apa yang saya hendak tekankan ialah ini adalah salah satu daripada strategi yang kita buat kerana kalau kita hendak menangkis propaganda-propaganda ini dia kena- kadang-kadang dia kena bukan sahaja kepada peringkat pembeli kelapa sawit, tetapi daripada segi pengetahuan mengenai kelapa sawit itu sangat penting untuk kita tanamkan di peringkat sekolah. Jadi saya akan cuba usaha untuk dapatkan *rights Upin dan Ipin* ini untuk ditayangkan di sekolah-sekolah sebahagian daripada *knowledge* kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah kita. Terima kasih.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk mohon.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri hendak jawab kita had dua sebenarnya.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Bolehlah Menteri hebat boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri tadi penjelasan banyak strategi-strategi yang telah digunakan seperti untuk libat urus dua hala, pendidikan kesedaran dan sijil MSPO dan banyak lagi, tetapi soalan saya ialah setiap strategi itu mesti ada *key performance indicator* (KPI). Jika tak ada KPI memang kita tak tahu adakah strategi itu berkesan atau tidak. So, minta Menteri jelaskan adakah kerajaan menetapkan semua KPI untuk strategi-strategi yang melaksanakan oleh kementerian? Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama kita hendak kena faham. Kelapa sawit ini kita kerajaan kita tak jual kelapa sawit. Yang mengendalikan kelapa sawit ini adalah syarikat-syarikat swasta dan juga pekebun-pekebun kecil yang menjual buah-buah dia kepada kilang-kilang yang dikendalikan oleh pihak swasta. Penglibatan kerajaan dalam kelapa sawit ini secara *indirect* terus ialah melalui syarikat-syarikat GLC kita yang terlibat macam FELDA, FELCRA, RISDA atau agensi kerajaan.

KPI kita ialah dua. Pertama, bila kita *produce* 18.6 *million*, kita kena eksport lebih kurang dalam 14.8 juta. Ada tak kita ada masalah hendak eksport? Kalau kita tak boleh eksport kita punya produk *then* kita ada masalah. So, KPI hari ini ialah semua produk-produk kita ini dia boleh dieksport tanpa ada masalah. Itu satu daripada jawapan.

Nombor dua, kita juga ingin menekankan bahawa kalau kita dulu pernah mengeluarkan hampir 20-22 juta metrik tan, sekarang ini kita cuma keluarkan 18.6 metrik tan. Kita hendak bagaimana kita boleh meningkatkan penghasilan setiap ladang-ladang ini iaitu kita tekankan dari segi *replanting*. Itu KPI kita. Maksudnya, mana-mana pokok yang telah tua lebih daripada 25 tahun kita hendak mereka *replant*. Sebab kadar *replanting rate* negara kita ini sepatutnya tiap-tiap tahun *on average* empat *percent*, tetapi kita baru 1.8 *percent*. Sebab itu makin lama makin turun, makin lama makin turun.

Dia ada banyak sebablah. Pertama, daripada segi kemudahan kewangan. Kedua, peneroka-peneroka kita yang mengendalikan 1.5 juta hektar ini mereka ini kebanyakan mereka sudah tua-tua dan anak-anak mereka tak minat hendak buat tiga hektar, empat hektar kerana dia orang ini semua sudah *graduate* sudah keluar universiti. Kalau dia hendak buat kelapa sawit baik

dia kerja dalam syarikat-syarikat besar. Sebab itu kita mengambil satu strategi yang bagaimana kita boleh buat *consolidation* besarkan kawasan itu secara kelompok dan kita bawa *private sector* untuk terlibat secara langsung untuk meningkatkan penghasilan kelapa sawit kita. Terima kasih.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Tuan Yang di-Pertua, Datuk Menteri boleh?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Senator Datuk.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Terlebih dahulu saya ucap tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah dilantik sebagai Speaker. Keduanya, saya ucap terima kasih kepada Menteri kerana datang sendiri untuk menjawab dan jawab pun dengan hebat... [Tepuk] Saya perhati tengok tak ada satu nota pun di tangan dia. Saya rasa pegawai dia pun tak payah datang... [Dewan riuh]

Seorang Ahli: Menteri Wilayah, Menteri Wilayah.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Oh Menteri Wilayah. Soalannya yang ketiga sebelum soalan. Datuk Menteri kata tadi kena pergi keluar negara untuk buat promosi. Masa *next trip* ini bawalah Senator sekali... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, *it is conflict of interest I think*.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Soalannya Datuk Menteri, dulu kita merupakan pembekal terbesar ataupun *we are the biggest exporter in the world*. Sekarang ini saya rasa kita sudah menurun. Mungkin Indonesia menjadi nombor satu. Jadi, soalan sayanya apakah usaha kerajaan untuk kita tingkatkan balik *position* kita untuk menjadi pengeluar atau pun *exporter* yang terbesar di dunia ini? Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya Indonesia memang sentiasa nombor satu. Pada tahun 2013, Indonesia mengeluarkan 26.5 juta hektar metrik tan.

■1050

Waktu ketika itu kita mengeluarkan 19.6 juta- matriks tan, 2013. Sepuluh tahun selepas itu pada tahun 2023 Indonesia mengeluarkan 48 juta- matriks tan dan kita mengeluarkan 18.6 juta- matriks tan. Saya sudah sebut tadi kenapa kita turun daripada 19... [Tidak jelas] Kerana penanaman semula ini tidak dilakukan mengikut kadar yang telah ditetapkan. Standard dia ialah empat peratus, tetapi kita sekarang ini membuat 1.8 *percent, reason being because* daripada segi kewangan.

Kedua, banyak kita punya penanam-penanam kelapa sawit ini terutama yang melibatkan *small holder* ini mereka sudah berumur jadi mereka banyak, kebanyakan ini tidak minat untuk

tanam semula, yang ini kita hendak *address*. Pasal hendak pergi *oversea* hendak bawa Senator ini *any time*, tidak ada masalah... [*Tepuk*] Nanti kita ikut *turn*, kalau kita pergi. Nanti saya hendak jumpa PM- minta bagi bajet sedikit untuk Senator pergi sebab bajet saya tidak cukup... [*Ketawa*]

Jadi kalau hendak cerita pasal Indonesia ini, dia meningkat daripada 26.6 juta ini kepada 48 juta kerana dia membuka kawasan baru. Hari ini Indonesia ada lebih kurang 14.5 juta hektar, Malaysia kita ada 5.7 juta hektar. Daripada 5.7 juta hektar ini 4.2 juta hektar dikendalikan oleh syarikat-syarikat besar, ladang-ladang besar, 1.5 juta hektar ini dikendalikan oleh lebih kurang 450,000 *small holders*, itu beza dia. Kalau di Indonesia ini banyak ladang-ladang besar dan mana-mana dia punya *small holders* pun dia buka-buka kawasan dia tidak ada masalah pasal kita hendak kena mematuhi kehendak dunia dari segi alam sekitar, *deforestation* semua itu kita kena *comply*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah ya. Dia jawab dengan *eloquently*. Yang Berhormat Senator Puan Anna Bell.

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Terima kasih Dato' Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Malaysia Madani. Soalan saya nombor lima.

5. Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta Menteri Kewangan menyatakan, peratusan pencarum yang memilih untuk memindahkan caruman ke dalam Akaun 3 dan membuat pengeluaran sehingga kini serta apakah implikasi besar daripada segi ekonomi kepada KWSP dan negara ekoran pengumuman Akaun 3 KWSP pada Mei 2024.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Dato' Yang di-Pertua, tujuan utama penstrukturan semula akaun KWSP adalah untuk memastikan kesejahteraan kewangan semasa persaraan yang lebih mampan dan pada masa yang sama mengimbangi keperluan semasa ahli.

Inisiatif ini juga dapat membantu meningkatkan simpanan ahli supaya mereka mempunyai pendapatan persaraan yang cukup untuk membiayai kehidupan mereka kelak. Ahli boleh membuat pilihan sama ada ingin mempunyai amaun permulaan dalam Akaun Fleksibel iaitu dengan memindah sebahagian daripada simpanan dalam akaun sejahtera ke Akaun Fleksibel mulai 12 Mei 2024 sehingga 31 Ogos 2024.

Untuk makluman, pindahan simpanan adalah dari Akaun Sejahtera ke Akaun Persaraan dan Akaun Fleksibel sahaja. Pilihan amaun tidak melibatkan apa-apa pindahan simpanan daripada Akaun Persaraan ke Akaun Fleksibel. Setakat 19 Julai 2024, seramai 3.8 juta atau 29.3 peratus daripada jumlah 13.1 juta- ahli KWSP yang bawah 55 tahun telah memilih untuk

mempunyai amaun permulaan di dalam Akaun Fleksibel dengan jumlah perpindahan sebanyak RM12.6 bilion, manakala RM5.6 bilion pula telah dipindahkan kepada Akaun Persaraan.

Pindahan kepada Akaun Persaraan ini memberi kesan kepada peningkatan simpanan ahli iaitu penambahan seramai 43,000 ahli baharu yang telah mencapai simpanan asas. Seramai 3.4 juta atau 26.2 daripada 13.1 juta- ahli KWSP di bawah 55 tahun telah membuat pengeluaran daripada Akaun Fleksibel yang melibatkan jumlah sebanyak RM8.9 bilion. Pengeluaran daripada Akaun Fleksibel tidak memberikan kesan ketara kepada KWSP kerana jangkaan jumlah pengeluaran oleh ahli adalah dalam lingkungan alokasi tunai dan pasaran wang KWSP. Di bawah alokasi aset strategi semasa, KWSP telah mengalokasikan pelaburan *instrument* tunai dan pasaran wang antara dua ke-enam peratus daripada jumlah aset pelaburan KWSP.

Seterusnya, strategi alokasi pelaburan di bawah SAA akan dikaji secara berkala untuk mengambil kira unjuran aset, liabiliti dan kedudukan kecairan KWSP serta mengambil kira kesan daripada penstrukturan semula akaun KWSP. KWSP kekal komited untuk melindungi dan menambah nilai simpanan ahli dengan mengoptimumkan portfolio pelaburan dan memberikan dividen yang mampan selaras dengan objektif KWSP sebagai dana persaraan jangka panjang.

Daripada segi implikasi kepada ekonomi negara pula, jangkaan awal pengeluaran Akaun Fleksibel pada tahun pertama adalah sekitar RM15 bilion iaitu kira-kira 0.8 daripada KDNK negara untuk tahun 2023. Namun begitu, kesan sebenar pengenalan Akaun Fleksibel kepada pertumbuhan KDNK negara akan bergantung kepada beberapa faktor termasuk kecenderungan dalam cara perbelanjaan ahli. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Husain bin Awang: Soalan tambahan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Kita bagi kepada yang bertanya dahulu.

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Terima kasih...

Dato' Haji Husain bin Awang: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Selepas dia.

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan sebentar tadi. Soalan tambahan saya, sejauh manakah mekanisme pelaksanaan Akaun Fleksibel untuk pengeluaran kecemasan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dapat membantu ahli pencarum dengan lebih berkesan dan memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan? Terima kasih.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, skim KWSP sentiasa ditambahbaikkan bagi membolehkan ahli mempunyai jaminan pendapatan persaraan yang mencukupi untuk menyara kehidupan sepanjang persaraan mereka.

Kerajaan sedar bahawa simpanan KWSP adalah untuk tujuan persaraan ahli pada masa hadapan. Namun, kerajaan juga memahami bahawa terdapat keperluan untuk mengambil kira situasi di mana pasti akan ada terdapat ahli yang memerlukan simpanan mereka dengan kadar sekadar segera terutama ketika berlaku kecemasan.

Sehubungan dengan itu penstrukturan semula akaun KWSP ini adalah bagi tujuan untuk menambahbaik keselamatan pendapatan persaraan di samping memenuhi keperluan kitaran hidup ahli di mana ahli boleh mengakses Akaun Fleksibel pada bila-bila masa dan untuk apa-apa tujuan terutama bagi tujuan kecemasan. Ia membolehkan ahli mendapat sumber kewangan tunai dengan segera.

Walau bagaimanapun, ahli KWSP dinasihatkan untuk menggunakan pengeluaran ini bagi kegunaan waktu kecemasan dan keperluan mendesak sahaja. Nisbah Bagi Akaun Persaraan telah pun ditingkatkan sebanyak lima peratus iaitu dari 70 peratus nisbah sebelum ini kepada 75 peratus kini. Hal ini dilihat mampu meningkatkan kadar simpanan ahli dan mempercepatkan ahli mencapai kadar simpanan asas bagi tujuan persaraan. Inisiatif ini bukan sekadar tindak balas kerajaan terhadap keperluan semasa, tetapi merupakan langkah proaktif untuk membantu rakyat menghadapi perubahan landskap pekerjaan dan demografi penduduk serta keperluan kitaran hayat ahli KWSP.

Dengan inisiatif ini kerajaan berusaha untuk memastikan setiap ahli KWSP dapat mengurus kewangan mereka dengan yakin dan berdaya tahan dalam persekitaran yang dinamik serta mencabar ini, di samping dapat memenuhi keperluan kewangan jangka pendek yang boleh menjejaskan kesejahteraan semasa persaraan sekiranya tidak dipenuhi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Dato' Haji Husain.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri.

■1100

Soalan tambahan saya seperti yang sudah diketahui umum bahawa Akaun 3 iaitu dinamakan juga sebagai Akaun Fleksibel memperuntukkan sepuluh peratus daripada keseluruhan simpanan pencarum dalam akaun kumpulan simpanan pekerja. Namun demikian, ada segelintir pihak yang mengambil kesempatan daripada peluang ini untuk perkara-perkara kemahuan bukan untuk keperluan yang mendesak.

Hal ini boleh mengakibatkan simpanan mereka di luar ataupun pada hari persaraan berkurang sekali gus menyukarkan mereka untuk berhadapan dengan cabaran kenaikan kos sara hidup yang tidak berkesudahan. Oleh itu soalan saya adalah, adakah pihak kerajaan bercadang untuk melaksanakan sesi literasi kewangan terhadap semua pencarum khususnya bagi mereka

yang sudah memilih untuk mewujudkan Akaun Fleksibel ini dalam usaha untuk memupuk kesedaran mengenai pengurusan kewangan yang baik? Terima kasih.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat. Isu kecelikan kewangan Ahli KWSP adalah isu yang penting kerana kalau kita lihat daripada segi data yang kita ada dalam KWSP, memang kecelikan kewangan di negara ini adalah amat rendah sekali. Jadi dengan usaha yang kita nak buat ada beberapa benda yang penting yang kita buat. Daripada segi penstrukturan semula akaun KWSP, kita buat dengan cara juga untuk menambah akaun persaraan itu telah dinaikkan daripada 70 peratus kepada 75 peratus. Jadi simpanan untuk zaman persaraan lebih mampan lagi pada kita, jika kita bandingkan dengan sebelumnya.

Untuk literasi daripada segi KWSP, KWSP menyediakan di mana tiap-tiap cawangan KWSP ada pegawai-pegawai yang dipanggil *Retirement Advisory Officer* mana-mana pencarum yang ada akaun dengan KWSP boleh datang untuk berbincang. Di mana mereka memberi panduan macam mana untuk menguruskan perbelanjaan dengan lebih elok.

Sebagai contoh, antara produk-produk yang kita adakan dalam KWSP untuk mereka yang telah sampai zaman persaraan. Apa yang di-*recommend*-kan oleh KWSP adalah *toksah* bawa *keluaq* semua duit yang ada dalam KWSP tinggal, tapi bawa keluar dengan secara berkala kerana simpanan yang masih ada dalam KWSP akan terus mendapat menjana dividen. Jadi inilah cara-cara kecelikan kewangan yang memberi lebih banyak pulangan kepada ahli pada masa depan.

KWSP juga ada membuat pencerahan dengan program-program yang diadakan dengan syarikat-syarikat di mana dia pergi kepada syarikat-syarikat dan membuat penerangan kepada pekerja-pekerja dalam syarikat dan usaha-usaha literasi macam ini amat menolong.

Daripada segi kerajaan bawah *Financial Education Network* yang dikelolakan bawah Bank Negara, KWSP juga menyumbang kepada cara macam itu di mana koordinasi antara agensi-agensi kerajaan akan dibuat dengan lebih baik lagi untuk memberi penerangan yang lebih elok. Jadi kita harap dengan penambahbaikan struktur, dengan adanya orang yang boleh menolong ahli kalau dia nak datang, dan juga penerangan secara meluas kita dapat meningkatkan lagi kecelikan kewangan yang ada dalam negara. Terima kasih.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Dato' Yang di-Pertua, mohon satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri. Dato' Nelson nak tanya. Dr. Nelson.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Pertama, saya ucap terima kasih kerana Menteri datang untuk jawab di Dewan Negara *after all, this is your home. You are also Senator... [Tepuk] [Ketawa]* Mutakhir ini terutamanya semasa COVID-19 itu hari kita dapati bahawasanya banyak kerajaan membenarkan pengeluaran pencarum ini. Dan kebetulan waktu itu saya rasa Menteri merupakan Ketua KWSP tak silap saya waktu itu.

Jadi soalan sayanya dalam masa tempoh pengeluaran yang begitu banyak, berapa jumlahnya peratusannya dan juga adakah ia menjejaskan kedudukan kewangan KWSP itu sendiri? Itu yang kebimbangannya, okey baik terima kasih.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Yang di-Pertua memang semasa zaman COVID-19 kerana kalau kita lihat situasi COVID adalah satu situasi yang luar biasa yang tidak pernah kita mengalami. Dan kekangan yang berlaku kerana bila ada *lockdown* yang berlaku banyak rakyat kita yang tidak dapat menjana pulangan untuk hidup dengan biasa.

Jadi kerajaan telah memberi ruang di mana mereka dibenarkan mengeluarkan sikit daripada simpanan yang ada dalam KWSP. Daripada segi jumlah yang dikeluarkan masa itu dalam empat pengeluaran yang dibenarkan RM145 bilion telah dikeluarkan dalam empat-empat pengeluaran yang ada. Ini tak termasuk pengurangan caruman yang diturunkan kadar caruman masa itu di mana RM10 bilion yang sepatutnya masuk ke dalam KWSP tidak masuk dalam KWSP. Jadi kita kira RM155 bilionlah.

Namun pengurusan KWSP masih mampan. Dan kalau kita tengok daripada segi saiz dananya, dananya masih besar lagi. Setakat ini, aset bawah kawal selia KWSP adalah sebanyak RM1.2 trilion. Jadi walaupun pengeluaran itu besar dia tidak menjejaskan kewangan KWSP, tapi apa yang lebih penting adalah, mereka yang banyak mengeluarkan duit masa itu ada segelintir daripada mereka yang simpanan untuk masa persaraan terjejas. Jadi dalam usaha bersama kerajaan, kerajaan ada memberi inisiatif-inisiatif baharu untuk menggalakkan mereka mencarum semula ke dalam KWSP agar simpanan bila sampai zaman persaraan akan menjadi cukup.

Cara-caranya ialah seperti dalam program i-Saraan di mana kerajaan memberi *matching* simpanan sebanyak 15 peratus setakat RM500 untuk caruman daripada kerajaan kepada mereka yang mencarum balik ke dalam KWSP, yang tidak ada caruman tetap. Bawah Skim i-Saraan ini lebih 400,000 orang telah mula mencarum balik bawah skim ini dan simpanan yang telah masuk untuk tahun ini dah lebih pada RM1 bilion kerana ada inisiatif-inisiatif macam ini.

Jadi KWSP dengan kerajaan akan terus berusaha untuk menambahbaikkan kepada mereka yang lebih terkesan kerana mereka yang mengeluarkan simpanan masa zaman itu, jadi kita nak perbaiki simpanannya. Saya pakai satu data mungkin satu data yang memberi kita

harapan yang usaha ini berjaya. KWSP menggunakan KPI yang simpanan asas. Simpanan asas ini bermakna mereka yang bersara bila sampai masa bersara dia ada cukup RM240,000 pada zaman dia bersara.

Kalau kita tengok daripada data selepas zaman pengeluaran, hanya 30 peratus pada pencarum KWSP yang mencapai atau akan mencapai simpanan asas masa kita tengok lepas pengeluaran RM145 bilion itu, tapi sekarang kalau kita tengok daripada data sejak Mei tahun ini peratusnya telah naik kepada 34 peratus kerana caruman dah mula balik masuk ke dalam dan pulangan daripada KWSP pun menggalakkan. Jadi simpanannya telah naik kerana itu. So, saya rasa usaha-usaha ini telah menunjukkan perbaikan yang telah berlaku dengan usaha bersama, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) rancangan kementerian untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pencegahan dan pengurusan penyakit tidak berjangkit (NCD), terutamanya dalam kalangan generasi muda dengan peningkatan kes penyakit seperti diabetes, hipertensi dan penyakit jantung di Malaysia; dan
- (b) apakah langkah-langkah dan pelan tindakan kementerian bersama-sama dengan penyedia penjagaan kesihatan swasta untuk mengurangkan bilangan penghidap penyakit-penyakit ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Dato' dan tahniah kepada Dato' sebagai selaku diangkat sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, tahniah sekali lagi. Terima kasih Senator Prof. Tan Sri.

Saya mulakan dengan *assalamualaikum* dan salam Madani. Sangat baik soalan ini Dato' Yang di-Pertua kerana ia beralih daripada apa yang baru saja kita keluar daripada pandemik yang dikatakan sebagai *infection diseases* ataupun *communicable diseases* khususnya SARS Cov-2 kepada satu yang lebih sebenarnya menjadi lebih mencabar dari sudut sama ada pandemik global ataupun pandemik di negeri kita sendiri.

■1110

Yang membezakan Pandemik *Communicable Disease* (CD) beza dengan NCD yang ditanya oleh Senator Prof itu, yang dikatakan *Communicable Disease* sifatnya itu ia *episodic*, ia datang dan ia pergi.

Kedua- dia *acute*, ia tak tunggu lama dan juga ia ada *offending*-nya, sebab dia *offending*, *reason* dia sama ada patogen, sama ada virus, sama ada bakteria dan sebagainya, tetapi NCD yang diangkat soalan ini oleh Senator Tan Sri Prof ini adalah sangat penting kerana *it is here to stay*, dia ada berada pada sesiapa pun dihinggapinya itu. *It's a life long, it is not acute, it's chronic, it's not episodic. It will be for life*. Kalaupun ada penyebabnya sebagai punca utama, kalau contohnya diabetes, tetapi yang menjadi lebih masalah *you cannot*, kita tidak boleh kawal kerana dia adalah *multifactorial*.

Diabetes itu dia punya penyebab-penyebab lain yang menyebabkan kalau lah antara lain *lifestyle, habits diet*, dan *obesity*, rokok dan inilah penyakit-penyakit yang dikatakan *the lifestyle diseases* ataupun *chronic diseases* yang dikatakan sebagai *non-communicable diseases*.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin untuk sikit memberikan penjelasan bahawa dari sudut bagaimana kita menanganinya diabetes, hipertensi, jantung dan serangan jantung IHD ini yang merupakan punca utama kematian di negara kita dan juga kanser. Semuanya ini adalah antara lainnya, khasnya kepada sasarannya golongan muda. Kita telah mengadakan beberapa intervensi ataupun langkah-langkah yang di antara lain adalah untuk kita menfokuskan kepada promosi dan pendidikan kesihatan golongan ini. Literasinya sama ada daripada murid-murid sekolah sehinggalah kepada peringkat institusi pengajian tinggi. Program diperkatakan sebagai PROSIS untuk memberikan mereka pencerahan.

Kedua adalah untuk memperkenalkan dalam program pemerksaan melalui ejen komuniti. Ejen kesihatan komuniti yang dikatakan sebagai *MyChampion* yang mana mereka dengan sukarelawan ini akan menggerakkan *Wellness Hub Community* pada komuniti-komuniti supaya dapat diberikan sekali lagi tentang pencerahan pendidikan atas cabaran penyakit-penyakit tidak berjangkit ini yang merupakan lebih mencabar daripada penyakit berjangkit.

Dan ketiga adalah mewujudkan- sejak lama, sejak 2013 lagi. Sejak dulu lagi kita telah mengadakan Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN). Yang KOSPEN punya kurang lebih 914 lokaliti atau jumlah lokaliti KOSPEN dan mempunyai sukarelawan seramai 7,419 orang sukarelawan. Dan juga, satu lagi program kita adakan rundingan- mengadakan apa yang dikatakan sebagai *outreach*. Kita adakan program temu seru ataupun *the touch point* bersama dengan *wellness* ataupun mobil kesihatan *wellness on wheel* di mana kita menyediakan program-program kesihatan ini di mana ada 623 lokaliti komuniti di seluruh negara.

Dan akhir sekali, kita menggerakkan apa yang dikatakan sebagai inisiatif saringan. Saringan sangat penting untuk mendapat- untuk mengenal pasti sebab dari saat daripada kajian mutakhir NHMS 2023, kita dapati golongan remaja 80 peratus tidak tahu bahawa mereka adalah diabetes, mereka punya kencing manis dan yang lainnya dalam keadaan mereka tidak tahu. *This is the most dangerous thing because they don't even know.* Mereka sendiri tidak tahu dan dia ada *walking time bomb*.

Sebab itu kita tengok hari ini serangan jantung, *even CVA* apa yang dikatakan sebagai strok dan sebagainya. Itu berlaku pada umur lebih awal, lebih muda. *Forties and below*. Sebabkan mereka tidak disaring. Jadi program saringan itu kami mempertingkatkan. Saringan hanya bagus kalau ia disusuli dengan rawatan. Rawatan itu hanya berkesan kalau kita kekalkan bahawa mereka setelah dikenal pasti dirawat mesti *to be on the wellness* program Datuk Yang di-Pertua.

Jadi oleh sebab itu, inilah antara bagaimana kita akan mempertingkatkan kesedaran, intervensi, rawatan supaya *pandemic of NCDs* ataupun dikatakan cabaran penyakit-penyakit tidak berjangkit yang lebih dari sudut, saya boleh sebutkan spontan begini bahawa kos dalam satu tahun kurang lebih adalah *to the tune of RM22 billion cost heavy disease of burden of NCDs*. Sebab itu, saya katakan sekali lagi penyakit-penyakit berjangkit datang dan pergi. Dia ada kos *causality factor*-nya sama virus ataupun apa pun bakteria dan sebagainya, tetapi NCDs dia adalah *life long* bagi setiap seorang dan dia berakhir dengan apa yang dikatakan sebagai sama ada IHD serangan jantung, strok dan juga dengan lain dan juga kanser, pneumonia dan sebagainya.

Di sini sangat penting untuk saya tekankan soalan Yang Berhormat Senator tadi adalah sangat penting untuk kita mempertingkatkan persoalan kesedaran dan juga langkah-langkah dari sudut kerjasama dengan komuniti dan swasta juga kita mempertingkatkan usaha-usaha kami dengan swasta di mana mereka juga terlibat dalam program-program saringan seperti Peka B40. Kita libatkan juga pihak-pihak swasta.

Dan pihak-pihak swasta pun hari ini, fasiliti-fasiliti dan *health mode operators*, mereka juga terlibat sama dalam menyemarakkan ataupun mempergiatkan lagi program-program saringan. Yang penting bagi saya, *all these data must collated*, ia mesti dipusatkan supaya kita dapat memantau secara *real time*. Kalau boleh *on the dashboard*, untuk kita tahu *prevalence* atau untuk kita tahu *morbidity* dan juga *mortality* akibat daripada NCDs. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Senator.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi. Soalan tambahan saya adalah bagaimana kementerian bercadang untuk melibatkan institusi pendidikan

dan organisasi belia dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai risiko dan pencerahan NCD dalam golongan generasi muda? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Senator. Yang telah saya tekankan betapa mustahaknya golongan muda yang merupakan *the productive workforce ahead* dan dalam keadaan HNMS atau tinjauan mobiditi kebangsaan itu menunjukkan bahawa mereka tidak- *even* ketahuan atau *they don't even know that they are diabetes*, mereka ada kencing manis maka mustahak untuk kita mempertingkatkan lagi program-program seumpama yang di institut pengajian tinggi kita ada program siswazah sihat ataupun PROSIS.

Itu kalau di universiti, tetapi kalau dengan komuniti, komuniti-komuniti ini adalah juga antara lainnya melibatkan belia pada umur *15 to 39* ataupun dalam lingkungan umur itu mereka juga kita ajak bersama untuk menjadi- di samping mereka menjadi ejen *MyChampion* ini di bawah kumpulan *MyChampion* untuk bersama dalam khasnya dalam KOSPEN dan di komuniti-komuniti lah kita libatkan mereka.

Belia di mana pun mereka, sama ada di universiti mahupun yang tidak, mereka juga adalah kumpulan sasaran kami dalam program KOSPEN, dalam program Peka B40 dan juga di peringkat lebih muda daripada itu di sekolah dan juga di sekolah-sekolah menengah rendah dan juga di universiti memang kita ada program-program untuk libatkan mereka bersama dalam program mereka di mana mereka sendiri adalah ejennya dan mereka juga adalah sasarannya untuk kita berikan literasi ataupun pencerahan dan pendidikan tentang peri pentingnya untuk mereka disaring awal, dikenal pasti terutama bagi mereka yang punya *parents* yang kita tahu dalam satu keluarga *bedridden father* akibat daripada strok, *post stroke*, *post cancer*, *post* serangan jantung.

Mereka juga adalah bakal-bakal statistik ini kalau mereka tidak jaga awal *because that genetic thing is also* satu hal, tetapi lebih penting yang saya sebutkan tadi di luar *causality factor* atau faktor penyebab adalah faktor-faktor cara hidup, faktor-faktor diet, faktor-faktor *lifestyle*, kurang aktif, *sedentary lifestyle*, semua ini mahu kita gerakkan dalam program kami untuk menyemarakkan apa yang dikatakan sebagai HNMS, *generally our Malaysian nation* sihat Tuan Yang di-Pertua. Itu kurang lebihnya serba sedikit. Terima kasih.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Soalan tambahan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Soalan tambahan saya.

Yang di-Pertua: Dia dulu berdiri.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Yang Berhormat Menteri. Pertama, apakah pendekatan holistik yang sedang dilaksanakan oleh KKM menjadikan agenda perang terhadap

gula dengan mengambil kira ketersediaan pelbagai jenis produk minuman serta makanan bergula di pasaran?

Dan yang kedua adakah KKM mempunyai perancangan untuk melaksanakan sebarang bentuk insentif galakan bagi mendorong rakyat untuk memiliki peranti untuk memeriksa kandungan gula dalam darah atau *glucose monitor*, dengan izin, bagi memudahkan mereka melakukan *glucose check-up* secara rutin di rumah? Sekian, terima kasih.

Yang di-Pertua: Yang berhormat.

■1120

Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Senator Dato'. Ya, dapatan daripada NHMS- *National Health Morbidity Survey 2023*, daripada empat parameter yang semuanya ada menunjukkan sedikit penurunan sama ada diabetes, sama ada kencing manis dan tinggi kolesterol pun- *hiperkolesterolemia* itu, satu *fat* metrik tidak menunjukkan penurunan. Itu adalah faktor *overweight* ataupun berat badan yang tinggi, lebihan berat badan dan juga obesiti.

Sekali gus, punca utamanya adalah terkait dengan persoalan pengambilan gula dan ini adalah dia antara sebab mengapa kami telah merancang itu dalam waktu terdekat kita akan terangkan bagaimana kita akan melakukan satu program untuk kita isytiharkan perang ke atas gula ataupun *war on sugar*.

War on sugar mutakhir ini ia masih lagi belum kami buat satu peluncuran atas perkara ini, tapi telah pun kami susun program-program ini mungkin ada yang terperasan saya lepaskan *act* saya baru-baru ini, apabila memberikan pengiktirafan kepada satu kumpulan atau boleh saya sebutkan? Kalau tidak dengan maksud untuk mempromosi mereka. Tambahan mereka adalah *a local product- Fresh- Farm Fresh Choco Malt*, contohnya ya. Mengurangkan kandungan gula, langsung saya memberikan sokong, *way to go industry* ya, *healthy option*, pilihan baik. *We have a program called- Healty Choice Logo* yang mana sesiapa pun yang membuat *preparation* dan *reformulate* produk-produk mereka itu untuk mengurangkan gula, kita memang berikan pengiktirafan.

Jadi, *Healthy Choice* ini untuk *less sugar, less* gula dan juga- *less sugar, less* diabetes, *less obesity*, yang ini adalah antara contoh dan beberapa slogan-slogan yang lain yang juga kita akan perkenalkan dan ini adalah satu yang akan terus-terusan akan kita ambil kempen untuk mengurangkan pengambilan gula, termasuk juga Dato' Yang di-Pertua, akan tabiat- *you see in Europe, they only eat- kedai semua after eight they don't-* dia tak buka dah kedai-kedai, *that's not like ours, 24 hours and* makanan.

Especially towards the end of the day or the night ini- ya kita tahu memang ada keperluan-keperluan tertentu untuk- *to eat at about midnight*, sebab mereka bekerja, *but all those can be*

done earlier, contoh, *I am not giving in* satu dasar lagi, *but even eating at those very odd hours and we sleep with that stomach full* ataupun ya- *these are the reasons why all these will be turning into fat*. And *fat is an-* just sama ada *just not subcutaneous fat*, sometimes they are also *visceral fat*. *Visceral fat-* dalaman ini adalah lemak-lemak di dalam organ kita yang menjadi sebab antara lain *why we have fatty liver*. *Fatty liver, you are exposed not only diabetes, but as well liver cancer* dan sebagainya. Terlalu banyak untuk saya terangkan tetapi yang pentingnya, *the fight on sugar* ini adalah satu yang kita akan lakukan. Yang Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri, sangat memahukan *not just- you know there are countries who waged war against liquid sugar* dan sebagainya.

Kita akan mengadakan beberapa langkah antara lain *to have nutrient grade* dan sebagainya. Saya belum boleh dapat menyebutkan satu per satu atas kempen ini, *but the war on sugar is certainly coming*, Dato' Senator ya. Kalau ada pun daripada segi peranti dan sebagainya itu, kita nak mempermudah *the ability to access* saringan dan tahu mengawal *sugar* dan *over this issue about making it possible for them to get* apa nya- dipanggil sebagai *rapid test* itu. Itu satu yang mudah kita boleh fikirkan bagaimana, tapi yang penting bukannya *the daily test* itu, yang penting adalah untuk pastikan *that HBA1C test* dalam beberapa bulan itu adalah penentu untuk menentukan sama ada kita diabetes atau tidak.

Ini akan perlu kita pantau dan kita rawat. Yang penting untuk nobatkan saringan dan kemudian masuk dalam program rawatan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya nak had kepada dua. Kalau Yang Berhormat Menteri yang nak jawab. Satu, YB Datin Ros Suryati dan seorang Dr.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Saya.

Tuan Yang di-Pertua: *But, we give the lady first choice, if the Minister wish to answer.*

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Okey, okey.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya pendek *je*. Akhir-akhir ini kita dikejutkan dengan ramai golongan muda yang meninggal dunia kerana serangan jantung. So, apakah tindakan kerajaan? Kerana ramai di kalangan yang muda-muda ini di kalangan golongan B40 dan mereka tidak mampu untuk menjalankan saringan kesihatan. Adakah pihak kerajaan dan juga Kementerian Kesihatan akan memberi kemudahan kepada rakyat Malaysia, khususnya di kalangan B40 untuk mendapat saringan percuma? Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad: Baik. Terima kasih Senator Datin. Sangat mustahak persoalan ini dan memang betul. Sasaran kepada tugas kami semasa saya dalam penggal pertama lagi telah memperkenalkan apa yang dikatakan sebagai Program PekaB40.

PekaB40 ada peduli kesihatan B40, khususnya kepada golongan-golongan berpendapatan rendah. Salah satu daripada Program PekaB40 adalah menjalankan program apa yang dikatakan sebagai saringan dan saringan yang dulunya umur-berumur menengah dan berumur 40 tahun lebih, tetapi saya mahukan program ini untuk diturunkan kepada peringkat yang lebih muda. Yang dikatakan belia adalah mengikut pentakrifan Akta Belia itu adalah *15 to 39* atau *40*.

Jadi, saya memandangi apa yang disebutkan oleh Senator sebentar tadi adalah sangat penting untuk kita turunkan bukan sahaja dari sudut had *bracket* umur, tetapi yang mustahaknya bukan sahaja kumpulan yang mampu untuk mendapatkan saringan di- secara berbayar, tapi kita nak perluaskan lagi rangkuman PekaB40 ini kepada seluruh rakyat. B40 dan juga saya mahukan ia boleh diberikan kepada M40, *lower middle* M40 dan M40 seluruhnya.

Kerana program saringan ini *is gonna be a nationwide* program untuk kita lawan dan kita perang isu yang dikatakan tadi obesiti dan *obese* dan juga berat badan yang punca utama kepada kesemuanya penyakit-penyakit tidak berjangkit, *diabetes, hypertension, hiperkolesterolemia* dan juga menjadi sebab mengapa kematian pra-matang, IHD, serangan jantung dan kedua, strok adalah antara sebab apa yang dipanggil sebagai *the sequelae* ataupun berakhirnya yang dengandengan berakhirnya penyakit-penyakit ataupun serangan seperti serangan jantung dan juga serangan ahmar itu. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Terakhir daripada Doktor.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Pengalaman dan juga data beberapa siri *National Health and Morbidity Survey* memberitahu bahawa pendekatan kita selama ini untuk mengawal *non-communicable disease* adalah gagal. KKM pula akui bahawa apa yang kita dah sedang buat pendekatan selama ini *something for the start lah. We have to tell it's a failure* lah. Apakah pendekatan baru yang akan diperkenalkan oleh kerajaan untuk mengatasi isu ini memandangkan seperti apa yang Datin kata tadi, penyakit jantung, angin ahmar dan buah pinggang semakin meningkat?

Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Senator Dr. Ya, *you know very well* bahawa perkara ini adalah dalam pengetahuan dan dalam strategi *reform* saya.

Saya mengambil pendekatan kali kedua, *coming back* untuk mengemudi KKM ini dengan pendekatan *truly health care and not sick care. That has been* mantera saya dan semua faham.

Kalau di Indonesia, orang kata hospital itu rumah sakit. Rumah sakit sebab untuk orang sakit, tapi kalau kita klinik, kita kata klinik kesihatan. Kita ada 3,000 lebih klinik kesihatan.

So, the emphasize must be at the preventive primary health care. Saya tahu bahawa NHMS yang lalu, 2023 tidak memberikan kita satu pengiktirafan pada usaha-usaha kita. *We still have slightly lower diabetes, hypertension* masih lagi pada paras yang agak tinggi, walaupun *slight non-significant difference* penurunan dan juga tinggi kolesterol, tapi obesiti dan berlebihan berat badan itu masih kekal. Masih kekal tegar begitu. Jadi, saya akan- di samping memperbaiki, di samping *to enhance further health facilities, tertiary, secondary- tertiary* dan juga *our centers of excellent* seperti IKN, IJN dan IPR dan sebagainya.

■1130

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Saya akan memberikan fokus juga, dengan memberikan fokus kepada *preventive healthcare, the real healthcare and that is care in the clinics. That's where we want to be-* di situlah kita akan meletakkan *emphasis* kepada *preventive, promotive, wellness.* Sebab itu semua yang saya sebutkan lebih awal tadi adalah dalam lingkungan paradigma *healthcare* dengan tidak menafikan kepentingan untuk kita perbaiki *and enhance healthcare delivery* di peringkat *secondary and tertiary in hospital and all our hospitals and centers of excellence* kita.

Jadi ya betul saya mengakui kita masih belum dapat menurunkan, *we are still not shifting the pointers* ataupun *doesn't move the needle* lagi, dengan izin, tetapi saya amat komited untuk memastikan dalam Penggal Kelima Belas Parlimen ini, *as long as I am-* selama mana saya mengemudi MOH, saya akan berikan pendekatan bukan sahaja *on the health reform* dan *reform* saya adalah saya telah sebutkan banyak kali, tapi yang mustahaknya adalah *to help to improve and enhance health outcome.*

Saya pesan kepada fasiliti awam dan juga kepada fasiliti-fasiliti swasta untuk bersama dalam *this journey of improving health outcome. Therefore, I want them to also practice,* mengamalkan *value-based health outcome.* Bukan *pay for service, pay for outcome and that's we must be in it together,* dengan izin. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk Menteri. Saya sekarang menjemput Datuk Noraini Idris untuk mengemukakan soalan.

Datuk Noraini binti Idris: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Sangka tak sempat soalan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak apa, hari ini pasal *bill* dia tak banyak- RUU tak banyak. Jadi saya rasa saya nak tambah masa untuk Sesi Soal Jawab.

Datuk Noraini binti Idris: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Noraini binti Idris: Soalan saya nombor 7. Terima kasih.

7. Senator Datuk Noraini binti Idris minta Menteri Pertahanan menyatakan, bagaimanakah Penjajaran Pelan Transformasi TLDM 15to5 berupaya memperkukuh sistem keselamatan maritim yang melibatkan sempadan wilayah Sabah dan berapakah anggaran perbelanjaan dalam pengurusan serta pembangunan dalam menjayakan setiap pemerolehan aset dan penstrukturan semula organisasi TLDM yang terlibat dalam pelan transformasi tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Menteri.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Adly bin Zahari]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani. Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris atas persoalan yang dikemukakan.

Datuk Yang di-Pertua, Penjajaran Pelan Transformasi TLDM 15to5 dilaksanakan dengan tujuan agar TLDM berupaya untuk terus menunaikan tanggungjawab dalam melaksanakan operasi dan tugas penting bagi mempertahankan kedaulatan serta kepentingan maritim negara kita. Perubahan landskap geopolitik dan geostrategik, kekangan kewangan dan juga cabaran dalam industri menyebabkan penjajaran terhadap Pelan Transformasi TLDM 15to5 perlu dilakukan.

Beberapa inisiatif baharu telah diwujudkan dalam pelan tersebut bagi meningkatkan keupayaan tempur, memastikan kesiapsiagaan berada dalam tahap tertinggi dan menjadikan TLDM sebagai angkatan laut yang *credible*. Melalui pelan ini juga, pihak TLDM telah memperkasakan sistem keselamatan maritim melibatkan sempadan wilayah Sabah dan melalui peruntukan kewangan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia yang Kesebelas dan Rancangan Malaysia yang Kedua Belas, TLDM telah berjaya memperoleh empat buah kapal *littoral mission ship batch* yang pertama, tiga buah helikopter operasi maritim dan 19 *boat Fast Interceptor Craft* (FIC) dan kesemua empat buah kapal LMS *batch* yang pertama dan helikopter operasi maritim ditempatkan di pangkalan TLDM di Teluk Sepanggar Kota Kinabalu.

Dalam masa yang sama, usaha memperkasakan armada TLDM melalui pelan ini diteruskan dengan termeterainya perjanjian perolehan tiga buah kapal *littoral mission ship batch* yang kedua dengan syarikat STM *Turkiye* baru-baru ini secara G2G. Saya ingin menyebut bahawa antara *reform* yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui sistem perolehan aset pertahanan ini adalah melalui sistem yang kita sebut sebagai G2G bagi

memastikan bahawa pelan strategik kita untuk kita mendapatkan aset pertahanan ini dapat kita laksanakan seperti mana yang telah kita rancang.

Kalau kita melihat dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga Belas pula, TLDM telah merancang perolehan dua buah kapal *Multi-Role Support Ship* (MRSS), tiga buah kapal *littoral mission ship batch* yang ketiga dan empat buah helikopter antikapal selam dan enam buah *unmanned aerial vehicle* (UAV) dan secara keseluruhannya kesemua perolehan aset strategik TLDM ini, di bawah Rancangan Malaysia yang Ketiga Belas sehingga tahun 2030 dianggarkan berjumlah RM10 bilion hingga RM11 bilion. Itu saja ingin saya maklumkan. Terima kasih.

Datuk Noraini binti Idris: Soalan tambahan. Okey terima kasih YB Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Saya difahamkan bahawa pada 17 Jun lalu, YB Menteri telah menjalankan lawatan kerja ke kawasan tanggungjawab Operasi Padanan dan *Sipadan Island Resort* atau Op Pasir, Sektor Bravo di Pulau Berhala dan Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2) di Sandakan.

Jadi soalan saya, berdasarkan pengamatan MINDEF daripada lawatan tersebut, secara dasarnya apakah aspek pengendalian pertahanan yang perlu ditambah baik bagi meningkatkan mutu perkhidmatan para anggota Angkatan Tentera Malaysia yang ditempatkan bertugas di kedua-dua zon operasi tersebut serta di operasi-operasi lain di seluruh negeri Sabah dan adakah ATM mempunyai perancangan untuk menambah anggota ATM sebagai strategi untuk meningkatkan kesiapsiagaan pasukan ATM di seluruh pintu masuk sempadan maritim dan darat di negeri Sabah lebih-lebih lagi untuk berdepan dengan sebarang kebarangkalian ancaman provokasi daripada negara-negara luar yang berkepentingan di persisiran negeri Sabah? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Tuan Adly bin Zahari: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan juga terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Seperti mana persoalan yang dibangkitkan terutamanya tentang perairan Sabah kita, saya tahu seperti mana yang kita telah gariskan dalam Kertas Putih Pertahanan kita, maritim adalah salah satu aspek penting kepada kita walaupun tadi yang saya sebut bahawa kita membelanjakan hampir RM10 bilion hingga RM11 bilion dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas yang akan datang itu untuk kita mendapatkan aset-aset pertahanan terutamanya pertahanan laut kita, tetapi dalam Kertas Putih Pertahanan itu sendiri ingin saya tegaskan juga bahawa memang dicatatkan bahawa kita kehilangan hampir RM60 bilion kerana perkara-perkara yang terkait dengan kemampuan kita untuk mendapatkan hasil daripada maritim itu sama ada hasil laut ataupun hasil perdagangan mahupun dalam sektor pelancongan dan juga kalau kita lihat dari segi aspek-aspek lain yang melibatkan lanun dan seumpamanya.

Sebab itu kalau tadi disebut tentang peranan kita, memang kita tak nafikan bahawa di samping kita tingkatkan teknologi kita, kalau kita lihat macam tadi disebut tentang Padanan, Sipadan, kita sebenarnya di wilayah Sabah ini, kita tahu bahawa angkatan tugas bersama kita, ATB kita memang menguruskan radar kita. Kalau kita lihat dalam tempoh-tempoh dari tahun lalu dan juga tahun ini, kita telah tingkatkan keupayaan radar kita kerana kita tahu bahawa kalau keupayaan ini dapat kita tingkatkan, bahawa hampir keseluruhan daripada maritim Sabah itu dalam pengawasan kita.

Di samping tadi ada dicadangkan tentang peningkatan *human resource* kita, keupayaan tenaga tentera kita tapi kita tahu bahawa dalam Kertas Putih Kesihatan kita, di samping kita tingkatkan keupayaan anggota pertahanan, tetapi yang paling penting adalah peningkatan penggunaan teknologi dalam sistem pertahanan kita. Itu pun saya fikir dalam tempoh-tempoh ini berdasarkan kalau kita lihat kepada Pelan Transformasi 15to5 itu, peningkatan daripada segi teknologi dan keupayaan kita juga menjadi satu kepentingan kepada kita.

Sebab itu kalau kita lihat di samping kita bina keupayaan ketenteraan kita, peningkatan teknologi tetapi dalam masa yang sama kita juga membuat peningkatan kepada aset. Sebab itu kalau kita lihat sekarang ini, banyak pembangunan yang kita lakukan di wilayah Sabah itu sendiri termasuk dalam MAWILLA 2. Kalau kita lihat, kita dalam proses pembangunan untuk menaik taraf jeti yang sedia ada kerana kita tahu bahawa menjelang 2027, kita akan menerima LMS, kita akan menerima LCS menjelang 2026 lagi. Jadi kita boleh melihat bahawa bukan saja keperluan aset yang kita mahu, tetapi penyediaan infrastruktur juga telah kita rancang. Ini untuk maklumat Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya jemput Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Oh, tak ada soalan tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua: Tan Sri Fahmi, soalan Tan Sri Fahmi selepas ini... *[Ketawa]*

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Soalan tambahan

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 8.

8. Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta Menteri Ekonomi menyatakan:

- (a) status terkini dalam pelaksanaan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura; dan
- (b) apakah sektor industri yang telah diutamakan dan apakah insentif dan kemudahan yang akan diwujudkan?

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sesi ruang kumpulan bekerja bersama dengan izin, *joint working group* antara Kerajaan Malaysia dan Singapura sedang berlangsung sehingga Ogos 2024.

Seterusnya satu bengkel bagi mengharmonikan dan memuktamadkan permintaan dan tawaran Kerajaan Malaysia kepada Singapura akan diadakan pada minggu kedua Ogos 2024.

■1140

Perjanjian bersama JS-SEZ dijangka ditandatangani oleh kedua-dua negara pada akhir September 2024. Bagi menjawab soalan (b), suka saya maklumkan bahawa keutamaan pembangunan JS-SEZ bergantung kepada beberapa faktor termasuk ketersediaan tanah dan infrastruktur. Pembangunan JS-SEZ akan memberi tumpuan kepada sektor-sektor yang selari dengan dasar-dasar semasa kerajaan seperti Rancangan Malaysia, *the New Industrial Master Plan 2030* (NIMP), *National Energy Transition Roadmap* (NETR) dan lain-lain. Sebanyak 10 sektor yang telah dipersetujui bagi tujuan pembangunan JS-SEZ iaitu:

- (i) logistik;
- (ii) perkhidmatan kewangan;
- (iii) perkhidmatan perniagaan;
- (iv) pelancongan;
- (v) keterjaminan makanan;
- (vi) pembuatan;
- (vii) tenaga;
- (viii) pendidikan;
- (ix) kesihatan; dan
- (x) ekonomi digital.

Kementerian Ekonomi mengambil maklum akan persoalan mengenai insentif dan kemudahan. Ia nya masih belum dimuktamadkan dan dalam proses perundingan dengan kerajaan Singapura selain perbincangan dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Datuk Seri Hajjah Zurainah binti Musa: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Dato Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang diambil bagi

memastikan manfaat ekonomi dapat dirasakan oleh kedua-dua pihak dan Malaysia tidak ketinggalan? Janganlah warga asing sahaja yang diutamakan juga, sebab kan kadangkala kita memberi *position*, dengan izin, kepada warga Malaysia. *Not the top tier, not C-suite*. Itu yang menjadi kerisauan kami di sini.

Boleh juga kah kerajaan mengambil peluang sewaktu perundingan untuk menyelesaikan isu-isu diplomatik yang masih berlarutan? Contohnya, penjualan air ya, air mentah Johor ke Singapura supaya harganya lebih adil dan *it would be a win-win situation*. Bukannya *one*, sebelah pihak yang mendapat *profit over a 1,000 percent*. Terima kasih.

Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib: Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, memang kita nak memastikan bahawa kita ada *win-win situation*. Oleh sebab sebab itu kebanyakan daripada segi semua yang perlu diuruskan adalah antara kebanyakan kita punya kementerian dan yang akan membincangkan daripada segi keutamaan perniagaan dan sebagainya adalah Kementerian MITI.

Okey, kerana daripada segi apa yang perlu dilaksanakan adalah daripada segi mengutamakan perniagaan, tetapi daripada segi semua-semua yang perlu dilaksanakan oleh yang telah dimaklumkan tadi yang 10 sektor adalah di bawah kementerian-kementerian yang bertanggungjawab. Di mana kita nak memastikan bahawa *win-win situation* itu dapat dilaksanakan dengan betul.

Perbincangan atau *discussion* tentang daripada segi perairan, ya, itu adalah suatu yang juga *insya-Allah*, kita harap akan berbincang sama kerana ia saya fikir secara peribadi, ia adalah satu kepentingan dari segi keterjaminan makanan. Jadi, kita nak- oleh sebab itu, maklumat yang saya ada adalah berdasarkan daripada segi kategori yang kita dimaklumkan dan dari segi perbincangan untuk bersama, masih lagi perlu diteruskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh.

9. Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, usaha dan tarikan pihak kerajaan dalam meningkatkan pelancong ke negeri Kelantan khususnya terdapat peningkatan pelancong dari negara sempadan baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui *Tourism Malaysia* melihat usaha untuk merencanakan lagi pelancongan sempadan- *cross-border tourism* termasuklah negeri Kelantan yang merupakan antara laluan masuk utama pelancong dari

Thailand ke Malaysia melalui Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor sebagai satu tindakan yang penting.

MOTAC telah bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi mempromosikan pelancongan di negeri yang bersempadan dengan Thailand termasuk Kelantan sama ada di peringkat domestik dan antarabangsa. Beberapa program yang telah dilaksanakan sehingga separuh pertama tahun 2024 adalah seperti berikut:

- (i) Bengkel Pembangunan Pakej '*Niche Package Development Workshop*' *Unlocking the Charms of Kelantan 2024* sempena Tahun Melawat Kelantan 2024 telah diadakan pada 4 hingga 5 Januari 2024 di Kota Bharu.
- (ii) sambutan pelancongan Tahun Melawat Kelantan 2024 di Dabong pada 10 Februari 2024; dan
- (iii) penyertaan dari Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan ke *ASEAN Festival (A'Fest) 2024* pada 25 sehingga 28 April 2024 bertempat di ASEAN Mall, Pattani.

Tourism Malaysia juga giat mengadakan pelbagai aktiviti-aktiviti promosi bagi menggalakkan pelancong asing untuk mengunjungi negeri Kelantan. Usaha yang dibuat untuk mempromosikan Malaysia khususnya di Kelantan di peringkat antarabangsa ialah mempromosikan acara-acara pelancongan negeri yang dianjurkan bersempena dengan Tahun Melawat Kelantan 2024, melaksanakan promosi acara-acara pelancongan melalui saluran digital seperti promosi melalui media sosial untuk terus meletakkan *visibility* Malaysia di mata pelancong dan ejen pelancongan di pasaran-pasaran sasaran.

Ini merupakan usaha berterusan bagi menyokong Kerajaan Negeri Kelantan mempergiatkan lagi usaha mempromosikan Tahun Melawat Kelantan 2024 melalui platform *Instagram*, *Facebook*, *TikTok* dan lain. Menjalankan promosi pelancongan seperti jerayawara dan sesi Lawatan Suai Kenal (*FAM Trip*) sama ada secara fizikal, maya, *virtual* ataupun hibrid.

Pejabat *Tourism Malaysia* Bangkok juga mempromosikan Kempen *Self-Drive Tourism* melalui *FAM Trip Self-Drive Tourism* Siri II yang akan melibatkan laluan Sungai Kolok-Kelantan-Terengganu, Sungai Kolok pada Julai 2024 dan juga penganjuran Program *Wheel Tour* bersama kumpulan motosikal, kereta dari Thailand melibatkan laluan Thailand, Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Perlis, Thailand pada bulan September 2024. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang cukup mantap itu. Cuma, soalan sayanya, adakah

kementerian membuat studi dan mempunyai statistik, *comparative statistic* lepas *five or 10 years* kemasukan pelancong ke Kelantan terutamanya dari Thailand dan daripada negara-negara lain? Adakah ia nya trendnya menurun ataupun naik? Berapa banyak jaraknya? Terima kasih.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sememangnya, kita ada data-data lima ataupun 10 tahun yang lalu. Cuma, pada hari ini data yang ada pada saya hanya tahun 2023 sehingga Mei 2024.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kemasukan warga Thailand ke Malaysia dari bulan Januari sehingga Mei 2024 adalah 683,472 pelancong. Mencatatkan peningkatan 1.9 peratus berbanding dengan tahun 2023 iaitu 670,861 pelancong dalam tempoh yang sama.

Daripada jumlah itu, 87.61 peratus kemasukan warga Thailand adalah melalui jalan darat dan yang paling tinggi adalah melalui Bukit Kayu Hitam sebanyak 178,013 orang diikuti oleh Padang Besar 148,094, Rantau Panjang 139,506 dan Pengkalan Kubor 40,316. Mengenai dengan data-data yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, kita akan berikan jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Tulis?... *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan nombor 10. Nak bagi peluang kepada yang dua lagi. Saya akan beri dua lagi. Soalan nombor 10 dan nombor 11.

Jadi, saya jemput Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan untuk kemukakan soalan.

10. Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, langkah drastik kementerian terhadap keperluan ahli-ahli akademik di institusi pendidikan tinggi (IPT) dalam menggali ilmu "*kearifan watan*" seperti etnosains, etnoteknologi dan etnoperubatan untuk memastikan ilmu-ilmu warisan itu tidak sirna dan sebaliknya dipadukan dengan ilmu-ilmu moden, khasnya yang diambil daripada tradisi ilmu Barat.

Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menjawab soalan nombor 10 daripada Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan.

■1150

Kementerian Pendidikan Tinggi komited dalam memperkasakan budaya ilmu di negara ini termasuk ilmu kearifan watan. Jadi, dalam hal ini, KPT sentiasa berusaha untuk memastikan ilmu warisan ini terus dipelihara termasuk dapat diintegrasikan bersama ilmu moden.

Melalui KPT khususnya melalui institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA), kita memberikan keutamaan kepada bidang ini iaitu dalam hal-hal yang berkaitan dengan *indigenous*

knowledge khususnya untuk menjadi pencetus kepada ilmu sains watan dan juga dalam hal-hal yang berkaitan dengan etnoteknologi dalam acuan kita sendiri dan merintis pemikiran watan dalam kalangan penyelidik dan pengkaji tempatan. Di sinilah kita lihat lahirnya pemikir sains dan teknologi tempatan.

Dalam hal ini, untuk pengetahuan Dato' Yang di-Pertua, di bawah Program Dana Penyelidikan ini, kita masukkan sekali hal yang berkaitan dengan kearifan watan ini. Oleh yang demikian, terdapat beberapa Program Dana Penyelidikan atau yang kita panggil sebagai Dana Penyelidikan Fundamental Kementerian Pendidikan Tinggi.

Ini terdapat- ada empat jenis skim geran khususnya melibatkan Skim Geran Penyelidikan Fundamental ini. Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip, Skim Geran Penyelidikan *Transdisciplinary*, Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang.

Kesemuanya ini, kita juga turut memasukkan hal-hal yang berkaitan projek ataupun kajian-kajian yang berkaitan dengan kearifan tempatan ini. Jadi, tujuan kita juga ialah untuk kita dapat membina komuniti watan yang mahir dengan etnoperubatan, khusus dalam konteks perubatan dan juga dalam hal-hal kajian yang berkaitan dengan bidang-bidang yang lain, termasuklah kajian-kajian sains yang melibatkan seperti yang kita lihat.

Ada beberapa buah universiti yang mengkhususkan kajian-kajian mereka, termasuk saya ambil contoh dalam konteks UKM. UKM telah mempunyai beberapa pusat penyelidikan yang berkaitan dengan yang ada hubungan dengan kearifan tempatan. Sebagai contoh, mereka- kita telah pun mewujudkan Pusat Penyelidikan Tasik Chini, Pusat Penyelidikan di Bukit Fraser dan Pusat Penyelidikan Marin, Mersing dan juga kajian yang berkaitan dengan DNA Orang Asli. Ini semuanya menjurus kepada kajian-kajian yang berkaitan dengan kearifan tempatan.

Begitu jugalah dengan universiti UMT. Kita memberikan penekanan kepada mereka untuk mengkaji dalam bidang biodiversiti yang ada kaitan dengan pembangunan di kawasan berkenaan. Ini termasuklah dengan daripada segi kajian melibatkan biodiversiti tropika. Dan kita ada lagi kajian yang berkaitan dengan kajian Pusat Penyelidikan Setiu Tanah Bencah- *Setiu Wetlands*. Ini adalah berkaitan dengan kawasan-kawasan yang kita gabungkan dengan kearifan tempatan kita.

USIM sebagai contoh memberikan penekanan kepada dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan produk-produk halal. Lantaran itu, kita telah menubuhkan Institut Halal di bawah Universiti Sains Islam Malaysia. USM sebagai contoh satu lagi. Universiti yang memberikan penekanan dalam bidang yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan.

Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang cukup rinci dan menjanjikan.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Soalan tambahan saya berkaitan dengan apakah langkah Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melakukan satu gerakan secara intensif kajian terhadap manuskrip lama sebagai satu sumber yang kaya dengan ilmu watan yang meliputi bidang astronomi, teknologi perubatan dan sebagainya, yang jumlah puluhan ribu? 20,000 sahaja di Leiden Universiti. 5,000 lebih di Perpustakaan Negara dan selebihnya di Dewan Bahasa dan- Afrika, Moscow dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Diraja Dr. Zamry bin Abd Kadir: Ya. Terima kasih Prof atas soalan tambahan, khususnya yang melibatkan manuskrip-manuskrip tempatan. Saya ambil contoh, dalam lawatan saya ke- *in* London baru-baru ini. Saya mengambil kesempatan untuk pergi melihat sendiri ke *British Library*. Dan sebelum itu, ketika menjadi Menteri Luar, saya pergi ke Leiden untuk saya melihat semula manuskrip-manuskrip lama yang disebutkan tadi, mempunyai ribuan manuskrip yang berada di serata dunia.

Lantaran itu, saya telah pun mengarahkan supaya universiti-universiti kita mengambil pendekatan untuk mengumpulkan, tetapi tidak semua universiti boleh melakukan itu. Maka, kita perlu mewujudkan *niche* tertentu di universiti yang berkenaan, antaranya ialah di UniSZA.

UniSZA telah melakukan proses pendigitalan kepada manuskrip-manuskrip lama Melayu dan hari ini, kalau tak silap saya, telah ada- saya tidak ada bilangannya, tetapi apa pun lebih daripada 800 manuskrip yang telah pun terkumpul dan melibatkan, kalau tidak silap saya, lebih daripada 100,000 halaman yang telah pun dibuat secara digital dan itu yang pertama.

Yang keduanya, selain daripada kita melakukan untuk mengumpul semula, tetapi kita juga- saya minta untuk kita adakan kerjasama. Sebagai contoh, baru-baru ini dalam pertemuan saya dengan Dr. Annabelle di- yang mungkin Prof juga kenal dengan beliau, merupakan asal-ibunya dari Malaysia dan ini sebenarnya memberikan satu ruang baharu untuk kita sama-sama bekerjasama dengan pihak *British University*, termasuklah di *Leiden University* bagi kita menggali semula manuskrip-manuskrip lama.

Sebagai contoh, salah satu daripada manuskrip yang mempunyai khazanah perubatan yang sangat tinggi nilainya iaitu *Kitab Tib*. Walaupun *Kitab Tib* itu adalah daripada karya Ibnu Sina di peringkat awal tetapi ia telah dimasukkan dalam konteks kearifan tempatan. Sebagai contoh, *plant* ataupun tumbuh-tumbuhan tempatan itu yang dimasukkan dalam kitab ini. Bagi sesiapa pun yang membaca *Kitab Tib* itu akan melihat bagaimana khazanah yang begitu tinggi.

Istilah-istilah yang- ubat-ubat, pokok-pokok yang sebelum ini kita tidak pernah dengar namanya itu tetapi berada di situ. Inilah yang telah saya minta supaya kearifan tempatan ini benar-benar dibangunkan kerana dia mempunyai nilai-nilai perubatan yang tinggi tetapi hendaklah digabungkan dengan metodologi saintifik moden dalam bidang perubatan kita pada hari ini.

Alhamdulillah, kelihatan Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah mengambil pendekatan yang sama bagi kita menggarap potensi yang ada di hadapan kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Mantap. Mantap jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang dulu merupakan akademik terkenal daripada UIA. Memang sesuai jadi Menteri IPT ini... *[Ketawa]* Terima kasih. Sekarang ini, untuk soalan terakhir, saya jemput Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Selamat pagi. Salam Malaysia Madani. Soalan saya nombor 11.

11. Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta Menteri Pendidikan menyatakan statistik kanak-kanak yang tidak mendapat pendidikan sekolah rendah dalam tempoh dua tahun yang lepas dan tahun semasa, serta apa tindakan kementerian untuk memastikan hak kanak-kanak untuk mendapat pendidikan sentiasa terpelihara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih, Datuk Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih soalan dari Senator Puan Rita. Berdasarkan statistik KPM, kadar kanak-kanak yang tidak mendapat pendidikan sekolah rendah menunjukkan satu trend penurunan dari tahun 2019 ke tahun 2023.

Sebanyak 1.86 peratus kanak-kanak yang tidak mendapat pendidikan rendah dicatatkan pada tahun 2019. Manakala, peratusan ini telah pun menurun kepada 0.89 peratus pada tahun 2023 iaitu dengan kata lain, *data enrollment* bagi anak-anak kita ke sekolah rendah adalah sebanyak 99.11 peratus.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Dasar Pendidikan Wajib berkuat kuasa pada tahun 2003. Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan tiap-tiap ibu bapa yang merupakan warga Malaysia, yang tinggal di Malaysia untuk memastikan anak-anaknya yang telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa, didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah pada tahun itu dan terus menjadi murid sepanjang tempoh pendidikan wajib iaitu sehingga Tahun 6.

■1200

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pada tahun 2003 iaitu pada tahun apabila Dasar Pendidikan Wajib dilaksanakan, kadar penyertaan murid sekolah rendah adalah sebanyak 92.9 peratus. Setelah 20 tahun dasar ini berkuat kuasa, kadar penyertaan murid sekolah rendah telah meningkat kepada 99.11 peratus pada tahun 2023. Ini menunjukkan komitmen kerajaan dan juga KPM untuk menyediakan pendidikan yang direncanakan sesuai dengan perkembangan murid seawal dari Tahun 1 peringkat rendah sehingga ke Tahun 6.

Pada masa yang sama, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 melalui inisiatif nombor 104 iaitu peningkatan akses daripada peringkat prasekolah sehingga menengah atas, memfokuskan antara lain juga isu untuk menangani dan menyelesaikan isu-isu keciciran murid pada semua peringkat pendidikan di Malaysia.

Pada masa yang sama, KPM juga menjalin kerjasama yang baik kepada kementerian dan juga agensi yang lain termasuk Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Kesihatan Malaysia melalui platform Jawatankuasa Teknikal Menangani Isu Keciciran Murid di Sekolah. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi membincangkan isu dan kaedah penyelesaian isu keciciran di Malaysia.

Sekian daripada saya. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Ya, soalan tambahan. Boleh tak Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi *absolute figure*? Sebab, tadi dinyatakan dalam peratus. Saya nak *absolute figure* yang ada sekarang.

Keduanya, *how extensive* luasnya masalah ini di Sarawak? Adakah faktor yang menyumbang kepada keciciran ini iaitu yang budak yang sepatutnya bersekolah pada umur enam tahun tetapi tidak didaftar untuk bersekolah? Adakah sebab utamanya akibat daripada ketiadaan dokumen pengenalan diri dan juga status kerakyatan? Apa tindakan kementerian ke atas perkara ini? Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih, Datuk Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator.

Berkenaan dengan *absolute figure* yang diminta tadi, saya akan meminta kementerian untuk menyediakan *absolute figure* yang diperlukan oleh Yang Berhormat Senator berbanding dengan peratusan yang telah pun saya sebut tadi. Itu satu.

Nombor dua, berkenaan dengan faktor-faktor. Sememangnya khasnya sekiranya isu yang terbangkit adalah berkenaan dengan isu ketiadaan dokumen untuk anak-anak kita yang

merupakan *stateless children*, pihak KPM mempunyai satu garis panduan yang mana ia menyatakan dengan terperinci syarat-syarat untuk anak-anak kita untuk masuk ke sekolah iaitu garis panduan itu telah pun terpakai dan sekiranya terdapat ada anak-anak yang berkelayakan, tetapi tidak dapat masuk ke sekolah, pihak PPD akan bersedia untuk membantu. Itu satu.

Nombor dua, apabila kita bincang berkenaan dengan situasi keciciran di kawasan luar bandar khususnya, Yang Berhormat Senator, pihak KPM juga melalui inisiatif Sekolah Komprehensif K9 dan K11 kita untuk memastikan bahawa tahap keciciran ini dapat dibendung dan juga dikurangkan. K9 kita pada hari ini mempunyai 28 buah sekolah di seluruh negara dan K11 yang mana ia juga diperluaskan daripada K9, pada masa kini terdapat dua buah iaitu satu di Long Bedian, Sarawak dan satu lagi di RPS Betau, Pahang. Terima kasih, Datuk Timbalan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Maka, tamatlah sesi soal jawab. Dah pukul 12, Datuk Dominic. Kita kena teruskan dengan urusan RUU... *[Ketawa]*

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.05 tgh.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan YB Menteri.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali kedua sekarang.

Datuk Timbalan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2024 yang dicadangkan ini adalah bagi meminda Akta Kastam 1967 *[Akta 235]* dengan tujuan untuk mempromosi Pulau 1, Forest City yang terletak di Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor serta bagi meningkatkan perkembangan ekonomi dalam kawasan tersebut dengan memasukkan peruntukan cukai berkenaan dengan kawasan tersebut di dalam Akta 235. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Pulau 1 tidak lagi menjadi sebahagian dari kawasan utama kastam sama seperti Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor.

Datuk Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 11 fasal yang meminda Akta Kastam 1967. Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini.

Fasal 1 mengenai tajuk ringkas dan peruntukan mengenai tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 235 bagi memasukkan takrifan baharu “*Pulau 1*” dan mengeluarkan Pulau 1 dari kawasan utama kastam.

Fasal 3, 5, 7 dan 9 bertujuan untuk meminda seksyen 154, 163A, 163J, 163Q Akta 235 dengan mengeluarkan Pulau 1 daripada takrifan “*kawasan utama Kastam*”.

Fasal 4, 6, 8 dan 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 155(2), 163B(2), 163K(2) dan 163R(2) Akta 235 yang berbangkit daripada pemotongan subseksyen 11(3), (4) dan (5) Akta 235 oleh Akta Kewangan (No. 2) 2023 [Akta 851].

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu XIXE ke dalam Akta 235 yang memperkatakan tentang Pulau 1 iaitu takrifan “*principle customs area*”, dengan izin, larangan penjualan secara runcit, layanan duti kastam, pengisytiharan barang dan kuasa Menteri membuat peraturan.

Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam huraian ini merupakan pindaan kecil ataupun berbangkit.

Secara keseluruhannya, pindaan kepada Akta 235 ini adalah bagi memasukkan peruntukan cukai pada Pulau 1, Forest City bagi mempromosi dan meningkatkan perkembangan ekonomi serta mewujudkan daya tarikan baharu kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa dengan mengambil peluang limpahan ekonomi dari Singapura.

Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Datuk Timbalan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai lima orang Ahli yang hendak berbahas. Maka, pada hari ini saya nak *generous* sikit. Saya membuat ketetapan bahawa masa diberi adalah 10 minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Dato’ Setia Salehuddin Saidin untuk berbahas.

12.09 tgh.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya. Tambah pula masa tiga minit pada hari ini. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih atas pembentangan berkaitan dengan rang undang-undang ini. Seperti mana yang semua sedia maklum, rang undang-undang ini bertujuan untuk mempromosikan Pulau 1 ataupun Forest City yang terletak di Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru *and, of course, berlakunya consequential amendments*, dengan izin, kepada akta-akta yang berkaitan.

Datuk Yang di-Pertua, tidak dinafikan bahawa Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang sedang mengalami pembangunan pesat saban tahun dengan pelbagai projek pembangunan yang dilaksanakan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

■1210

Kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat perlu dijadikan tumpuan dalam proses menjana pertumbuhan ekonomi. Kemakmuran negara amat berkait rapat dengan kesejahteraan masyarakat yang merangkumi segala aspek kehidupan, termasuklah aspek ekonomi, taraf hidup, daya huni, kesihatan dan keselamatan. Kualiti hidup akan terjejas jika sesuatu pembangunan mengabaikan aspek-aspek tersebut. Penilaian impak sosial merupakan salah satu alat perancangan yang baik, yang boleh membantu negara ke arah membangunkan secara holistik, di mana kehidupan masyarakat menjadi fokus kepada pembangunan.

Datuk Yang di-Pertua, seperti yang semua sedia maklum, Forest City adalah merupakan satu projek di bawah Wilayah Iskandar Malaysia yang merupakan sebuah projek mega bernilai lebih USD100 bilion. Pulau 1 Forest City dibina di atas pulau buatan manusia berkeluasan 20 kilometer persegi, bersamaan 5,000 ekar yang meliputi empat buah pulau kesemuanya.

Ini pun menjadi persoalan, adakah ini merupakan kategori pulau sepertimana yang dimasukkan ke dalam undang-undang? Sehingga kini, ini daripada kajian kami. Forest City memiliki 28,000 unit kediaman, hotel, padang golf bertaraf antarabangsa, kilang fabrikasi, sistem bangunan berindustri. Kemudahan lain termasuklah Sekolah Antarabangsa Shattuck-St. Mary, Forest City dengan kurikulum Amerika Syarikat serta taman air.

Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pengumuman, mengatakan bahawa pewujudan Forest City sebagai zon kewangan khas akan dapat meningkatkan pelaburan asing dan merencanakan pembangunan ekonomi di kawasan Forest City. Limpahan insentif termasuk kos mengendalikan aktiviti ekonomi yang akan lebih murah secara relatif berbanding Singapura serta kawasan lain di Malaysia. Sektor pelancongan

hartanah serta pendidikan dan kesihatan dijangka menerima manfaat terbesar daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini.

Projek Forest City ini bakal memberi impak positif kepada ekonomi Johor. Namun, terdapat beberapa isu yang perlu juga diambil perhatian oleh pelbagai pihak dalam pembangunan projek ini. Isu yang saya ingin ketengahkan pada hari ini, Datuk Yang di-Pertua, saya asyik nak sebut Yang Arif sahaja... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Kena biasakan diri, Yang Berhormat.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Kena biasakan diri. Datuk Yang di-Pertua, isu yang ingin saya bangkitkan ini adalah berkaitan dengan isu status tanah Pulau 1 Forest City. Kita semua sedia maklum bahawa tanah ini terbahagi kepada dua jenis kategori. Statusnya adalah sama ada- *leasehold* pegangan bebas ataupun- *freehold* pegangan bebas ataupun *leasehold* iaitu merupakan satu tanah yang tidak diberikan secara kekal kepada pemiliknya.

Now, apa yang kita ketahui bahawa status tanah di Forest City ini telah dipersetujui oleh pihak kerajaan pada dasarnya untuk diberi milik kepada warga asing secara *freehold*. Okey, secara *freehold*. *Now*, apa maksud *freehold* di sini? *Freehold* di sini adalah selagi ada bulan, selagi ada bintang, tanah itu tak akan dapat balik oleh pihak kerajaan ataupun mana-mana pihak. Maknanya, akan kekal dimiliki oleh mereka yang mendapat ataupun membeli tanah tersebut.

Persoalannya sekarang, bagaimanakah kita menetapkan dasar bagi membolehkan warga asing ini untuk memiliki tanah tersebut secara kekal, sedangkan kita tahu kuasa untuk memberi milik tanah ini adalah terletak kepada pihak berkuasa negeri? Memang tanah itu di bawah undang-undang, terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri ataupun pihak berkuasa negeri.

Namun, dalam masa yang sama, sepertimana peruntukan undang-undang seperti khususnya di bawah Kanun Tanah Negara, juga ada menyatakan bahawa pihak kerajaan negeri boleh meletakkan syarat terhadap tanah yang nak diberi milik kepada mana-mana pihak, khususnya kepada warga asing. Sepertimana yang kita tahu, di bawah seksyen 76(a), seksyen 76(aa) juga menyatakan bahawa kalau nak bagi, dia boleh meletakkan syarat kepada pihak yang membeli.

Now, kalau kita lihat pada tahun 2014, daripada kajian kami. Pada tahun 2014, isu ini ada dibangkitkan yang mana pihak *National Land Council* telah meluluskan syarat bahawa kerajaan negeri boleh memberi milik kepada pihak luar, warga asing luar untuk membeli tanah tersebut dengan syarat-syaratnya. Namun syarat-syarat yang diberikan itu tidak termasuklah syarat berkaitan dengan *freehold* ya.

Jadi, persoalan saya, kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kaji. Boleh tak, pada ketika ini saya faham bahawa ada sebahagian besar tanah telah pun diberi milik. *When we have given alienation*, dengan izin, kepada pihak lain atau pun pihak luar. Kita dah tak boleh batalkan status *freehold*. *There is no doubt about it. But*, untuk kes-kes yang akan datang, kemungkinan kita ada tinggal 30 peratus lagi kawasan tanah yang masih belum diberi milik, yang mana ia nya adalah status kepunyaan kerajaan negeri.

Maka, tidak bolehkah kita menggunakan peruntukan di bawah Kanun Keseksaan dan juga pihak-pihak yang bertanggungjawab meletakkan syarat kepada kerajaan negeri sebelum nak diberi milik kepada warga asing? Perlu lah dia nya meletakkan syarat-syarat yang ketat.

Contohnya, kita tak bagi *freehold*. Kita bagi *leasehold* atau pun sepertimana di Dubai. Mereka meletakkan satu tempoh *license* 20 tahun untuk tanah-tanah yang mana diberi milik kepada warga asing. Jadi, kalau sekiranya kita boleh meletakkan syarat-syarat sedemikian, yang mana saya tegaskan di sini bahawa memang undang-undang kita membenarkan syarat-syarat sedemikian diletakkan.

Saya sedar bahawa kita nak mempromosi Forest City. Kita nak menarik warga asing datang ke negara kita dan membeli tanah, ini termasuk daripada *stretching of the policy Malaysia as a second home*, dengan izin Datuk Yang di-Pertua. Namun, dalam kita ghairah untuk menarik pelabur. Dalam kita ghairah untuk menarik mereka untuk datang ke negara Malaysia, kita seharusnya memikirkan juga, meletakkan syarat demi kedaulatan negara, demi kepentingan rakyat Malaysia dan demi juga faktor keselamatan. Jadi, bila kita mengambil kira faktor-faktor ini sebagai salah satu faktor yang penting. Masa 10 minit pun dah nak dekat habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak apa. Saya faham apa yang YB hendak utarakan. Soal *freehold, leasehold, masterlease* dengan *sublease*. Jadi, teruskan. Menarik perbahasan YB.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Tadi apabila kita meletakkan pra syarat mengambil kira faktor keselamatan, mengambil kira faktor kedaulatan negara, mengambil kira juga kepentingan rakyat Malaysia. Jadi, tidakkah boleh kita meletakkan syarat tanpa menjejaskan kemasukan pembeli daripada warga asing ini? Meletakkan syarat yang ketat supaya kita dapat mengawal pembelian tanah ini atau pun pemilikan tanah ini daripada terus dimiliki oleh warga asing.

Perlu diingatkan juga- saya lupa sahaja, Datuk Yang di-Pertua. Asyik nak sebut lain. Datuk Yang di-Pertua, kita pernah melihat kepada peruntukan di bawah seksyen 433B kepada Kanun Tanah Negara. Ia menyatakan bahawa memang pegangan tanah boleh dimiliki oleh warga luar. Sebab ini adalah dasar yang sebenarnya baik bagi saya. Kita hendak menarik orang luar

untuk melabur dan menjana ekonomi negara. Namun, apabila kita meletakkan syarat sedemikian, peranan *National Land Council*... [Dicelah]

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon mencelah Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' nak bagi laluan?

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Ya. Sila.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Ya. Terima kasih kepada rakan kita, Yang Berhormat. Bolehkah menerangkan lebih sikit mengenai apakah masalah memberikan *freehold* itu kepada orang asing? Tanah itu, *owner* iaitu kita. So, / tak dapat apa mesej yang lebih jelas lagi, boleh?

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Terima kasih Yang Berhormat. Bila kita berkata bahawa tanah ini adalah tanah yang diberi secara kekal. Pegangan kekal. Bermakna, tanah ini bukan lagi milik kita ya. Dia berbeza dengan *leasehold*. *Leasehold* pajakan 99 tahun. Berakhirnya 99 tahun, tanah itu kembali kepada pihak kerajaan, tetapi kalau *freehold* pegangan bebas, ia kekal kepada pemilik tanah tersebut.

■1220

Jadi, kalau pemilik tanah tersebut adalah warga asing bermakna tanah tersebut akan kekal kepada mereka. Sebab, barang diingat bahawa kita bercakap tentang rakyat Malaysia yang hendak mendapat tanah secara kekal agak sukar. Kalau dilihat kepada Shah Alam itu, tanah di Shah Alam kebanyakannya adalah *leasehold*. Kita faham bahawa maksud kerajaan meletakkan, kategorikan tanah itu sebagai *leasehold*, adalah bagi memastikan bahawa pada satu ketika nanti tanah-tanah ini bukan lagi milik kita, tetapi milik kerajaan dan kerajaan boleh melaksanakan apa-apa perancangan pada masa depan.

Sebab kadang-kadang kita tahu, tanah ini akan dapat pada seseorang, dia akan kekal sebagai sebuah tanah penempatan, contohnya, tetapi kerajaan kemudiannya 100 tahun akan datang ada perancangan yang berbeza. Jadi, itu sebabnya kita boleh kategorikan tanah sebagai *leasehold* supaya kerajaan ada kuasa di masa akan datang. Kalau kita bagi semua secara *freehold*, satu hari nanti tanah ini tak ada lagi pihak milik kerajaan. Itu sebabnya kita melahirkan kebimbangan, kalau sekiranya perkara ini kita tidak ambil berat, sekiranya perkara ini kita tidak lihat secara holistik, bermakna kita akan mendapat kesan kepada anak-anak, cucu-cucu kita nanti.

Saya ada banyak soalan lain, tetapi saya akan *refer*-kan kepada...

Timbalan Yang di-Pertua: Tak apa, saya bagi masa lebih kerana saya tahu di negara Singapura, dia bagi maksimum 60 tahun.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Terima kasih. Ya, benar.

Timbalan Yang di-Pertua: *Lease* ini di negara China dibagi 20 tahun.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: 20 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua: Di Malaysia kita bagi 99.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Benar Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang YB tengah berbahas *freehold* yang lebih harga besar.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Kalau 99 tahun pun dah kira lama, apatah lagi pegangan secara kekal. Bila secara kekal, kita tidak akan dapat balik. Jadi, apabila kita bercakap tentang pegangan kekal, isu keselamatan pun akan timbul. Apabila seseorang membeli tanah- warga asing membeli, dia akan menjadikan tanah tersebut sebagai penempatan mereka. Apatah lagi kita sekarang sedia maklum bahawa kerajaan telah melonggarkan syarat visa kepada warga asing China dan India. Bermakna tidak lagi perlu membuat permohonan untuk mendapatkan visa.

Dalam masa yang sama, kita ada dasar menjual tanah di Pulau 1 ataupun Forest City ini kepada warga asing tanpa kita mengambil kira bahawa ianya patut diberi secara terhad tetapi kita bagi secara kekal. Maka, tanah itu akan jadi nanti, kemungkinan akan jadi tempat penempatan warga asing dan berlakulah aktiviti-aktiviti yang mungkin kita tidak mahu ia berlaku. Ini adalah satu faktor yang kerajaan perlu teliti, memikirkan tentang kepentingan masyarakat setempat.

Dalam masa yang sama, kita cakap tentang *sovereignty*, kedaulatan negara. Bila kita sebut tentang kedaulatan negara, apabila tanah tersebut telah menjadi tanah kekal milik warga asing, bermakna keselamatan negara daripada segi kerahsiaan kerajaan itu lama-lama dah makin dekat ke Pusat. Dah makin dekat. Sebab, mereka dah ada sekeliling kita, warga asing. Kita tidak mengatakan bahawa warga asing ini boleh mendatangkan faktor negatif. *I'm not saying that. But the possibility* untuk mereka ini berkampung di pulau tersebut dan akhirnya membawa, boleh menjejaskan keselamatan dan kerahsiaan negara amat tinggi.

Jadi disebabkan itu, saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri dan bersama dengan pasukannya dapat memikirkan. Saya setuju dengan rang undang-undang, sebuah rang undang-undang yang baik, demi memakmurkan negara, demi menjana ekonomi negara sebab ianya juga adalah berdekatan dengan kawasan perindustrian di Johor Bahru. Pengerang umpamanya. Ia boleh diharapkan dengan wujudnya Pulau 1 sebagai pulau yang bebas cukai. Dia akan juga menjana kawasan persekitaran. Tetapi faktor lain kita tidak boleh ketepikan yang akan membawa juga impak negatif kepada rang undang-undang yang kita bentangkan.

Walau bagaimanapun Datuk Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi masa lagi. Saya dahulu merupakan bekas wakil rakyat di kawasan Johor Bahru juga. Jadi, saya amat faham, memahami apa yang YB nak katakan itu.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Baik. Jadi, soalan saya selanjutnya. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, memberikan ruang kepada saya. Soalan seterusnya adalah berkaitan dengan pegangan milik di Forest City. Berapa ramaikah rakyat Malaysia yang telah diberikan, beri milik tanah di kawasan tersebut? Sebab kita tahu tanah di Forest City, nilainya begitu tinggi. Nilainya begitu tinggi.

Jadi, bila nilainya begitu tinggi, warga Malaysia agak sukar untuk mendapat milik tanah-tanah tersebut. Jadi, kalau kita tidak menghadkan kuota sebanyak mana *percentage* mana yang patut kita khaskan kepada rakyat Malaysia, bermakna lambakan warga asing datang ke Pulau 1 ini, yang mana mereka mempunyai kemampuan untuk memiliki tanah tersebut akhirnya hampir 100 peratus.

Melalui kajian yang saya lakukan sebentar tadi, kita dapati lebih kurang dua pertiga daripada keluasan tanah di Forest City telah dimiliki oleh warga China dan selebihnya dimiliki oleh warga-warga lain. *I stand corrected* Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi itu daripada kajian yang saya dapati. Jadi, kalau inilah fenomena yang berlaku. Saya bimbang bahawa satu hari nanti tanah Forest City ini akan dimiliki sepenuhnya oleh warga asing. Tidak ada lagi kita punya warga yang dapat mengait keuntungan daripada ekonomi yang dijana di pulau tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan isu *smuggling*. Penyeludupan. Kita tahu bahawa *Forest City* ini kita nak letakkan satu dasar bahawa ia *duty-free*. *Duty-free* seperti mana di Langkawi, seperti mana di Labuan, tetapi *duty free* di *Forest City* ini adalah mencakupi barangan seperti alkohol, bir, mencakupi barangan seperti rokok, mungkin *vape*. Isu dia sekarang, kalau kita lihat kepada laporan oleh pihak NST pada 5 Januari 2024, telah dibangkit satu artikel, telah membangkitkan isu tentang *smuggling*, tentang penyeludupan bir dari Pulau 1 keluar masuk ke Semenanjung.

Now, yang ini berlaku berleluasa. Berlaku dengan *rampant*. Sebabnya, dia dah dekat dengan Malaysia. Dah dekat dengan Semenanjung dan bila kita- ini *after all is* pulau buatan pun. Ia 600 meter sahaja jambatannya antara Semenanjung dan juga pulau tersebut.

Persoalannya, kalau kita punya penguatkuasaan terhadap isu-isu penyeludupan ini tidak diambil berat, seperti mana yang dilaporkan oleh pihak NST telah berlaku begitu *rampant*, penyeludupan *crate beer* masuk ke Malaysia. Sebab, saya difahamkan bahawa untuk seseorang membeli barangan di Pulau 1, dia ada limit dia. Dia ada had dia. Dia tidak boleh beli dengan begitu banyak untuk mendapatkan kelebihan *duty-free* tersebut, tetapi kalau dia nak membeli

lebih daripada jumlah yang ditetapkan, maka dia kena bayar cukai. Jadi, untuk mengelakkan membayar cukai mereka dah dekat dengan Semenanjung. Maka, berlakulah kejadian penyeludupan yang tidak terkawal.

Jadi, kalau sekiranya tujuan asal kita adalah untuk memastikan bahawa negara mendapat keuntungan daripada penjana ekonomi di Pulau 1 akhirnya langsung satu sen duit kita tak dapat. Disebabkan aktiviti penyeludupan yang tidak terkawal ini. Jadi, kita perlu lihat, adakah kerajaan bersedia untuk mengadakan satu penguatkuasaan yang berkala ataupun penguatkuasaan yang lebih efektif bagi menangani masalah penyeludupan di Pulau 1 masuk ke Semenanjung atau tanah besar Malaysia.

Datuk Yang di-Pertua, saya- itu sahaja soalan saya buat masa ini dan *insya-Allah* saya akan sambung dalam rang undang-undang yang berkaitan dengan rang undang-undang ini. Terima kasih. Saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Satu ucapan yang *well-researched* dan menyentuh kepada perkara-perkara yang amat penting, sebelum kita meluluskan rang undang-undang ini... [*Tepuk*]

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Dato' Kesavadas.

12.29 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada pindaan seksyen 163x yang memperuntukkan tentang pewartaan pengecualian ataupun pengasingan Pulau 1 iaitu Forest City dari kawasan utama Kastam- *principal Customs area*, dengan izin. Pengecualian tersebut menimbulkan pelbagai kemusykilan tentang apakah rasionalisasi serta kewajaran di sebalik pewartaan Forest City sebagai kawasan zon bebas. Sejauh manakah tindakan untuk menjadikan Forest City sebagai zon bebas mampu mendorong kepada pertumbuhan pendapatan yang lebih signifikan dan progresif kepada Kerajaan Persekutuan?

Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika Program Jelajah Belanjawan 2024 di Iskandar Puteri, Johor Bahru pada bulan Ogos lalu, beliau telah mengumumkan Forest City sebagai Zon Khas Kewangan.

■1230

Pengumuman tersebut secara dasarnya telah menjadikan Forest City sebagai zon aktif untuk pelbagai kegiatan ekonomi yang dikatakan mampu menjadi pelengkap kepada kekuatan ekonomi yang ditawarkan oleh negara jiran, *Singapore*.

Sebagai individu yang peka terhadap trend pembangunan ekonomi domestik, saya berpendirian pewartaan Forest City sebagai zon bebas seperti yang digariskan dalam rang undang-undang ini boleh mengundang ketidakseimbangan terhadap aspek pertumbuhan geoekonomi khususnya di Selatan Semenanjung Malaysia. Senario tersebut dikhuatiri akan memberi implikasi tidak baik kepada rentak kemajuan industri di negeri-negeri lain yang tidak mempunyai zon atau pulau bebas seperti Negeri Sembilan.

Justeru, saya ingin mengesyorkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri agar pewartaan Forest City sebagai zon bebas dapat merangkumi apa yang saya panggil sebagai inisiatif bersamaan industri Madani. Inisiatif yang saya syorkan tersebut bertujuan untuk dijadikan sebagai dorongan kepada para pemain industri dari negeri-negeri lain untuk bersama-sama membangunkan Forest City dengan kepelbagaian aktiviti ekonomi yang boleh meningkatkan lagi pulangan pendapatan kepada setiap penggiat industri tempatan yang terlibat.

Penganjuran inisiatif yang bertemakan ekonomi inklusif sebegitu diyakini mampu mengetengahkan potensi perniagaan yang dimiliki oleh setiap syarikat tempatan yang selama ini hanya bergantung kepada permintaan dalam pasaran tempatan. Menerusi dukungan Forest City sebagai zon khas kewangan dan zon bebas, syarikat-syarikat tempatan berpeluang untuk mempromosikan keistimewaan yang boleh ditawarkan oleh produk atau perkhidmatan mereka kepada mana-mana syarikat pelabur asing.

Peluang tersebut boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh syarikat-syarikat tempatan yang melebarkan lagi empayar perniagaan mereka ke peringkat antarabangsa menerusi sokongan pelaburan serta rangkaian perniagaan global daripada syarikat asing yang turut menjalankan aktiviti perniagaan di Forest City atau Pulau 1. Tambahan pula, pelaburan asing yang akan disuntik di Pulau 1 berupaya meningkatkan peluang pekerjaan pendapatan bermaruah kepada rakyat di negeri Johor dan rakyat-rakyat dari negeri-negeri lain, khususnya Melaka dan Negeri Sembilan.

Saya serta rakyat Johor di luar sana mempunyai harapan yang besar agar setiap agenda pembangunan ekonomi yang akan dilaksanakan di Pulau 1 dapat memberi manfaat yang setara kepada rakyat dalam bentuk pekerjaan yang berpendapatan bermaruah. Jika, kelebihan tersebut boleh ditawarkan secara mampan di Forest City sebagai zon khas kewangan maka kadar migrasi rakyat Johor serta rakyat dari negeri-negeri lain ke negara jiran Singapura untuk bekerja diyakini dapat dikurangkan.

Datuk Yang di-Pertua, yang terakhir saya ingin membangkitkan beberapa soalan yang mempunyai kaitan dengan pindaan seksyen 163Z. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, pertama, apakah barangan yang mempunyai kebarangkalian untuk disenaraikan

sebagai barangan yang akan dikecualikan daripada duti import bagi maksud pindaan seksyen 163Z(1)(a)? Maka, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan justifikasi mengapa barangan-barangan tersebut akan diberikan pengecualian khas daripada dikenakan duti import.

Kedua, apakah mekanisme pemantauan yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Pulau 1 untuk memantau sebarang aktiviti penjualan barangan tidak berduti secara runcit di tengah menurut pindaan seksyen 163Y(1)? Bagaimanakah kerajaan dapat membendung gejala rasuah yang melibatkan pegawai kastam dan syarikat yang menjalankan aktiviti penjualan runcit secara haram bagi barangan yang akan diisytiharkan bebas duti import?

Ketiga, apakah bentuk galakan sampingan yang akan dilaksanakan secara berperingkat daripada menggalakkan aktiviti penghantaran barangan dan sesebuah kawasan utama kastam ke Pulau 1 memandangkan barangan berduti akan dikenakan duti eksport seperti yang dinyatakan dalam pindaan seksyen 163Z(2)?

Sebelum saya mengakhiri perbahasan rang undang-undang ini, saya nak tahu, adakah apa-apa perancangan untuk mengisytiharkan Port Dickson sebagai satu zon cukai bebas? Di antara Langkawi ke Johor, tidak ada zon bebas dan penduduk...

Timbalan Yang di-Pertua: Negeri Sembilan sesuai lah?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Sesuai.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey. *[Ketawa]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Memang tidak ada aktiviti-aktiviti haram. Jadi, dari tahun 2019, setelah saya dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dari Negeri Sembilan, tiap-tiap tahun saya bawa isu ini tapi tidak ada jawapan daripada Menteri atau dari negeri.

Datuk Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan saya bagi perbahasan Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2024. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri, Timbalan Menteri, cadangan yang baik itu. Buat satu *free duty zone* juga dekat Negeri Sembilan... *[Ketawa]* Sekarang saya jemput Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

12.36 tgh.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan RUU Kastam (Pindaan) 2024 di Dewan yang mulia ini.

Pindaan ini bertujuan untuk mempromosikan Pulau 1 Forest City demi meningkatkan perkembangan ekonomi dan pelaburan dalam kawasan terbabit dengan memasukkan peruntukan cukai seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya berharap status zon bebas cukai akan memberi kesan limpahan ekonomi yang positif dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi Johor dan memberi manfaat dari segi menjanakan peluang perniagaan dan pelaburan bagi industri tempatan serta peluang pekerjaan. Tambahan pula, dengan adanya Zon Kewangan Khas (JKK) di Forest City, dijangka akan berkembang pesat dalam bidang kewangan, pembuatan dan perkhidmatan.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara-perkara berikut. Pertama, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah ketidakseragaman waktu jam bagi pengunjung yang meninggalkan Forest City layak dapat cukai bebas iaitu selama tidak kurang daripada 40 jam berbanding dengan Pulau Langkawi selama 48 jam?

Kedua, terdapat laporan bahawa Forest City telah dikenal pasti sebagai dengan izin, a *smuggling hotspot* kerana dilaporkan bahawa aktiviti penyeludupan barangan bebas cukai keluar dari Forest City dan ia nya dijual pada harga yang lebih tinggi. Ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan yang tidak mencukupi untuk membendung gejala tersebut. Jadi, saya mohon pihak kementerian untuk menyatakan inisiatif-inisiatif yang akan diambil bagi mengelakkan penyalahgunaan kemudahan zon bebas cukai.

Ketiga, Datuk Yang di-Pertua, saya difahamkan hartanah di Forest City yang dibeli oleh warga asing diberi status harta pegangan bebas, manakala milikan hartanah oleh rakyat tempatan adalah pegangan pajakan bagi tempoh selama 90 tahun. Ini menimbulkan berat sebelah polisi yang memihak pelabur asing.

■1240

Saya amat setuju dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Setia Salehuddin bahawa kerajaan harus meletak syarat atas harta pegangan bebas- *freehold*. Akhir sekali, laporan berita tempatan dan serantau sering menyebut Forest City sebagai 'bandar hantu' kerana keadaannya yang dengan kedai-kedai masih kosong dan kadar huni unit kediaman yang rendah.

Saya meminta pihak kementerian menyatakan apakah langkah yang dicadangkan kepada pihak berkuasa negeri Johor untuk merancang kegiatan ekonomi kawasan tersebut selain daripada pemberian status Zon Cukai Bebas. Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Tan Sri. Sekarang saya jemput Datin Ros Suryati Alang.

12.41 tgh.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Datuk Yang di-Pertua, terima kasih kepada Datuk Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang untuk saya berbahas dalam Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2024.

Rang undang-undang ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Pulau 1 tidak lagi menjadi sebahagian dari kawasan utama kastam sama seperti Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor 3. Dengan adanya RUU ini, maka Pulau 1 Forest City dijangka memberi kesan ekonomi kepada kawasan setempat dan perwujudan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor yang akan dibangunkan contohnya hospitaliti, kewangan, pelancongan dan juga peruncitan.

Pindaan-pindaan pada seksyen lain dalam RUU ini adalah untuk mempromosi dan meningkatkan perkembangan ekonomi kawasan tersebut dengan memasukkan peruntukan cukai khas berkenaan kawasan tersebut. Datuk Yang di-Pertua, saya cuma ingin berbahas iaitu dengan limpahan pembangunan ekonomi di Forest City, apakah kesan utama apabila kita meluluskan pindaan untuk menjadi Pulau 1 Forest City ini sebagai kawasan bebas cukai dan apakah kesan limpahan yang akan diperoleh oleh rakyat setempat dan yang paling utama, kesan pulangan ekonomi kepada negara kita.

Sejauh mana kajian ROI daripada kementerian pada negara. Limpahan ekonomi ini memang akan memberi manfaat kepada masyarakat yang tinggal di Johor. Pengusaha-pengusaha restoran, mungkin juga kepada pengusaha-pengusaha hotel, industri perkhidmatan di tempat tersebut. Syarikat-syarikat dan industri-industri makanan tempatan dan sebagainya.

Saya merasakan limpahan ekonomi ini ada kebaikan dan keburukan jika limpahan ekonomi di sini dikawal dengan baik untuk kepentingan rakyat tempatan, khususnya. Apabila kita melihat kepada usaha untuk mewartakan Pulau 1 Forest City ini juga sebagai pulau bebas cukai, kita juga harus melihat kepada kesannya iaitu kita perlu memastikan bahawa inisiatif yang diberikan adalah seimbang dan tidak memberi kelebihan terutama kepada pelabur asing sehingga menjejaskan kepentingan penduduk tempatan. Saya juga ingin perjelaskan sejauh manakah impak sosioekonomi yang dijalankan bagi Pulau 1 ini termasuk daripada segi pembangunan sosioekonomi dan limpahan pekerjaan kepada penduduk setempat.

Ini bagi memastikan rakyat tempatan tidak dianaktirikan apabila pelabur luar mula membanjiri kawasan tersebut. Selain itu, kita mahukan limpahan ekonomi yang banyak. Soal ketelusan dan penguatkuasaan tidak boleh diabaikan. Adakah mekanisme sedia ada mencukupi ataupun mungkin ditambah baik lagi untuk memastikan ketelusan dalam pemberian insentif dan pengurusan di pulau bebas cukai ini dapat dikawal.

Seterusnya mengenai pembangunan yang ada dalam Forest City yang dicadangkan dengan pulau-pulau yang akan dibangunkan daripada hasil tambakan-tambakan laut. Saya melihat sama juga yang berlaku di Pulau Pinang iaitu menubuhkan zon perindustrian bebas,

dengan izin, *free industrial zone* (FIZ) diberi di bawah Projek Pembangunan *Penang South Island* (PSI).

Adakah status permohonan untuk FIZ tersebut akan dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan di bawah Akta Zon Bebas 1990. Adakah kerajaan negeri boleh mohon kelulusan Kementerian Kewangan di bawah seksyen 6A, Akta Zon Bebas 1990 dan apakah perkembangan terkini? Akhir sekali, bilakah jangkaan tarikh kuat kuasa RUU ini dan bilakah kita akan mula melihat limpahan ekonomi dari pulau ini? Kesimpulannya, walaupun kita mementingkan limpahan ekonomi hasil daripada kemasukan warga asing, jangan pula kita abaikan warga tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perkara yang saya ingin bahaskan dalam Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datin Ros. Sekarang saya jemput Tuan Haji Abdul Nasir bin Idris.

12.46 tgh.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kastam 1967 [Akta 235] (Pindaan) 2024. Usaha kerajaan dalam meminda akta ini perlu diperhalusi dan lebih terperinci terutamanya dalam hal pembangunan ekonomi negara.

Rang undang-undang ini dipinda bertujuan untuk mempromosi Pulau 1 Forest City di Johor Bahru untuk meningkatkan perkembangan ekonomi dalam kawasan terbabit. Hal ini juga menjadi tanda tanya. Berapakah jangkaan ataupun anggaran yang kerajaan telah mengkaji bagi mendapatkan pulangan hasil kepada pendapatan negara.

Seterusnya, berkaitan dengan isu penguatkuasaan. Apakah tindakan kerajaan bagi memastikan bahawa Forest City tidak menjadi hab untuk mengelak cukai, terutamanya bagi syarikat-syarikat yang sememangnya mempunyai hasrat bagi mengelak cukai. Dalam masa yang sama, perkara ini akan merugikan kerajaan dan mengurangkan hasil pendapatan negara.

Datuk Yang di-Pertua, pindaan subseksyen 2(1), subseksyen 2(1)(b), "*Dengan ini Pulau 1 tidak lagi menjadi sebahagian daripada kawasan utama kastam sama seperti Langkawi, Labuan, Tioman dan Pangkor*". Mengambil kira keputusan dasar kerajaan ini supaya Pulau 1 diwartakan sebagai pulau bebas cukai secara berfasa bagi kawasan yang dibangunkan sebanyak 770 ekar, apakah perancangan strategik jangka pendek, sederhana dan jangka panjang terhadap pembangunan hab perkhidmatan di Pulau 1 merentas sektor seperti hartanah iaitu pembangunan

perumahan dan komersial, hab kewangan, hospitaliti, peruncitan, penjagaan kesihatan dan juga sektor pelancongan.

Datuk Yang di-Pertua, seterusnya apakah strategi khusus kerajaan untuk menggalakkan perniagaan *inter-port* dan perkembangan industri yang berorientasikan eksport? Berapakah anggaran hasil yang akan dijana dari syarikat-syarikat di Forest City berdasarkan sektor perindustrian dan ekonomi tertentu serta sasaran penjanaaan peluang pekerjaan mengikut sektor perindustrian dan ekonomi tertentu serta bagaimana pula dengan pelan kerajaan untuk pulau-pulau buatan lain di bawah Forest City sama ada akan berlaku penambahan serta terperinci mengenai implikasi kewangan perkara terbabit.

■1250

Seterusnya, Datuk Yang di-Pertua, berkaitan dengan status pulau bebas cukai. Barang-barang yang dibawa masuk ke Pulau 1, selain daripada barang yang diisytiharkan oleh Menteri Kewangan, adalah dibebaskan daripada duti import seperti cukai jualan, cukai eksais dan cukai perkhidmatan. Persoalannya, apakah pendekatan kerajaan supaya pembangunan zon ekonomi khas (SFZ) Forest City tidak dilihat sebagai persaingan dengan zon khas kewangan dunia lain, sebaliknya menjadi pemangkin yang berupaya meningkatkan hasil pendapatan negara serta menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat?

Dalam hal ini, sejauh mana cadangan insentif khas bagi SFZ Forest City dapat membantu menarik lebih banyak pelaburan institusi kewangan dan perbankan yang berkualiti di Pulau 1, termasuk sektor perindustrian, ekonomi baharu seperti industri tenaga boleh baharu?

Apakah kerajaan berhasrat untuk memperhalusi tawaran insentif fiskal dan bukan fiskal seperti syor pengecualian dan penetapan kadar khas cukai korporat bagi aktiviti ekonomi tertentu serta kadar khas cukai pendapatan individu untuk tenaga kerja mahir, insentif kepada peniaga-peniaga tempatan yang berminat untuk menyewa unit kedai di Forest City dan secara tidak langsung merancakkan ekonomi sempadan dan aliran pergerakan khususnya melibatkan pintu masuk Malaysia dan Singapura?

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhirnya, seksyen baharu 163Y bertujuan untuk melarang penjualan secara runcit apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 163Z(1)(a) yang dicadangkan di Pulau 1 tanpa kebenaran Menteri terlebih dahulu.

Persoalannya, apakah pendekatan kerajaan ini bagi memperkukuhkan peranan sektor peruncitan bebas cukai sebagai sumber pendapatan yang penting dan tarikan pelancong ke Pulau 1 di Forest City? Ini mengambil kira perundangan sedia ada yang memperuntukkan lesen import bagi pengimportan bagi barang-barang yang tersenarai di bawah perintah kastam serta penguatkuasaan produk tembakau seperti barangan bercukai di semua pulau bebas cukai.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Masa ada lagi, YB.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada 3 minit lagi.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: Masa 3 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau YB nak tambah lagi, boleh. Fasal apa, kita lagi 7 minit sampai pukul 1. Ada siapa-siapa hendak mencelah?

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: Saya pun tadi tengah hari tak kena nasi lagi... [Ketawa] Setakat itu dahulu perbincangan saya berhubung dengan pindaan Akta Kastam 1967 [Akta 235] (Pindaan) 2024 dan juga saya menyokong apa yang dibahaskan oleh Senator kita, Senator Dato' Setia Salehuddin yang memperkemas supaya kerajaan mengambil sikap supaya hartanah, harta-harta kerajaan kita, harta-harta negara kita ini supaya tidak mudah dilepaskan kepada pihak lain.

Itu merupakan suatu amanah. So, kita sebagai pemimpin, untuk menjaga harta negara, harta rakyat supaya benda itu tidak mudah terlepas. Kalau terlepas itu, tak payah mimpilah hendak dapat balik. Adat kata, sudah menjadi sampian dan sampai ke bila-bila harta itu menjadi harta orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Bulan dan bintang.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: Jadi, untuk itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Maka, tamatlah perbincangan. Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, tetapi YB Menteri, saya akan hentikan pada jam 1 ya.

Puan Lim Hui Ying: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Untuk *lunch break*.

Puan Lim Hui Ying: Boleh.

12.55 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Mewakili Kementerian Kewangan, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2024 pada hari ini. Seramai lima orang Ahli Yang Berhormat Senator telah berbahas dan menyatakan cadangan, teguran serta pandangan masing-masing berkaitan pindaan yang diusulkan. Berdasarkan isu-isu yang dibahaskan, izinkan saya menjawab semua perkara yang dibangkitkan.

Terlebih dahulu, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin Saidin. Sebelum saya bermula, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator atas pelantikan sebagai Ahli Dewan Negara yang baharu.

Juga, saya seperti yang disebutkan oleh Timbalan Datuk Yang di-Pertua, kita amat minat tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tentang isu tanah *leasehold* dengan *freehold*, tetapi untuk makluman Yang Berhormat Senator, perkara berkaitan tentang pegangan hartanah adalah di bawah Kerajaan Negeri Johor. Saya pun tahu Yang Berhormat Senator sedar, tetapi dalam isu ini, kita juga akan *play our role*, memainkan peranan kita di Kementerian Kewangan, kita akan sampaikan pandangan Yang Berhormat kepada Kerajaan Negeri Johor.

Okey, juga untuk makluman Yang Berhormat Senator tentang- tadi Yang Berhormat Senator ada berucap tentang barangan. Saya di sini ingin kongsi empat barangan bagi waktu sekarang bagi Pulau 1. Hanya empat. Rokok tidak. Memang *whole country*, seluruh negara memang tidak ada cukai bebas. Empat barang yang akan kuat kuasa di Pulau 1 adalah minuman keras, kosmetik, minyak wangi dan coklat. Buat masa ini, hanya empat barangan.

Juga, untuk makluman Yang Berhormat Senator, tentang langkah-langkah kawalan- ini bukan hanya Yang Berhormat, juga ada Yang Berhormat Senator yang lain yang telah mempersoalkan tentang langkah kawalan yang akan dilaksanakan oleh pihak kita. Iaitu ini adalah akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Forest City. Antara langkah-langkah yang akan dilakukan adalah:

- (i) kawasan Pulau 1 dipisahkan daripada kawasan utama kastam dengan mendirikan pagar setinggi tiga meter;
- (ii) hanya satu pintu keluar dan pintu masuk dari atau ke Pulau 1 Forest City telah ditetapkan;
- (iii) merekodkan keluar masuk kenderaan dengan menggunakan sistem yang berteknologi tinggi;
- (iv) menyediakan komunikasi yang jelas dan notis pemberitahuan di pintu masuk dan di lokasi pembelian untuk memaklumkan kepada pelawat dan pengunjung berkaitan dengan layanan yang akan dinikmati semasa berada di dalam Pulau 1 Forest City; dan
- (v) pengunjung yang keluar dari Pulau 1 ke Malaysia perlu mengemukakan apa-apa resit, inoivis atau dokumen yang membuktikan pengunjung tersebut berada di Pulau 1 tidak kurang daripada 48 jam ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Juga, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pulau 1 merupakan sebuah pulau tambak. *I think* ini semua tahu yang pulau tambak yang telah pun diwartakan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Untuk makluman semua, pulau ini dihubungkan oleh sebuah jambatan sepanjang 600 meter sahaja. Pendek, tak panjang.

Selain itu- jadi, tadi saya pun tidak dapat mengulas lebih tentang *leasehold* dan *freehold*, tetapi saya- okey, lagi satu yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Senator tentang berdasarkan laporan yang kita terima daripada pihak pemaju, sehingga Februari 2024, daripada 24,421 unit, 73 peratus telah terjual dan pemilikan tempatan dan antarabangsa iaitu 70 peratus Warganegara China, 20 peratus pelbagai warganegara, manakala 10 peratus adalah Warganegara Malaysia.

Okey, nanti ya saya *check* ada saya terlepas atau apa...

Timbalan Yang di-Pertua: *Foreigner, foreigner... [Ketawa]*

Puan Lim Hui Ying: Okey, saya harap tidak apa-apa. Sekarang kita ke Yang Berhormat Datuk...

Timbalan Yang di-Pertua: YB.

Puan Lim Hui Ying: Yes.

Timbalan Yang di-Pertua: Dah jam 1. YB, lama tak YB punya penggulungan ini?

Puan Lim Hui Ying: Banyak lagi. Sebab ada empat...

Timbalan Yang di-Pertua: Banyak lagi? Maknanya, dengan ini saya rasa...

Puan Lim Hui Ying: Okey, boleh. Sambung selepas...

Timbalan Yang di-Pertua: YB sambung selepas pada jam 2.30. Boleh?

Puan Lim Hui Ying: Boleh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat, maka dengan ini saya tempohkan Mesyuarat kita ke jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.33 petang]

[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: *Assalamualaikum*, selamat tengah hari. Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

2.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang saya sambung dan menjawab kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair, beberapa perkara yang telah dibangkitkan.

Pertama, untuk maklumat Yang Berhormat Senator, pembangunan Forest City merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam membangunkan kawasan barat negeri tersebut yang bertujuan untuk mengimbangkan pertumbuhan ekonomi dengan mengambil peluang limpahan ekonomi dari Singapura. Terdapat beberapa faktor yang diambil kira dalam menjadikan Forest City- Pulau 1 sebagai Pulau Bebas Cukai. Antaranya adalah hala tuju pembangunan Forest City memfokuskan kepada hab perkhidmatan, antaranya kewangan, peruncitan dan hospitaliti.

Kedudukannya berdekatan dengan Singapura memberikan akses yang mudah dan dekat kepada pelancong dari Singapura, berpotensi bagi mendapatkan limpahan ekonomi dari Singapura dan akhirnya, kesan limpahan ekonomi kepada kawasan setempat dengan perwujudan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor yang akan dibangunkan.

Selain daripada itu, untuk maklumat Yang Berhormat Senator juga, terdapat barang yang dikecualikan cukai iaitu minuman keras, coklat, kosmetik dan minyak wangi. Barangan ini mendapat pengecualian cukai mengambil kira faktor berikut, pertama jarak Pulau 1 yang terlalu dekat dengan tanah besar memudahkan pergerakan keluar masuk berbeza dengan pulau bebas cukai lain yang jaraknya terletak jauh dari tanah besar seperti di Langkawi, Tioman dan Pulau Pangkor.

Kedudukan yang berdekatan dengan kawasan utama Kastam terdedah kepada risiko berlakunya penyeludupan dan Forest City- Pulau 1 mempunyai akses yang mudah dan pendek iaitu hanya melalui jambatan dengan jarak lebih kurang 600 meter sahaja. Ini berbeza dengan pulau bebas cukai lain yang hanya boleh diakses melalui pengangkutan udara dan pengangkutan laut yang perjalanannya berjadual menyebabkan pergerakan keluar masuk lebih sukar berbanding di Forest City- Pulau 1.

Seterusnya, untuk makluman Yang Berhormat Senator, antara langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor selain daripada merencanakan kegiatan ekonomi di Forest City- Pulau 1 adalah kewujudan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura yang mana Forest City- Pulau 1 juga termasuk dalam zon ekonomi tersebut.

Inisiatif ini dilihat akan meningkatkan daya saing melalui penglibatan dalam sektor ekonomi, mewujudkan pekerjaan berkualiti tinggi, memacu pertumbuhan mampan serta

mengukuhkan infrastruktur yang akan memberi manfaat kepada perniagaan dan rakyat. Lagi satu, berkenaan dengan Port Dickson.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tiga kategori bagi bebas cukai iaitu Zon Bebas di bawah Akta Zon Bebas Cukai 1990, Pulau Bebas Cukai dan Kedai Bebas Cukai di bawah Akta Kastam 1967. Bagi kategori Zon Bebas seperti yang diperuntukkan dalam Akta Zon Bebas 1990, permohonan bagi perwujudan Zon Bebas kebiasaannya dibuat oleh pihak kerajaan negeri atau mana-mana syarikat atau pemilik tanah dengan persetujuan dan sokongan daripada pihak kerajaan negeri.

Namun begitu, konsep Zon Bebas ini dilihat tidak bersesuaian untuk dibangunkan di Port Dickson memandangkan perwujudan Zon Bebas adalah bertujuan untuk menggalakkan perniagaan *entrepot* dan pengembangan industri yang berorientasikan eksport.

Bagi kategori pulau bebas cukai pula, Port Dickson juga dilihat tidak sesuai untuk dijadikan sebagai pulau bebas cukai memandangkan kedudukannya yang berada di Tanah Besar dan bukan sebuah pulau seperti Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor.

Manakala bagi kategori kedai bebas cukai, pada masa ini lesen kedai bebas cukai hanya dipertimbangkan bagi kedai yang terletak dalam lapangan terbang dan terminal feri antarabangsa sahaja.

Ada dua lagi berkenaan dengan Yang Berhormat Senator...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Puan Lim Hui Ying: Yes, boleh.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh? Dipersilakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri yang membenarkan penjelasan. Tadi selepas saya makan, saya ada sedikit kekeliruan. Tadi rakan kita yang mengatakan pulau itu bukan milik kita, tetapi *freehold*, boleh jual kepada orang lain.

■1440

So, saya hendak difahamkan penjelasan daripada Timbalan Menteri seperti yang dikata kajian itu maksud seluruh pulau itu sudah jual kepada orang asing atau sebahagian dari pulau itu telah memberikan kepada *developer* atau pemaju untuk membina rumah atau banglo dan dijual kepada orang asing. Yang manakah betul? Yang seluruh pulau itu jual kepada orang asing atau sebahagian oleh pemaju sahaja? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Pulau 1 memang dimajukan. *There is a developer.* Pulau 1 dimajukan oleh sebuah pemaju- syarikat pemaju, tetapi apa yang disebutkan oleh Yang

Berhormat Senator tadi tentang *leasehold, freehold* adalah berkenaan dengan bangunan atau rumah yang telah dibina. Bangunan *or the condo* atau rumah yang telah dibina itu semua *freehold*. Bermaksud kalau rumah ini telah dijual kepada Warganegara China atau rumah itu juga boleh dijual kepada warga Malaysia atau warganegara lain, sesiapa yang memiliki rumah atau yang berada di atas tanah itu- itu memang *freehold*. *That is what been mentioned* oleh Yang Berhormat...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: So, maksud Timbalan Menteri itu, pulau itu telah dijual kepada pemaju?

Puan Lim Hui Ying: *No, no, no. Developed by the pemaju.*

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Oh, *developed by the pemaju.*

Puan Lim Hui Ying: *Developed bagi the pemaju, tidak dijual.*

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Okey, okey...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Faham ya? Teruskan.

Puan Lim Hui Ying: Okey, teruskan. Terima kasih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dato' Kesavadas, mekanisme yang akan dilaksanakan oleh JKDM atau Jabatan Kastam Diraja untuk memantau penjualan barang secara runcit yang dikecualikan cukai atau duti adalah melalui kawalan secara dokumentasi seperti pengemukaan laporan bulanan.

Selain penguat kuasa daripada JKDN menerusi cadangan pindaan RUU ini, kelulusan bagi sebarang perniagaan yang meliputi aktiviti peruncitan dan pemborongan perlu diperoleh dan dipatuhi dengan Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana kementerian, agensi kerajaan yang berkaitan.

Yang terakhir daripada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, bagi membendung rasuah secara keseluruhan termasuk peruncitan barangan tidak berduit atau bercukai, JKDM sentiasa memastikan tata kelola dan tadbir urus yang baik serta berakauntabiliti, ketelusan terutamanya di kalangan kakitangan JKDM antaranya termasuk meningkatkan penggunaan peralatan sokongan berteknologi tinggi seperti *body-worn camera*, mesin pengimbas berteknologi tinggi dan penggunaan *drone*, menjalankan pemeriksaan mengejut oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa bagi memastikan penyampaian perkhidmatan adalah sentiasa berada pada tahap optimum serta mengelakkan amalan kerja yang negatif berlaku. Akhirnya melaksanakan pusingan atau penempatan pegawai yang memastikan budaya kerja berintegriti termasuk memberi pengiktirafan sewajarnya selari dengan nilai teras Malaysia Madani.

Seterusnya oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low, untuk makluman Ahli Yang Berhormat waktu keberadaan pengunjung di Forest City adalah tidak kurang daripada 48 jam

sebagaimana Pulau Langkawi. Pulau Langkawi dengan Pulau Tioman adalah 48 jam manakala Pulau Pangkor dengan Labuan adalah 24 jam untuk makluman semua. Tempoh keberadaan ini adalah bagi layak menikmati pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas barangan yang dibawa keluar dari pulau bebas cukai. Tempoh ini adalah bagi memberi kesan limpahan serta merencanakan kegiatan aktiviti ekonomi di Pulau 1.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri, langkah kawalan yang akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kastam Diraja di Forest City, ini saya sudah jawab tadi berkenaan dengan Yang Berhormat Profesor, tetapi saya ulang lagi selepas *lunch*.

Pulau 1 dipisahkan dari kawasan utama Kastam dengan mendirikan pagar setinggi tiga meter *and then* hanya satu pintu keluar masuk, rekod keluar masuk juga kita menyediakan komunikasi yang jelas dan Notis Pemberitahuan di pintu masuk di lokasi pembelian untuk memaklumkan kepada pelawat dan pengunjung berkaitan dengan layanan yang akan dinikmati semasa berada di dalam Pulau 1.

Pengunjung yang keluar dari Pulau 1 ke Malaysia perlu mengemukakan apa-apa resit atau invoice atau dokumen untuk membuktikan mereka berada di pulau tidak kurang daripada 48 jam.

Lagi satu tentang hak tanah. Sekali lagi untuk makluman Yang Berhormat senator, perkara berkaitan status pegangan hak tanah adalah di bawah Kerajaan Negeri Johor. Walau bagaimanapun, seperti yang saya sebut tadi, kita akan memberi maklum balas kepada kerajaan negeri tentang bantahan atau cadangan daripada Yang Berhormat senator.

Antara langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor selain daripada merencanakan kegiatan ekonomi di Pulau 1, Forest City adalah pewujudan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura yang mana Pulau 1 Forest City juga termasuk dalam zon ekonomi tersebut. Inisiatif ini dilihat akan meningkatkan daya saing melalui penglibatan dalam sektor ekonomi mewujudkan pekerjaan berkualiti tinggi, memacu pertumbuhan mampan serta mengukuhkan infrastruktur yang akan memberi manfaat kepada perniagaan dan rakyat.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, mengambil kira kedudukan Pulau 1 Forest City yang berdekatan dengan Singapura akan memberi potensi bagi mendapatkan limpahan ekonomi dari Singapura serta memberi kesan peningkatan aktiviti ekonomi. Sebagai contoh perkhidmatan kewangan, hospitaliti dan peruncitan kepada kawasan setempat dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor yang akan dibangunkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, dalam apa jua perancangan pemberian insentif, kerajaan sentiasa menitikberatkan sinergi pembangunan syarikat-syarikat tempatan dan

juga pelaburan asing yang disasarkan. Usaha ini dijalankan dengan teliti untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat dan terlibat secara langsung dalam pertumbuhan ekonomi yang bakal dijana serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pembangunan modal insan dalam kalangan rakyat tempatan.

Berkenaan dengan permohonan FIZ *Penang South Islands*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Kewangan telah menerima permohonan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang menubuhkan Zon Perindustrian Bebas atau *Free Industrial Zone*, dengan izin- FIZ, di bawah Projek Pembangunan *Penang South Islands* (PSI). Cadangan FIZ tersebut adalah melibatkan kawasan seluas 566.86 ekar daripada keseluruhan kawasan di Pulau A PSI yang akan ditambah.

Permohonan bagi FIZ tersebut akan dipertimbangkan oleh pihak Kementerian Kewangan di bawah Akta Zon Bebas 1990. Sekiranya terdapat elemen peruncitan akan dilaksanakan di bawah cadangan FIZ tersebut, pihak syarikat melalui pihak berkuasa zon yang akan dilantik kelak perlu memohon kelulusan Menteri Kewangan di bawah seksyen 6A Akta Zon Bebas 1990.

Juga untuk makluman Yang Berhormat Senator Datin, status PBC ini atau pulau bebas cukai hanya akan berkuat kuasa setelah kesemua pindaan akta yang berkaitan diwartakan setelah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong. Status Pulau 1 sebagai pulau bebas cukai dijangka berpotensi untuk menjana limpahan ekonomi daripada negara jiran yang memberi kesan kepada peningkatan aktiviti ekonomi sebagai contohnya perkhidmatan kewangan, hospitaliti dan peruncitan kepada kewangan setempat serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dalam sektor yang akan dibangunkan.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini jangkakan pulangan hasil tidak dapat ditentukan memandangkan aktiviti ekonomi yang substantif belum dilaksanakan sepenuhnya di Pulau 1. Pada masa ini hanya terdapat aktiviti perhotelan dan peruncitan.

■1450

Antara langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengelak syarikat mengambil kesempatan ke atas kemudahan Pulau 1 Forest City sebagai status Pulau Bebas Cukai, antara langkah yang diambil kerajaan adalah:

- (i) membuat pemeriksaan fizikal ke atas semua kenderaan dan pengunjung yang keluar-masuk;
- (ii) menyediakan laluan pas pemastautin yang dilengkapi dengan sistem RFID;
- (iii) pemantauan CCTV 24 jam di sekitar Kompleks Pemeriksaan Pulau Bebas Cukai Forest City;

- (iv) kawalan keberadaan pengunjung di dalam Pulau 1 Forest City melalui sistem pemantauan keluar masuk; dan
- (v) kawalan dokumentasi ke atas orang yang diluluskan oleh Menteri untuk menjual secara runcit.

Lagi berkenaan dengan strategi jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Antara langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor bagi merancang kegiatan ekonomi di Pulau 1 Forest City adalah perwujudan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura di mana Pulau 1 Forest City juga termasuk. Ini tadi saya sudah ulang banyak kali. Jadi, ini adalah antara satu daripada langkah yang akan diambil.

Hala tuju pembangunan Forest City pada masa ini memfokuskan kepada hak perkhidmatan. Antaranya kewangan, peruncitan dan hospitaliti. Dalam apa juga perancangan pembangunan yang dijalankan, kerajaan sentiasa menitikberatkan sinergi pembangunan syarikat-syarikat tempatan. Juga saya telah sebutkan tadi kita akan mengambil berat. Kita juga akan meneliti dan memastikan syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat dan terlibat secara langsung dalam pertumbuhan ekonomi. Saya tidak akan ulang lagi ya.

Okey, pada masa ini Yang Berhormat Senator Tuan Haji bertanya tentang pelan kerajaan kepada pulau-pulau lain, pulau-pulau buatan lain. Pada masa ini kelulusan dasar bagi pulau bebas cukai diberi pada Pulau 1 yang berkeluasan 1,400 ekar. Walau bagaimanapun, pewartaan ini dibuat secara berfasa bagi 770 ekar yang telah ditambak, yang bakinya belum ditambak lagi. Manakala baki 630 ekar akan diwartakan dalam fasa berikutnya. Sebarang cadangan untuk pulau-pulau tambak lain di Forest City akan diteliti sewajarnya setelah mendapat permohonan daripada pihak pemaju.

Akhir sekali, seksyen baharu 163Y adalah bagi melarang penjualan runcit bagi barang yang dikecualikan duti atau cukai tanpa mendapat kebenaran Menteri Kewangan terlebih dahulu. Buat masa ini hanya empat barang yang tidak bercukai atau berduti sahaja yang memerlukan kelulusan daripada Menteri Kewangan untuk penjualan runcit. Empat barang yang dimaksudkan adalah kosmetik, coklat, minuman keras dan minyak wangi. Jadi, ini adalah semua jawapan yang saya dapat jawab. Terima kasih sekali lagi kepada semua YB Senator yang mengambil bahagian. Mungkin YB Senator ada apa hendak tambah?

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta sedikit penjelasan daripada YB Timbalan Menteri ya?

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Jika YB Timbalan Menteri benarkan okey.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Terima kasih YB. YB ada memberikan jawapan berkaitan dengan persoalan saya. YB ada nyatakan bahawa kuasa untuk meluluskan tanah itu terletak kepada kerajaan negeri. Memang kita sedari bahawa itu adalah kuasa kerajaan negeri.

Cuma, persoalannya kenapa kita tidak menggunakan Majlis Tanah Negara Nasional-*Land Council* di bawah Perkara 91 kepada Perlembagaan yang mana di bawah *National Land Council* antara matlamat dan penubuhan MTN ini adalah untuk membentuk dasar dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan Majlis Kewangan Negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh persekutuan bagi perlombongan, pertanian, perhutanan dan apa-apa maksud lain.

Bermakna, rundingan dalam bersama dengan Majlis Tanah Negara (MTN) ini, Majlis Tanah Negara terdiri daripada anggotanya wakil dari negeri-negeri setiap negeri dan juga Kerajaan Persekutuan dan juga pihak Pejabat Tanah Persekutuan. Jadi, apabila kita ada satu Majlis Tanah Negara yang berfungsi untuk mengawal penggunaan tanah di seluruh semenanjung dan meletakkan satu dasar yang boleh menyekat penggunaan ataupun pemberian milik tanah kepada warga asing secara kekal. Ini adalah matlamat dia sebenarnya.

Jadi kalau sekiranya dulu pada tahun 2014, Majlis Tanah Negara telah mengeluarkan dasar membenarkan pemilikan tanah oleh warga asing dengan syarat-syarat tertentu bermakna kita boleh juga kalau sekiranya Pulau 1 sudah dijadikan zon bebas cukai kita boleh juga menggunakan khidmat Majlis Tanah Negara untuk *impose certain condition* yang mengehadkan penggunaan ataupun pemilikan tanah ini.

Bagi menjawab kepada apa yang YB Datuk Senator Dominic tentang- mungkin tak jelas dengan apa yang saya jelaskan tadi. YB Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa tanah ini *of course* di-*develop* oleh *developer*, tetapi *once developer develop* tanah tersebut yang dibina apartmen dan sebagainya, *it become the strata tittle*, tetapi *the moment* ianya telah diberi milik ataupun dijual kepada pemilik baharu, tanah itu sendiri sudah menjadi milik dia milik kekal. Sebab ia nya adalah status tanah kekal bukannya tanah *leasehold* ya.

Jadi bila kekal, bermakna kita tak boleh ambil lagi selagi dia tak jual balik kepada kita. Jadi bermaksud, sekarang ini tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa 70 peratus pegangan tanah di Pulau 1 telah pun dimiliki oleh warga China dan 10 peratus sahaja dimiliki oleh warga Malaysia dan selebihnya warga daripada negara-negara luar.

Bermakna sekarang ini yang telah terjual 10 peratus sahaja milik warga Malaysia. Yang ini menjadi *concern* kita, menjadi keraguan kita, kerisauan kita. Sebab sudah tidak ada lagi tanah milik warga kita. Sebahagian besarnya majoriti 90 peratus milik warga luar. Jadi kalau sekiranya

kita tidak menghadkan, meletakkan syarat-syarat yang ketat akhirnya pulau ini nanti akan menjadi pulau milik orang lain yang berdekatan dengan negara kita.

Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada *National Land Council* boleh digunakan untuk *impose certain condition*. Terima kasih. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Bagi saya, saya tidak berhak berucap atas untuk Majlis Tanah Negara, tetapi saya memang faham hujah-hujah yang dibentangkan oleh Yang Berhormat.

Jadi, ini isu pemberian hak milik tanah ini pada masa akan datang kita akan sampaikan dan akan dikaji bersama dengan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk memastikan kepentingan rakyat Malaysia dan kedaulatan negara dapat terjamin. Okey, terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator, jika hendak mencelah, sila mencelah sebelum jawapan oleh Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri itu selesai. Itu adalah cara kita di sini mengikutkan Perlembagaan. Jadi, dan saya mohon Yang Berhormat-Yang Berhormat mencelah sebelum selesainya jawapan daripada Timbalan atau Menteri ya okey.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 dan 11** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]*

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Timbalan Menteri Ekonomi (Dato Hajah Hanifah Hajar Taib) dan diluluskan]

■ 1500

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.01 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali kedua sekarang.

Puan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2024 yang dicadangkan ini adalah bagi meminda Akta Eksais 1976 Akta 176 dengan tujuan untuk mengeluarkan Pulau 1 Forest City dari kawasan utama Kastam dan mengadakan peruntukan khas berkenaan Pulau 1 Forest City selaras dengan pindaan dalam Akta Kastam 1967 Akta 235.

Puan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 11 fasal yang meminda Akta Eksais 1976. Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 176 bagi memasukkan takrif baharu Pulau 1 dan mengeluarkan Pulau 1 dari kawasan utama Kastam.

Fasal 3, 5, 7 dan 9 bertujuan untuk meminda seksyen 2, 87, 91A, 91E dan 91Q Akta 176 bagi mengeluarkan Pulau 1 daripada takrifan kawasan utama Kastam.

Fasal 4, 6, 8 dan 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 90A(2), 91DA(2), 91I(2) dan 91U(2) Akta 176 dengan yang berbangkit daripada pemotongan subseksyen 6(3), (4) dan (5) Akta 176 melalui Akta Kewangan No. 2/2023 [Akta 851].

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan bahagian baharu 15E ke dalam Akta 176 mengenai Pulau 1 iaitu takrifan kawasan utama Kastam larangan penjualan, pengilangan barangan tidak bercukai, layanan duti eksais, perisytiharan barang dan kuasa Menteri membuat peraturan. Pindaan lain yang tidak dinyatakan secara khusus adalah bersifat kecil atau berbangkit daripada pindaan lain.

Secara keseluruhannya, pindaan kepada Akta 176 ini adalah bagi menyelaraskan pindaan yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967 [Akta 235] yang mana pindaan utama adalah untuk mengeluarkan Pulau 1 Forest City daripada kawasan utama kastam dan mengadakan peruntukan khas berkenaan Pulau 1. Puan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]: Puan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai dua orang ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah 10 minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin Saidin.

3.05 ptg.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas pembentangan Rang Undang-undang Akta Eksais 1976. Akta Eksais 1976 tidak merupakan satu akta yang berkaitan dengan Akta Kastam yang bersifat *consequential* setelah Akta Kastam dipinda.

Now Yang Berhormat Menteri, persoalan yang ingin saya bangkitkan di sini, ia adalah berkaitan dengan yang terdahulu yang mana persoalan berkaitan dengan tambakan pada Pulau 1. Sekarang kita tahu bahawa Pulau 1 ini merupakan sebuah pulau yang bukan asalnya pulau, tetapi ditambak tanahnya menjadi sebuah pulau. Kemudiannya, saya kurang pasti sama ada tambakan masih berterusan. Persoalannya, adakah tambakan pada masa-masa akan datang dibenarkan? Adakah tambakan ini ada dasar yang ditetapkan oleh pihak kerajaan untuk dihadkan kepada suatu jumlah kawasan persegi yang ditetapkan.

Andai kata ia tidak ada satu dasar yang ditetapkan bahawa tambakan ini dihadkan, tidakkah nanti akan timbul persoalan bahawa kita akan ada lambakan warga asing di sebuah kepulauan yang berhampiran dengan tanah besar. Masalah dengan lambakan warga asing, kita pun tahu di negara Malaysia juga, kita banyak warga asing sama ada secara sah ataupun tidak sah berjumlah jutaan.

Jadi kalau kita ada sebuah lagi pulau yang kita tambak, memberikan ruang yang lebih besar dengan status *duty free* bermakna akan menarik perhatian, menarik pihak-pihak warga-warga asing untuk datang ke tempat tersebut, di pulau tersebut disebabkan oleh insentif yang diberikan terlalu banyak, maka saya bimbang ia akan juga menjejaskan *sovereignty* kedaulatan negara kita disebabkan oleh lambakan warga asing ini. Perlu diingat, Pulau 1 tetap merupakan sebahagian daripada negara Malaysia tetapi milikan tanahnya telah dimiliki lebih majoriti 90 peratus adalah warga asing.

Jadi ini menjadi kebimbangan. Jadi soalan saya, adakah pihak kerajaan ada memikirkan tentang hal ini dan meletakkan satu dasar polisi bagi menentukan bahawa jumlah keluasan pulau ini perlu dihadkan di masa yang akan datang. Itu yang pertama.

Kedua, berkaitan dengan kesan limpahan ekonomi terhadap kawasan persekitaran dengan Pulau 1. Sebab kita faham, tujuan Pulau 1 ini kita nak mengaktifkan, kita nak menjana ekonomi di pulau tersebut, tetapi kita perlu juga ingat bahawa ekonomi di kawasan yang berdekatan di semenanjung utama ini perlu juga dipelihara. Sekarang kita tahu bahawa kita ada persaingan yang tidak berapa sihat. Sebab kita ada Pulau 1 yang mendapat segala keistimewaan *tax free* untuk pelbagai aspek, perkhidmatan, cukai perkhidmatan, cukai eksais dan sebagainya. Sedangkan kawasan yang bersaing ataupun yang berada di tanah utama tidak mendapat keistimewaan sedemikian.

Jadi tidakkah nanti pelabur-pelabur ataupun mana-mana syarikat lain yang merasakan bahawa kalau saya pergi melabur ataupun membuat pembangunan industri di Pulau 1, saya akan lebih mendapatkan keuntungan, ya. Sedangkan di tanah utama ini, tidak akan mendapat keuntungan disebabkan oleh keuntungannya sedikit disebabkan oleh *tax* yang perlu dibayar. Jadi ini akan menimbulkan satu persaingan sama ada persaingan itu ialah persaingan yang boleh menjana ekonomi lebih hebat kepada kawasan-kawasan persekitaran ataupun ia akan melembapkan penambahan ekonomi di situ dan mengakibatkan berlakunya kawasan tersebut ditutup *eventually* disebabkan oleh kemajuan yang dicapai oleh Pulau 1 itu tadi.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan penguatkuasaan.

■1510

Kita faham bahawa seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa cuma ada satu akses saja. Satu akses ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa kita dapat mengawal pergerakan mereka yang keluar-masuk dan membawanya keluar segala barangan yang dikatakan mendapat pengecualian cukai supaya tidak di-*smuggle* keluar daripada tanah tersebut.

Namun persoalannya, adakah pihak kerajaan ada memikirkan elemen rasuah apabila kita buat satu dasar, yang dasar ini terlalu *lucrative*, insentifnya begitu besar, jadi orang akan mula nak bawa keluar secara tidak sah dan akan mengundang kepada gejala rasuah? Kita tidak dapat menafikan bahawa rasuah adalah merupakan satu masalah besar di negara ini. Kalau sekiranya kita kerajaan belum bersedia untuk menangani, untuk mencari jalan yang sesuai, untuk kita menghalang kejadian rasuah di kalangan sama ada kakitangan kerajaan ataupun pihak-pihak yang terbabit daripada membenarkan *smuggling* berlaku. Maka, saya rasa dikhuatiri ianya akan

menggagalkan hasrat kerajaan untuk menjana ekonomi yang pesat di kawasan tersebut. Itu saja soalan saya Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah.

3.11 ptg.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati sekalian. Terima kasih kerana memberikan saya giliran untuk membahas mengenai Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024.

Datuk Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Duti Eksais (Pindaan) 2024 [Akta 176] ini adalah satu keputusan yang perlu disambut baik dalam usaha untuk mempelbagaikan, untuk merencam sektor ekonomi di Pulau 1. Pindaan Akta 176 ini untuk mengecualikan cukai di Pulau 1, akan merancakkan lagi kegiatan ekonomi di situ dan kawasan-kawasan sekitar lalu ke Pulau 1.

Ini secara tidak langsung, saya lihat akan membuka lagi ruang dan peluang pekerjaan kepada warga tempatan sebagai alternatif kepada mereka yang terpaksa keluar ke Singapura setiap hari berulang alik mencari rezeki dan meneruskan kelangsungan hidup, tetapi juga akan menjadi permasalahan daripada kita lihat sudut negatifnya seperti mana diberitahu oleh Dato' Setia Salehuddin tadi tentang warga asing yang mengambil kesempatan terhadap apa yang akan berlaku di Pulau 1.

Datuk Yang di-Pertua, dalam usaha membangunkan Pulau 1 sebagai pulau bebas cukai, berapakah implikasi kewangan ke atas pihak kerajaan dalam meminda Akta 176 untuk kawasan yang seluas 770 ekar di Pulau 1 buat masa terkini?

Kedua, menyentuh mengenai keseluruhan kawasan di Pulau 1 yang keluasanya lebih kurang 1,470 ekar. Saya difahamkan bahawa pindaan ini hanya terpakai untuk kawasan seluas 770 ekar buat masa ini. Kenapakah tidak rangkumi seluruh kawasan Pulau 1 sebagai kawasan bebas cukai dan mendapat pengecualian cukai yang berkaitan? Adakah pihak kementerian mempunyai pelan perancangan khas untuk baki kawasan Pulau 1 yang tidak termasuk dalam pindaan ini? Jika pindaan ini dibuat, baki kawasan tersebut pada masa akan datang, apakah implikasi kewangan? Adakah tambahan atau ada implikasi kewangan kedua yang akan dibentangkan sekali lagi kalau *balance* tanah tersebut daripada 770 dan bakinya sebanyak lebih kurang daripada 1,470 ini dilibatkan?

Jadi ini persoalan yang perlu kita bincangkan. Jangan kita bincang tentang 770, akhirnya pada Dewan akan datang, dua tiga tahun akan datang, bakinya pula dibawa bentangkan sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini.

Apakah baki kawasan Pulau 1 itu di bangun kelak, kegiatan ekonomi ini akan menjadi tidak seimbang jika kawasan tersebut tidak mendapat status yang sama? Bayangkan 770 dapat status bebas cukai, yang *balance*-nya lagi tak dapat status bebas cukai. Jadi ini yang persoalan yang perlu kita bicarakan dan kita perlu rungaikan. Apakah pindaan yang dibuat sekarang ini hanya ke atas kawasan yang sedia ada?

Datuk Yang di-Pertua, apakah pelan perancangan jangka masa panjang pihak kementerian terhadap Pulau 1 selain menjadikannya sebuah pulau bebas cukai? Selain daripada itu, apakah rasionalnya menyenaraikan empat jenis barang iaitu minuman keras, coklat, kosmetik, minyak wangi yang mendapat pengecualian cukai?

Jika satu faktor utama pembangunan Pulau 1 ini pulau bebas cukai untuk menarik pelancong luar terutama warga Singapura, saya kira di Singapura dah ada JPO dah. Dah ada dah *Johor Premium Outlet* yang juga menawarkan kelebihan tersendiri daripada segi pengalaman membeli belah dan kalau kita pergi di JPO, penuh setiap hari kereta. Adakah lokasi JPO ini tidak jauh daripada kedua-dua pintu masuk Malaysia iaitu Singapura iaitu daripada Woodlands dan Tuas juga akan memberi saingan pada Pulau 1?

Barangan seperti coklat, kosmetik, minyak wangi boleh didapati dengan mudah di JPO, kecuali minuman keras. Ditambah lagi dengan pelbagai butik pakaian berjenama dan juga deretan butik-butik barangan yang dilihat mesra pengguna. Lihat saja kawasan *parking* JPO pada hujung minggu. Tak pernah lengang. Penuh dengan kereta. Kadang-kadang *jammed* nak masuk JPO dan ini yang saya rasakan perkara yang perlu kita lihat.

Kepada hemat saya, jika pihak kementerian ingin menawarkan pengalaman membeli belah kepada pelancong dan pelawat di Pulau 1, senarai empat barang tersebut akan bertindih dengan barangan yang sedia ada di kawasan utama Kastam terutama saya sebutkan tadi di JPO. Mungkin pihak kementerian boleh pelbagaikan lagi tarikan lain di Pulau 1, sebagai usaha merencanakan lagi selain daripada empat barangan bebas cukai tersebut.

Saya nak bertanya kepada pihak kementerian, apakah hala tuju Pulau 1 ini menjadikan had perkhidmatan dengan menawarkan hanya kepada sektor perkhidmatan, kewangan, peruncitan dan hospitaliti? Apakah kelainan khas keunikan yang akan diberikan perkhidmatan yang ingin kementerian tawarkan di Pulau 1 untuk pelabur-pelabur luar berbanding dengan perkhidmatan yang sedia ada di kawasan Kastam?

Jadi, inilah persoalan yang kita bincangkan hari ini tentang isu yang kita bangkitkan tentang isu Pulau 1. Jadi saya yakin, pihak kementerian telah mengkaji semua sudut, tetapi persoalan yang kita tanya ini adalah soalan-soalan yang ditanya oleh warga luar untuk kita sampaikan dalam Dewan kepada pihak kementerian.

Datuk Yang di-Pertua, oleh itu, sekian saja perbahasan saya. Saya harap, pihak kementerian dapat memberikan pencerahan, justifikasi dengan lebih jelas tentang soalan-soalan daripada saya dan rakan-rakan, agar semua mendapat gambaran secara menyeluruh mengenai pembangunan Pulau 1 sebagai sebuah Pulau Bebas Cukai.

Sekian perbahasan saya, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Malaysia Madani dan terima kasih kepada Datuk Yang di-Pertua yang cantik bergaya di atas- depan itulah.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Atas singgahsana... [*Dicelah*]

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yang Berhormat.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Ada 10 minit lagi? Tak apa. Kita jangan panjang-panjang, saya tahu rakan-rakan semua nak balik awal hari ini.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Begitu arif tentang jualan bebas cukai.

Saya kini menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.18 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih kepada Puan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas. Saya akan cuba sedaya upaya untuk menjawab semua soalan yang dibangkitkan.

Pertama, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin, saya faham tentang kerisauan Yang Berhormat tentang hak tanah dan juga tentang lambakan orang asing.

Jadi, antara satu lagi isu yang dibangkitkan adalah tentang rasuah, okey. Jadi, bagi membendung rasuah secara keseluruhan termasuk peruncitan barangan tidak berduit atau tidak bercukai, Jabatan Kastam Diraja Malaysia sentiasa memastikan tatakelola dan tadbir urus yang baik seperti saya telah sebutkan tadi serta berakauntabiliti, ketelusan dan terutamanya di kalangan kakitangan JKDM yang antaranya kita akan meningkatkan penggunaan alat-alat yang lebih berteknologi tinggi seperti saya pun sudah ulang tadi, sudah ucapkan tadi dan juga pemeriksaan mengejut.

Ini merupakan penguat kuasa yang kita selalu mesti lakukan, bukan sahaja di Pulau 1, di semua. Ini adalah antara satu daripada langkah yang akan diambil oleh JKDM untuk memastikan kita kurangkan rasuah *as much as we can*. Okey, kita mesti juga melaksanakan pusingan atau penempatan kakitangan di JKDM. Jadi, mengurangkan peluang mereka untuk melakukan rasuah.

■1520

Juga tentang berkenaan dengan adakah tambakan masa hadapan akan berlaku? Jadi, seperti telah diulang beberapa kali, pada masa kini kelulusan dasar bagi Pulau Bebas Cukai diberikan pada Pulau 1 adalah keluasan 1,400 ekar. Walau bagaimanapun, pewartaan dibuat secara berfasa yang di mana 770 ekar telah ditambak, yang baki 630 ekar belum ditambak, tapi telah diwartakan dalam fasa yang berikutnya dan perlu dibawa.

Ini juga jawab kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Arman iaitu jika selepas 630 ekar ditambak lepas itu kita nak juga diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai. Saya kena berdiri jika saya masih dalam Kementerian Kewangan. Kita harus sekali lagi membawa RUU ini supaya dibentangkan sebab kali ini kita hanya untuk kelulusan 770 ekar sahaja.

Sebab yang baki ini belum ditambak, jadi kita tidak ada permintaan. Kita tidak ada permohonan. Jadi, walau bagaimanapun sebarang cadangan untuk pulau-pulau tambak lain di Forest City akan diteliti sewajarnya selepas kita mendapat permohonan daripada pihak pemaju. Okey.

Untuk Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman, berkenaan dengan- okey jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam meminda Akta 176 melibatkan pembangunan Pulau 1 sebagai Pulau Bebas Cukai tidak melibatkan bantuan kewangan di pihak Kerajaan Persekutuan.

Juga berkenaan dengan baki. Okey, jadi saya sudah jawab tadi yang hanya 770 ekar...

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Mohon mencelah Speaker?

Puan Lim Hui Ying: Boleh.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Jika dibenarkan oleh Menteri.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Menteri okey. Timbalan Menteri okey.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Silakan.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Saya nak tanya kepada Timbalan Menteri, sedangkan kelulusan macam saya nyatakan seribu lebih, hari ini mohon 770. Kenapakah kerajaan tak bentang terus untuk kelulusan dasar secara keseluruhan? Kenapa perlu bentang dua kali sedangkan bagi saya kalau dibentangkan secara keseluruhan dan dasar yang seterusnya adalah memikirkan perancangan.

Jauh lebih baik daripada luluskan separuh lepas itu penggal akan datang luluskan sekali lagi. Jadi bagi saya, saya nak meringankan beban Timbalan Menteri dan Menteri. Jadi bagi saya, saya mencadangkan kepada Kementerian daripada merancang meluluskan hanya 770, rancang terus luluskan secara keseluruhan secara dasar. Lepas tu *the fines unit you can do it after that*. *Then* merancang lebih baik daripada hari ni *table 770*, Penggal akan datang takut *you* tak jadi Timbalan Menteri pula. *Time* tu *you* Menteri pula *time* tu. *You* nak kena bentang 660 ekar. Jadi bagi saya- pandangan saya, lebih baik kerajaan luluskan secara dasar seribu lebih itu daripada separuh, separuh...

Beberapa Ahli: ...Dah lantik jadi Menteri dah.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Dah lantik jadi Menteri dah? Saya ingat saya kena lantik. Tak apa itu saja soalan saya. Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: *Alright*. Terima kasih. Sebab buat sementara yang di mana pemaju memohon untuk pulau bebas cukai hanya adalah 770 ekar. Dia tidak memohon untuk 1,400 ekar. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat Senator kita pertimbangkan. Terima kasih.

Juga tentang empat jenis. Kenapa? Apakah rasional kita senaraikan empat jenis barangan sahaja? Untuk makluman Senator, empat jenis sudah diulang banyak kali. Kenapa kita hanya empat jenis sahaja? Satu daripada alasan- sebabnya adalah kerana jarak Pulau 1 yang terlalu dekat dengan tanah besar memudahkan keluar-masuk berbeza dengan Pulau Bebas Cukai yang lain. Kedudukan yang berdekatan dengan kawasan utama Kastam terdedah kepada risiko berlakunya penyeludupan. Juga Pulau 1 Forest City mempunyai akses yang mudah dan pendek iaitu hanya 600 meter melalui jambatan dan sekali lagi berbeza dengan pulau bebas yang kita mesti akses melalui pengangkutan udara atau...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua mohon...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Sebentar.

Puan Lim Hui Ying: Ya, boleh.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Boleh Timbalan Menteri? Okey. Dipersilakan Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *Simple* saja. Nak tanya sikit saja, tetapi pertama, ucap tahniah Arman dah lantik Menteri... *[Ketawa]* Soalannya daripada Datuk Setia tadi menyatakan *sovereignty of this country*. Adakah kerajaan memikir tentang ancaman *sovereignty of this country* dalam kita melulus semua perkara-perkara ini. Itu perlu, kerajaan perlu lihat dan perlu pertimbangkan. Sebab *sovereignty our country is the most important thing*. *Otherwise we will not be here* ataupun kita menjadi rakyat yang hina. Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat, saya setuju seratus peratus Kedaulatan Negara mesti kita pertahankan dan kita menjaminkan. Baik terima kasih.

Lagi satu tentang langkah perancangan jangka panjang yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor untuk merencanakan kegiatan ekonomi di Pulau 1 antaranya adalah perwujudan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura.

Inisiatif ini dilihat dapat meningkatkan daya saingan melalui penglibatan dalam sektor ekonomi yang mewujudkan pekerjaan berkualiti tinggi memacu pertumbuhan mampan serta mengukuhkan infrastruktur. Jadi lagi satu. Antara kelainan khas yang ditawarkan di Pulau 1 adalah melibatkan hala tuju pembangunan berfokus kepada hab perkhidmatan. Juga kita sudah ulang banyak kali iaitu kewangan, peruncitan, hospitaliti.

Selain itu, kedudukan Pulau 1 yang berdekatan dengan Singapura juga memberi potensi ke atas kerancangan dan limpahan ekonomi daripada negara jiran. Kita harap dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor yang akan dibangunkan.

Okey sekali lagi mungkin saya nak tegaskan di sini, ulangkan lagi sebab satu daripada seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman tentang sekali gus dasar itu untuk 1,400. Satu daripadanya adalah jika pulau itu yang bakinya belum ditambah. Jadi jika belum ditambah belum ada tanah fizikal. Jadi kita tidak dapat membuatnya sesuatu yang belum lagi wujud.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Saya tadi maklum. Kita kata kelulusan dasar. Dia belum lagi cerita spesifik. Maknanya bagi saya nak mempermudah bakal Yang Berhormat Menteri Kewangan...

Seorang Ahli: ...Dua kali lantik.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Dua kali lantik. Jadi benda itu yang kita cadangkan untuk mempermudah.

Soalan lagi satu yang mengenai JPO tersebut. Kerana kalau bila kita wujudkan pulau bebas cukai ini, bagaimana pula dengan kerancangan ekonomi di JPO pula. Kasihan pula warga kerja pekerja-pekerja negara kita yang dah ada di JPO. Kerana itu kita tidak ada tidak mahu ada pertindihan daripada segi barangan di JPO dan juga di Pulau Bebas Cukai tersebut.

Seorang Ahli: ...Dato' Arman ada *outlet* kat di JPO?

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Ha ada *outlet* di JPO kan- jumpa Menteri...

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Dato' (Dr.). Betul saya faham, tapi pada masa ini, ini adalah dasar yang telah ditetapkan, tapi saya akan bawa untuk berbincang, untuk cadangan, akan bangkitkan cadangan.

Tentang JPO...

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon mencelah.

Puan Lim Hui Ying: Yes.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yang Berhormat Menteri, boleh. Sekejap ya. Sekejap Yang Berhormat. YB Timbalan Menteri. Okey, boleh? Dipersilakan Yang Berhormat.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Ini nampak ada kekeliruan sedikit. Fasal seribu lebih kelulusan 700. Sebenarnya pulau itu baharu 770, belum lagi 1,000. Jadi diluluskan 770. Macam mana pula pulau 770, kita nak luluskan 1,000? Sebab ia *balance* nya satu lagi belum tahu, belum lagi tahu. Belum tahu bila kita nak tambak.

Nombor dua tadi fasal JPO ini, saya nak jawab. Sebab ini pengalaman saya. JPO dengan Zon Bebas Cukai ini tadi. Kita kena tahu JPO ini *premium outlet*. Dia jual barang-barang *three season behind, four season behind*. Zon Bebas Cukai ini *on season*. Faham tak? Kalau dia jual minyak wangi *Burberry* yang spesifik, ini contoh. A itu yang terkini, yang JPO tak boleh jual benda-benda itu. Itu beza JPO dengan ini. Itu sebab ada perbezaan. Jangan kita kelirukan Dewan ini...

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Kejap saya nak ucap terima kasih lah kepada Yob dah jadi Menteri- jawab.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Okey Yang Berhormat.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Sepatutnya *you* duduk sana. Mungkin *you* keliru jawatan *you* ini... [Ketawa]

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Bukan saya kasihan nak jawab sebab ini jawapannya.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Ya maknanya kita lantik dia jadi Setiausaha Politik untuk *you*- bakal akan datang...

■1530

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yang Berhormat Timbalan Menteri, nak teruskan?

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih, terima kasih. Banyak kawan lama di sini.

Tentang JPO, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, JPO bukan kedai bebas cukai, tetapi saya faham tentang peranan JPO daripada segi ekonomi di Johor Bahru memang sangat popular. Jadi, kita mempelbagaikan lebih banyak lagi, kita nak rancakkan ekonomi di negeri Johor. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Timbalan-Timbalan Menteri yang ada dan

Menteri kita yang paling *handsome*, Senator Tengku Zafrul. Terima kasih kerana dapat menghadirkan diri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Ekonomi (Dato Hajah Hanifah Hajar Taib) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ZON BEBAS (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.33 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibacakan kali kedua sekarang.

Puan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2024 yang dicadangkan ini adalah bagi meminda Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*] yang merupakan pindaan susulan- *consequential amendments*, dengan izin, daripada cadangan pindaan Akta Kastam 1967 supaya selari dan konsisten dengan pindaan yang dibuat dengan Akta Kastam 1967 tersebut.

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini yang mengandungi dua fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 438 bagi mengeluarkan Pulau 1 dari takrif kawasan utama Kastam dan juga memasukkan takrif baharu Pulau 1.

Puan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai dua orang ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah 10 minit. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

3.36 ptg.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia Madani Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan pengubalan Akta RUU Zon Bebas (Pindaan) 2024.

Saya tidak akan mengambil masa yang lama. Saya ambil maklum bahawa pengubalan RUU ini adalah untuk memberikan Pulau 1 Forest City Johor sebagai *duty free zone*, dengan izin.

Saya tertarik untuk membahaskan perkara ini kerana saya memang tertarik dan percaya terhadap konsep di mana Singapura dan Malaysia sepatutnya bekerjasama untuk mewujudkan situasi ekonomi yang '*win-win*', dengan izin. Dengan populasi Malaysia dan Singapura yang kecil berbanding negara ASEAN, *it's just makes sense that we work together to level up our economies*, dengan izin.

Sebagaimana yang ditanya oleh saya pagi ini di Dewan yang mulia ini, Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk mewujudkan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura. Saya menyambut baik jawapan Menteri pagi tadi berkaitan status perlaksanaannya. Lokasi Forest City yang berdekatan dengan Singapura dan pengisytiharannya sebagai zon bebas ini memerlukan untuk saya bertanya beberapa soalan.

Satu, apakah visi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Johor bagi Forest City dalam perancangan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura? Saya percaya, kedua-dua pihak telah memilih langkah ini untuk Forest City dengan *a bigger picture in mind*, dengan izin. Jadi, saya mohon penjelasan ini supaya pihak swasta boleh bersedia untuk melibatkan diri dan membantu usaha kerajaan kita.

Kedua, adakah Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Johor telah mula mengenal pasti syarikat-syarikat tempatan yang akan dijadikan pencetus dan penggerak kepada aktiviti ekonomi yang bakal dijanakan di Forest City dan juga di Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura secara menyeluruh? Biarlah perkara ini terancang supaya pihak tempatan juga mendapat *the economics spillover*, dengan izin, daripada polisi-polisi ini. Janganlah syarikat asing sahaja diberikan keutamaan.

Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengingatkan pihak Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Johor untuk memastikan segala insentif dan perancangan yang dilakukan bersama Kerajaan Singapura sememangnya akan membawa manfaat kepada rakyat Malaysia dan syarikat-syarikat Malaysia. Janganlah kita hanya mengikut jejak perancangan Singapura dan diambil kesempatan. Pastikan Malaysia juga mendapat *the high value jobs*, dengan izin dalam sektor-sektor yang bakal dimasukkan dalam Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura.

Setakat ini sahaja perbahasan saya. Saya menaruh harapan *economical cooperation* ini dengan izin, membuahkan hasil jangka masa panjang untuk rakyat Malaysia terutamanya rakyat negeri Johor. Saya dengan ini menyokong RUU Zon Bebas (Pindaan) 2024. Sekian terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Seri Hajah Zurainah Musa. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim. *Take your time ya.*

■1540

3.40 ptg.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Akta Zon Bebas (Pindaan) 2024 ini.

Syabas Datuk Seri, *well done*. Saya amat mengalu-alukan pindaan yang dilakukan oleh kerajaan dalam Akta Zon Bebas 1990 ini dalam pindaan Forest City di Iskandar Puteri atau Pulau

1 dijadikan sebagai Zon Bebas Cukai, Zon Kewangan Khas yang mampu memberi nafas baharu dan peluang kedua kepada kawasan tersebut.

Seterusnya, *insya-Allah* akan memacu ke- maaf perkembangan ekonomi yang lebih pesat di selatan tanah air kita. Dalam masa yang sama juga, saya berharap agar kerajaan boleh melihat potensi yang sedia ada terhadap beberapa produk di zon bebas ini. Apabila kita bercakap mengenai bebas cukai atau *duty free* dengan izin, ianya mesti ada selalu melibatkan rokok, coklat dan arak.

Sepatutnya skop ini harus diperluaskan sebaik mungkin. Kalau boleh marilah kita cuba mempamerkan atau mempromosikan barang-barang atau produk-produk keluaran tempatan yang berkualiti dijadikan sebagai tarikan di tempat *duty free* ini. Apa salahnya Harum Manis ataupun Durian Musang King *properly pack*, dengan izin, sebagai contoh diletakkan setaraf dengan produk yang lain di mana ianya boleh dibeli dengan harga yang murah *as a compliment to the duty free goods*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan dan mengesyorkan pandangan supaya di Sarawak juga diwujudkan Zon Perdagangan Bebas Cukai dengan izin, *Free Commercial Zone* sebagai contoh di kawasan Pantai Damai Santubong atau di Bahagian lain di Sarawak seperti di Bintulu.

Melihat geografi kawasan tersebut amat strategik dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan lagi produk pelancongan di negeri Sarawak. Kita mesti pragmatik dan ke hadapan dalam pandangan memajukan ekonomi negara. Melalui perkara sebegini ia nya dapat memberi limpahan berganda kepada negara kita. Apatah lagi apabila adanya Pulau 1 Johor ini dapat diperkembangkan konsepnya ke Sarawak juga.

Tuan Yang di-Pertua, kita ambil contoh di China. Di mana mereka ada *21 Free Trade Zone* lebih-lebih lagi Sarawak dan Malaysia sekarang ini berada di landasan yang tepat dalam memacu ekonomi tenaga yang boleh diperbaharui. Sarawak akan menjadi hab hidrogen menjelang 2027, maka inilah masanya untuk Kerajaan Persekutuan meneliti perkara ini supaya dapat dibawa dan diangkat menjadi senarai terbaharu zon bebas cukai. Sebagai contoh, di Pantai Damai Santubong, jika diperkembangkan atau dijadikan sebagai satu Zon Pelancongan Bebas Cukai di mana setiap tahun kita adanya *Rainforest World Music Festival* atau RWMF menjadi tarikan kepada pengunjung dari luar dan dalam Malaysia.

Kawasan strategik di kaki Gunung Santubong ini seharusnya dimanfaatkan sebaik-baiknya. Di Bintulu pula, kita ada hab hidrogen di mana ianya memberi nilai tambah kepada, dengan izin, *Sarawak Corridor of Renewable Energy*. Seperti yang kita lihat di Hunan, China di mana fokus zon bebas mereka merangkumi teknologi hijau dan juga tenaga yang boleh

diperbaharui. Saya berharap agar supaya dengan pindaan ini dapat memberi manfaat kepada negara seterusnya menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terkemuka di rantau ini.

Dengan itu saya menyokong pindaan RUU ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ada sesiapa lagi nak bahas? Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad Dato Sri Haji Ibrahim. Sekarang saya jemput Menteri untuk jawab.

3.44 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas dan memberi cadangan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Zurainah Musa berkenaan dengan visi, okey. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, cadangan penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura atau *Johor-Singapore Special Economic Zone*, dengan izin, dicetuskan untuk memperkukuh kesalinghubungan ekonomi dan kerjasama kedua negara bagi manfaat bersama rakyat.

Forest City merupakan salah satu *quick win*, dengan izin, yang dikenal pasti dalam memacu pertumbuhan melalui aktiviti perkhidmatan kewangan yang sedang diperincikan. Kerajaan mengalu-alukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak untuk merealisasikan visi ini. Dalam apa jua perancangan pembangunan yang dijalankan, kerajaan sentiasa menitikberatkan sinergi pembangunan syarikat-syarikat tempatan dan juga pelaburan asing yang disasarkan.

Usaha ini dijalankan dengan teliti untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat dan terlibat secara langsung dalam pertumbuhan ekonomi yang bakal dijana serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pembangunan modal insan dalam kalangan rakyat tempatan. Antara lain, kerajaan komited untuk memastikan bahawa pembangunan di Forest City dan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura adalah seimbang dan memberi manfaat kepada semua pihak.

Keutamaan kepada syarikat tempatan adalah melalui pelbagai program sokongan khususnya dalam program pembangunan kapasiti serta akses kepada pembiayaan. Kerajaan yakin bahawa dengan pelaksanaan dasar-dasar yang inklusif ini kesan limpahan ekonomi akan turut dinikmati oleh syarikat-syarikat tempatan.

Kepada Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad Ibrahim, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan memang menggalakkan dan mempromosi produk-produk

tempatan di pulau-pulau bebas cukai yang sedia ada contohnya di Pulau Langkawi yang mempromosikan batik tempatan, produk berasaskan gamat dan kraf tangan. Pihak Kementerian Kewangan mengambil maklum berhubung cadangan yang- untuk mempromosikan barang-barang atau produk-produk keluaran tempatan yang berkualiti dan berpotensi untuk dijual di Pulau Bebas Cukai Pulau 1 Forest City...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yang Berhormat...

Puan Lim Hui Ying: Yes.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Boleh saya mencelah?

Puan Lim Hui Ying: Boleh, boleh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Boleh.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Boleh? Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat menjawab soalan saya, tetapi saya ingin, kalau bolehlah ada senarainya peluang-peluang perniagaan dan apa keperluan yang akan diadakan di Forest City ini. Kalau bolehlah kita di *Senate* ini mendapat senarai itu jadi ia memberi peluang kepada terutama sekali peniaga-peniaga di luar sana. Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Maksud Yang Berhormat Senator, senarai syarat-syarat atau apa-apa kelayakan *so that the* syarikat-syarikat...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Boleh.

Puan Lim Hui Ying: ...Tempatan boleh memohon.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yes. Betul. Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Okey. Terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat Senator. Jadi saya sambung di sini tentang produk-produk tempatan.

Okey. Perkara ini akan disampaikan kepada pihak Kerajaan Negeri Johor dan pemaju Pulau 1 Forest City untuk perhatian dan tindakan sewajarnya. Terutama yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi, durianlah. Okey. Sekarang berkenaan dengan pandangan atau cadangan supaya di negeri Sarawak. Okey.

Untuk- sebelum saya mula, mungkin untuk maklumat semua, di Malaysia buat sekarang kita ada Zon Bebas Cukai. Dalam kategori Zon Bebas Cukai, kita ada dua iaitu Zon Perdagangan Bebas atau FCZ iaitu *Free Commercial Zone*, dengan izin, dan lagi satu ialah Zon Perindustrian Bebas iaitu *Free Industrial Zone*, dengan izin. Keseluruhannya di Malaysia, kita ada 25 Zon Perdagangan Bebas dan 21 Zon Perindustrian Bebas.

Di Sarawak untuk makluman Yang Berhormat, kita hanya ada satu Zon Perindustrian Bebas iaitu di... *[Dicelah]* Yes, di Sarawak- ya nanti ya- tiada Zon Perdagangan Bebas, zon industri bebas adalah di Samajaya, Kuching, Sarawak.

Jadi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat...

■1550

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Boleh saya mencelah.?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Menteri, boleh?

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Okey, saya faham itu *industry zone but they are not commercial zone. Not for free trade zone* lah. Jadi, saya mohon ini kalau boleh untuk *trade, tax free* ya. Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Di bawah Kementerian Kewangan, kita ada tiga jenis *free* ya, zon bebas. Satu adalah zon bebas cukai, satu adalah Pulau Bebas Cukai yang kita bincangkan di sini, satu adalah kedai bebas cukai. Jadi, kita ada tiga kategori ini. Untuk makluman, itu di Kuching. Itu dikawal selia oleh Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebarang cadangan bagi mewujudkan zon bebas memerlukan kajian kebolehlaksanaan- *feasibility study*, dengan izin, yang antara lain merangkumi perincian latar belakang, konsep pembangunan dan jenis aktiviti yang akan dijalankan khususnya bagi aktiviti yang berorientasikan eksport, justifikasi permohonan, kos dan pembiayaan serta analisis impak ekonomi dan sosial.

Kajian kebolehlaksanaan adalah penting bagi memastikan perwujudan zon bebas kelak benar-benar mencapai objektif dan memberikan manfaat yang sewajarnya serta memastikan Malaysia kekal menjadi destinasi yang kompetitif bagi perdagangan import dan eksport. Permohonan dan laporan kajian kebolehlaksanaan akan diteliti dan dikaji oleh Kementerian Kewangan.

Pertimbangan juga akan mengambil kira keberkesanan berbanding zon bebas yang sedia ada serta pandangan dan ulasan daripada kementerian dan agensi yang berkaitan. Antaranya, Kementerian Ekonomi, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Jabatan Kastam Diraja dan juga agensi lain yang berkaitan. Sekian sahaja untuk RUU ini. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan dan diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Ekonomi (Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib) dan diluluskan]

3.55 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Sebelum itu, peraturan mesyuarat.

Peraturan Mesyuarat 11(5) ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5), saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan D.R. 37/2024 Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024 seperti yang tertera di nombor 5, senarai *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini. Selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 29 Julai 2024.

Ya, Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.56 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018 dibacakan kali kedua sekarang.

Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2024 yang dicadangkan ini adalah bagi meminda Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*] yang merupakan pindaan susulan daripada cadangan pindaan Akta Kastam 1967 supaya selari dan konsisten dengan pindaan yang dibuat dengan Akta Kastam 1967 tersebut.

Rang undang-undang ini mengandungi tujuh fasal yang meminda Akta 806. Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 [Akta 806] bagi memasukkan Pulau 1 dalam takrif “kawasan ditetapkan” dan juga memasukkan takrif baharu “Pulau 1”.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan subseksyen 49(2) yang memperuntukkan pemakaian cukai jualan bagi barang bercukai yang dikilangkan di Pulau 1 selain apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 49A untuk melarang penjualan secara runcit apa-apa barang yang diisytiharkan tanpa kelulusan Menteri.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 50(2) untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian cukai jualan di Pulau 1.

Fasal 7 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada cukai jualan boleh dilevikan dan kena dibayar ke atas apa-apa barang bercukai yang diisytiharkan oleh Menteri.

Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit. Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai empat orang Ahli yang hendak berbahas. Maka saya membuat ketetapan bahawa terpulang pada masa, pada setiap Yang Berhormat, okey... [Dichelah] Sebab masa banyak lagi. Okey, Dipersilakan, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

3.59 ptg.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Dato' Yang di-Pertua, pindaan ini adalah langkah penting dalam memastikan sistem percukaian kita kekal relevan dan berkesan dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa.

■1600

Pertama sekali, pindaan ini memperkenalkan beberapa perubahan utama yang bertujuan untuk memperkukuh dan memperbaiki pelaksanaan cukai jualan di negara kita. Antaranya adalah pengenalan peraturan baharu mengenai kawasan yang ditetapkan termasuk Pulau Pangkor dan Pulau 1. Ini akan memastikan bahawa cukai jualan dikenakan dengan lebih adil dan menyeluruh di kawasan-kawasan ini.

Keduanya, pindaan ini juga memperkenalkan seksyen baharu yang membenarkan Menteri untuk mengisytiharkan barang-barang tertentu yang tidak boleh dijual tanpa kelulusan di kawasan-kawasan tertentu. Ini adalah langkah-langkah penting untuk mengawal selia penjualan barang-barang yang mungkin memberi impak besar kepada ekonomi tempatan.

Ketiganya, pindaan ini juga memperkenalkan peraturan baharu mengenai perkompunan kesalahan. Ini akan membolehkan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap mereka yang melanggar peraturan cukai jualan, sekali gus meningkatkan pematuhan dan integriti sistem percukaian negara.

Perkompunan kesalahan adalah proses di mana pihak berkuasa boleh menyelesaikan kesalahan tersebut tanpa perlu membawa kes tersebut ke mahkamah. Dalam konteks Akta Cukai Jualan 2018 (Pindaan) 2024, perkompunan kesalahan pihak berkuasa cukai untuk mengenakan denda atau penalti kepada individu atau syarikat yang melanggar peraturan cukai jualan tanpa perlu melalui proses perundangan yang panjang.

Dato' Yang di-Pertua, sistem perkompunan kesalahan dalam konteks cukai jualan mempunyai beberapa kelebihan dan kelemahan yang saya kira perlu dipertimbangkan dan diperhalusi dengan sebaiknya. Proses perkompunan mungkin kurang telus berbanding dengan proses mahkamah yang boleh menimbulkan persepsi bahawa pesalah seolah-olah terlepas daripada hukuman yang lebih berat.

Selain daripada itu, penalti yang dikenakan melalui perkompunan biasanya lebih rendah berbanding dengan mahkamah yang mungkin tidak cukup untuk menghalang kesalahan berulang. Di samping itu juga, terdapat risiko bahawa sistem ini boleh disalahgunakan oleh pesalah yang berulang kali melakukan kesalahan kecil dan membayar penalti tanpa perubahan tingkah laku yang sebenar.

Justeru, tanpa pengawasan yang ketat, proses perkompunan boleh menjadi tidak konsisten dan tidak adil dengan beberapa pesalah yang mungkin mendapat layanan yang lebih ringan berbanding dengan yang lain. Walau bagaimanapun, saya yakin pindaan ini adalah bukti komitmen kerajaan untuk memastikan sistem percukaian kita kekal adil, telus dan berkesan.

Perkara yang terakhir, saya ingin memohon sebagaimana Dato' Yang di-Pertua tadi menyarankan bahawa alangkah baiknya kalau Port Dickson dijadikan zon bebas cukai. Saya menyokong 100 peratus ya. Saya dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam Hamzah. Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah.

4.03 ptg.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani. Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati. Terima kasih sekali lagi, saya diberikan peluang untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2024.

Dato' Yang di-Pertua, pindaan ke atas Akta 806 ini adalah selaras dengan pindaan akta-akta lain, berkaitan usaha membangunkan Pulau 1 sebagai destinasi pulau bebas cukai. Pindaan ini saya tidak akan melibatkan sebarang implikasi kewangan. Namun, setelah dimaklumkan oleh kementerian tadi, namun bolehkah pihak kementerian berkongsi berapakah unjuran kutipan cukai lain selain yang dikecualikan di Pulau 1 apabila pindaan ini diimplementasikan kelak pada masa hadapan? Sejauh manakah pindaan ini akan mendapatkan hasil pendapatan garis optimum kepada kerajaan?

Kita faham akan risiko pembangunan sebuah kawasan dan harapan kepada pelaburan dibuat sudah tentu untuk kejayaan dan pulangan yang lumayan, baik kepada syarikat yang akan berada di pulau bebas cukai mahupun kepada kerajaan negeri. Saya tertarik untuk bertanya perkara ini yang kita sedia maklum seperti di pulau-pulau bebas cukai yang lain, pulau-pulau ini menawarkan tarikan tersendiri kepada pelawat dan penduduk setempat.

Contohnya, Langkawi dan Labuan. Tarikan utama kedua-dua pulau ini adalah pengalaman percutian, membeli-belah seperti coklat, minyak wangi, pinggan mangkuk. Sudah tentu, harga kereta kenderaan juga lebih murah kepada penduduk tempatan. Pangkor dan Tioman pula menawarkan pengalaman cuti, pulau yang cantik, pelbagai hasil laut dan aktiviti rekreasi laut.

Tarikan-tarikan ini akan membawa kepada penjana pendapatan kepada pulau-pulau tersebut. Adakah pihak kerajaan mengenakan cukai jualan di Pulau 1 mengikut nilai sedia ada dalam Perintah Cukai Jualan kecuali senarai barangan bebas cukai yang disebut sebelum ini?

Dato' Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan merancang mengenakan satu nilai cukai jualan khas yang jauh lebih rendah ke atas barangan-barangan di atas Pulau 1 sebagai sebahagian tawaran menarik pelancong dan pelawat ke Pulau 1?

Dato' Yang di-Pertua, melihat kepada kenaikan-kenaikan barangan di pasaran dan lonjakan kos sara hidup, pembangunan Pulau 1 sebagai sebuah destinasi pulau bebas cukai diharapkan dapat memberi ruang kelegaan kepada pemain industri-industri dan operator jualan untuk memanfaatkan peluang yang ada untuk menjana pendapatan. Pembukaan estet perumahan, kegiatan ekonomi di Pulau 1 mampu memberi ruang kepada warga sekitar merebut peluang ekonomi yang terbentang di hadapan mereka terutama kepada perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana.

Dato' Yang di-Pertua, saya harap apa yang dirancang oleh pihak kerajaan ini dapat menjadi kenyataan kerana hari ini, kita lihat dalam situasi ekonomi kita yang kian mencabar ini, saya harap pulau bebas cukai ini juga akan melimpahkan manfaat kepada warga negeri Johor.

Dato' Yang di-Pertua, oleh itu, saya pun macam saya nyataka, tak nak cakap panjang sebab kakak saya dari tadi tengok nak balik awal termasuk saya, Dominic pun kalau boleh dia nak balik awal sebab kalau dia tak sokong pun, tak menang. Jadi, kita bahas hari ini untuk pastikan rang undang-undang ini dapat kita laksanakan dengan baik dan saya yakin, kerajaan akan begitu prihatin terhadap pulau bebas cukai di Pulau 1 ini. Dan saya yakin, Pulau 1 ini akan menjadi tarikan utama kepada negara kita sekiranya dijadikan implementasi pada masa hadapan.

Oleh itu, sekian sahaja perbincangan saya. Saya harap pindaan Akta 806 ini mampu memberikan kebaikan kepada kerajaan dan semua yang terlibat terutama kepada negeri Johor. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam Malaysia Madani. Saya menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah. Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati Alang.

4.08 ptg.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh*. Salam sejahtera. Salam Malaysia Madani.

Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini antara lain merupakan kesinambungan atau pindaan susulan pada RUU sebelum ini. Ini antara lain menetapkan sebagai pulau bebas cukai iaitu seperti Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor. Maka, cukai jualan di kawasan ditetapkan semua barang adalah tidak bercukai, melainkan apa-apa barang yang diisytiharkan

oleh Menteri Kewangan sebagai bercukai. Maknanya, empat jenis barangan sahaja yang tertakluk pada Pulau 1 iaitu coklat, arak, minyak wangi dan kosmetik.

Saya cuma ingin tanya mengenai seksyen 49A, mengenai menjual secara runcit mesti dengan kebenaran Menteri. Adakah ini akan mengecualikan jualan borong kerana disebut secara terperinci yang runcit sahaja? Kebimbangan saya adalah agar tidak berlaku manipulasi harga barangan akibat daripada pengecualian ini. Walaupun kita lihat tidak berlaku di tempat lain seperti Langkawi, tetapi implikasinya tetap ada. Apakah bentuk pemantauan yang dijalankan oleh kementerian?

Itu sahaja perkara yang saya ingin bahaskan dalam Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datin Ros Suryati Alang. Sekarang, saya menjemput pembahas terakhir untuk RUU ini, Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Md Ghazali.

4.09 ptg.

Tuan Amir bin Md. Ghazali: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Berucap dalam bahasa Arab]*
[Membaca sepotong doa]

■1610

Yang dihormati lagi dikasihi, Datuk Yang di-Pertua, Ahli Dewan Negara, saudara saudari yang saya hormati. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. *Alhamdulillah*, sesi kita dah sampai ke penghujung. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang berbahas pada petang ini mengenai Rang Undang-undang Jualan (Pindaan) 2024.

Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Jualan (Pindaan) 2024 ini diletakkan dalam satu pakej sekali dengan induknya iaitu RUU Kastam (Pindaan) 2024 yang banyak rakan-rakan kita telah membahaskan pada hari ini. Rang undang-undang ini amat baik sekali dan perlu disokong semua pihak yang bertujuan mengisytiharkan dan mempromosi Pulau 1 Forest City di Johor Bahru sebagai zon bebas cukai menjadikan kawasan ini sebagai tarikan pelaburan dan pelancongan yang lebih menarik serta untuk meningkatkan perkembangan ekonomi dalam kawasan terbabit serta memacu *spillover* koridor ekonomi selatan dan sebagai zon kewangan serantau.

Langkah-langkah ini harus dipuji kerana ia adalah sebahagian dari usaha kerajaan bagi meningkatkan daya saing ekonomi tempatan dan menarik lebih banyak pelaburan asing apatah lagi kawasan tersebut berada di antara dua negara iaitu negara Singapura dan juga negara

Indonesia yang mempunyai kepadatan penduduk Indonesia dan juga mempunyai reputasi kewangan yang cukup hebat di Asia Tenggara iaitu *Singapore*.

Dato' Yang di-Pertua, soalan saya adalah tentang- adakah rokok dan tembakau sudah sedia ada sebelum ini dalam senarai atau tidak dimasukkan sekali dengan beberapa barangan seperti yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu arak, coklat, kosmetik dan minyak wangi sahaja dalam pindaan kali ini? Adakah kerajaan ada cadangan untuk menambahkan senarai produk import lainnya seperti produk elektronik dikecualikan daripada cukai di Pulau 1 agar menjadikan destinasi ini lebih menarik bagi pelancong dan juga pelabur? Apakah bentuk penguatkuasaan yang dijalankan? Kerana, situasi di kawasan tersebut berbeza dari kawasan yang lain kerana ia penuh dengan elemen-elemen pelancongan, industri kecil, peniaga kecil dan lain-lainnya.

Dato' Yang di-Pertua, sering kali kita mendengar sindiran di kalangan rakyat Malaysia dan *netizen* di media sosial, Forest City ini adalah bandar berhantu. Bandar hantu di selatan tanah air. Ia memberikan persepsi yang kurang enak dan baik kepada Kerajaan Persekutuan dan negeri. Malah, rakyat Johor sendiri tidak gembira dengan momokan tersebut.

Namun begitu, dengan pindaan rang undang-undang ini, ia adalah salah satu langkah yang wajar agar dasar ini akan memberi wajah baharu kepada Forest City daripada 'bandar hantu' kepada sebuah pusat ekonomi baharu di selatan tanah air kita.

Apabila zon bebas cukai ini dihidupkan kembali, sudah pasti ramai orang tempatan dan rakyat asing akan datang membeli hartanah di sini sekali gus meningkatkan ekonomi setempat. Persoalannya ialah status pemilikan hartanah kepada warga asing. Ini pun soalan ini banyak kali ditanya kepada Menteri. Saya ulang balikkah. Bolehkah sedikit pencerahan diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang perkara ini, iaitu tentang rakyat Malaysia atau pun tempatan diberi status pegangan pajakan *leasehold* hanya selama 90 tahun kalau dibandingkan dengan rakyat asing membeli tanah diberi status pegangan bebas? Macam tak adil sahaja.

Saya mohon kerajaan harus meneliti perkara ini dengan teliti supaya setiap komponen dalam rang undang-undang ini yang akan diluluskan dalam Dewan ini memberi kesan secara langsung kepada peluang pekerjaan, sosial dan ekonomi terutamanya kepada rakyat Malaysia.

Seperti mana penjelasan minyak diesel, Dato' Yang di-Pertua- saya nak melencong sedikit.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Boleh ambil masa.

Tuan Amir bin Md. Ghazali: Seperti mana pensasaran minyak diesel yang telah dilaksanakan ke atas rakyat Malaysia di Semenanjung Malaysia secara peringkat demi peringkat untuk menstabilkan ekonomi negara, ia kelihatan menampak kejayaan dari sudut menghentikan

penyeludupan kepada warga asing di darat dan juga di perairan negara. Saya juga terfikir juga tentang penjualan kemungkinan besar di Forest City ini juga akan *extraction* terlalu cepat iaitu produk makanan tomyam. Jualan-jualan kedai tomyam di dalam negara kita oleh peniaga-peniaga Thailand di seluruh negara kita dari Johor hinggalah ke Sabah.

Pada tahun 2016 sahaja, hampir 5,000 hingga 6,000 buah kedai tomyam bertapak di dalam negara kita. Semua bahan mentah yang berada dalam negara kita ini diguna pakai. Ini adalah barang-barang subsidi. Diguna pakai oleh warga asing, warga Thailand di dalam untuk memasak, produk-produk memasak, bahan-bahan mentah untuk dimasak untuk kegunaan untuk meniaga kepada rakyat Malaysia kembali.

Mahu atau tidak, kita tidak mahu menafikan bahawa kedai-kedai tomyam rakyat Thailand ini telah merebut peluang ini daripada rakyat Malaysia tanpa langkah-langkah untuk mengekang dari kerajaan melalui agensi-agensi di bawah kementerian tersebut. Saya rasa kesian kepada peniaga-peniaga yang berada di kawasan-kawasan kita, di negeri kita di dalam seluruh negara kita.

Saya bimbang semangat peniaga-peniaga tempatan yang berhempas pulas mencari rezeki akan mati begitu sahaja disebabkan persaingan di antara peniaga tempatan dan peniaga Thailand ini amat-amat mendukacitakan kita. Seperti tidak ada satu langkah-langkah yang konkrit daripada pihak kerajaan untuk menghalang perkara ini berlaku dan terus berlaku. Sampai bila pun kita tidak tahu akan terhenti.

Jadi, saya memohon sangat-sangat supaya perkara ini tidak boleh dipandang ringan. Apa pun, saya minta kementerian yang terbabit buka minda, berfikir, merangka dan bertindak agar peluang yang dihidangkan kepada rakyat Malaysia tidak direbut oleh peniaga-peniaga warga asing.

Terima kasih. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Amir bin Md. Ghazali. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.16 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih diucapkan kepada Dato' Yang di-Pertua. Juga terima kasih diucapkan kepada empat orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Biar saya satu demi satu ya. Okey.

Untuk menjawab Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam Hamzah berkenaan dengan- juga dengan Port Dickson juga. Jadi, seperti yang telah dimaklumkan sebentar tadi semasa pembentangan RUU Kastam 2024, terdapat tiga kategori bagi bebas cukai iaitu zon bebas di bawah Akta Zon Bebas, Pulau Bebas Cukai dan kedai bebas cukai di bawah Akta Kastam.

Jadi, bagi kategori zon bebas seperti yang diperuntukkan dalam Akta Zon Bebas 1990, permohonan bagi pewujudan zon bebas biasanya dibuat oleh pihak kerajaan negeri atau mana-mana syarikat atau pemilik tanah dengan persetujuan dan sokongan daripada pihak kerajaan negeri. Namun begitu, konsep zon bebas ini dilihat tidak bersesuaian untuk dibangunkan di Port Dickson memandangkan pewujudan zon bebas adalah bertujuan untuk menggalakkan perniagaan *entry port* dan perkembangan industri yang berorientasikan eksport.

Lagi satu, berkenaan dengan isu pengkompaunan, denda dan penalti. Pindaan subsidiari berkaitan pengkompaunan atau denda atau penalti akan dimuktamadkan dan turut dipakai ke atas keseluruhan perundangan cukai jualan.

Selepas itu, daripada Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman. Untuk makluman Yang Berhormat, Pulau 1 Forest City merupakan pulau yang sedang membangun. Oleh itu, jangkaan dan unjuran kutipan hanya dapat dilakukan setelah kutipan data serta maklumat lanjut diperolehi. Ini bagi memberikan gambaran jelas mengenai kesan jangka panjang dan unjuran kutipan hasil sewajarnya. Anggaran hasil kerajaan dijangka akan meningkat pada masa hadapan. Ini kerana dalam mempertimbangkan pemberian status pulau bebas cukai, kerajaan telah mengambil kira tujuan menjadikan Pulau 1 Forest City sebagai pulau bebas cukai seperti berikut:

- (i) pembangunan Forest City memfokuskan kepada hab perkhidmatan, antaranya kewangan, peruncitan dan hospitaliti;
- (ii) kedudukannya berdekatan dengan Singapura yang memberikan akses yang mudah dan dekat kepada pelancong dari Singapura dan berpotensi untuk mendapatkan limpahan ekonomi daripada Singapura; dan
- (iii) kesan limpahan ekonomi kepada kawasan setempat dengan pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor yang akan dibangunkan.

Juga, untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada barangan bebas cukai kerana cukai jualan akan kekal mengikut kadar sedia ada seperti mana Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2022 yang berkuat kuasa ketika ini.

Untuk menjawab kepada Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati Alang berkenaan dengan 49A.

■1620

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam akta hanya aktiviti peruncitan yang memerlukan kebenaran daripada Menteri Kewangan iaitu kebenaran untuk menjual barang-barang yang dikecualikan duti atau cukai. Jadi, seterusnya untuk Yang Berhormat Senator Tuan Amir Md Ghazali, berkenaan dengan rokok dan tembakau. Produk rokok, tembakau, termasuk rokok elektronik, tidak termasuk dalam senarai barangan yang dikecualikan cukai atau duti di Pulau 1...

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Presiden.

Puan Lim Hui Ying: Ya?

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Minta celah sikit Yang Berhormat Menteri. Minta maaf Yang Berhormat Menteri. Dalam merencanakan lagi ekonomi, adakah kerajaan merancang untuk menjadikan tiga atau empat tempat ini mengadakan kasino- lesen kasino? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Ini jawapan yang sangat positif, tidak. *I think* Yang Amat Berhormat juga telah mengulang banyak kali, tiada kasino. Tidak ada. Tidak akan ada juga. Terima kasih...
[Tepuk]

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Mengecewakan Dr. Azhar.... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Puan Lim Hui Ying: Jangan kecewa, jangan kecewa.

Saya balik kepada rokok dan tembakau. Kesemua barangan ini juga merupakan barang berduti atau bercukai di Pulau Bebas Cukai yang lain. Bermaksud, di Pulau Langkawi, Labuan, Tioman, Pangkor- rokok, tembakau, rokok elektronik, semua tidak termasuk. Buat masa ini, barangan yang tidak bercukai di Pulau 1 telah diberikan kepada empat jenis, saya ingat sampai sekarang. Semua boleh ingat, semua boleh ingat empat jenis barang ini iaitu kosmetik, minuman keras, minyak wangi dan coklat sahaja.

Seterusnya, juga kepada Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati, tentang pemantauan yang akan dijalankan oleh kementerian. Mekanisme yang akan dijalankan dari Kementerian Kewangan iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk memantau penjualan barang secara runcit yang dikecualikan cukai adalah melalui kawasan kawalan secara dokumentasi seperti pengemukaan laporan bulanan dan juga langkah-langkah yang saya telah ulangkan tadi...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk, mohon.

Puan Lim Hui Ying: Yes.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Yes... [Ketawa]

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Menteri Kewangan itu... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Menteri Kewangan. Empat kali lantik dah. Datuk Yang di-Pertua, Timbalan Menteri. Saya berulang kali saya dengar empat barangan, coklat, minuman keras, air wangi- air wangi ya...?

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Minyak wangi... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: ...Minyak wangi *and then*,...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Minyak.

Seorang Ahli: Kosmetik... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: ...Kosmetik. Empat perkara. Ianya disebut juga berulang kali- empat pulau: Langkawi, Pangkor dan Tioman dan Pulau 1 lah, Forest City. Ini bermaknanya tidak sama antara empat itu. Macam Langkawi, kenderaan bebas cukai, tetapi di ketiga-tiga lain tak ada kebebasan cukai. Mengapakah jadi tak sama itu kalau kita nak menaikkan kerancakan ekonomi di situ? Patutnya disamakan lah, terutama di Forest City.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih. Saya nak jelaskan, memang ada perbezaan antara keempat-empat pulau ini. Di Pulau 1, hanya empat barang. Di Pulau Langkawi dengan Labuan, kenderaan ada bebas cukai. Ini adalah kerana satu daripada sebabnya adalah kerana satu, memang ada JPJ di sana dan juga kawasannya lebih besar- kawasannya lebih besar untuk kesenangan orang tempatan.

Untuk bebas cukai kenderaan hanya di Pulau Langkawi dan di Labuan sahaja. Yang lain-lain pulau pun tidak ada. Juga di- nanti ya, saya kena cari. Banyak barangan bebas cukai di pulau yang lain, lebih banyak barangan. Hanya Pulau 1 ada empat barang. Saya sudah jawab terlebih dahulu kerana dia terlalu dekat dengan pulau- tanah atau tanah besar. Jadi, ini buat masa sekarang kita hanya hadkan kepada keempat-empat jenis sahaja. Okey...?

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Minta laluan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya.

Puan Lim Hui Ying: Yes?

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Maknanya, masa akan datang, boleh lah? Apabila dah cukup 1,000 lebih ekar itu, boleh lah kereta bebas cukai?

Puan Lim Hui Ying: Kita tengok keadaan.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Kena faham sebab Johor ini Sultan dia pun suka kereta. Jadi, saya rasa kalau *better- the moment the* pulau jadi *fully developed* 1,000 lebih ekar, mungkin boleh dijadikan Pulau Bebas Cukai untuk kenderaan juga di akan datang.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Cadangan...

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Cadangan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Kepada Menteri Kewangan...

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Kepada bakal Menteri Kewangan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Ha... *[Ketawa]*

Puan Lim Hui Ying: Kita ambil maklum ya, Yang Berhormat... *[Ketawa]* Okey, tengok tergendala dah. Nanti ya... *[Ketawa]*

Tadi tentang tembakau, tentang rokok. Jadi, kita teruskan kepada status pemilikan hak tanah- okey, kepada warga asing seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Amir, berdasarkan- tadi juga sudah ulang kan? 37 telah dijual. Walau bagaimanapun, kita pun boleh ingat dah, 70 peratus warga asing, 10 peratus warga tempatan dan 20 peratus adalah pelbagai warga asing.

Seterusnya, berkenaan dengan- nanti ya- 73. Okey, sekarang saya- *I think I left out* penguat kuasa. Penguat kuasa- okey, dari Yang Berhormat Senator Tuan Amir juga, bertanya tentang bentuk penguat kuasa yang dijalankan. Bentuk penguat kuasa yang dilaksanakan oleh JKDM iaitu memantau penjualan barang secara runcit yang dikecualikan cukai melalui kawalan secara dokumentasi dan laporan bulanan. Juga, saya telah ulangkan banyak kali tentang pagar tiga meter dan seterusnya.

Jadi, selain daripada penguatkuasaan daripada JKDM menerusi cadangan pindaan RUU ini, kelulusan bagi sebarang perniagaan yang meliputi aktiviti peruncitan dan pemborongan perlu diperolehi dan dipatuhi oleh pihak berkuasa tempatan atau mana-mana kementerian, agensi kerajaan dan yang berkenaan. Saya ingat sampai di sini sahaja jawapan yang saya boleh berikan. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) (Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson) dan diluluskan].

■1630

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.31 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dibacakan kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024 yang dicadangkan ini adalah bagi meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807] yang merupakan pindaan susulan daripada cadangan pindaan Akta Kastam 1967 supaya selari dan konsisten dengan pindaan yang dibuat dengan Akta Kastam 1967 tersebut. Dato' Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini yang mengandungi dua fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan dan fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 807 bagi memasukkan Pulau 1 dalam takrif "*kawasan ditetapkan*" dan juga memasukkan takrif baharu "*Pulau 1*".

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

[Tiada perbahasan]

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Oleh sebab tidak ada pembahasan untuk RUU ini, saya jemput Timbalan Menteri untuk buat rumusan kecuali kalau ada sesiapa nak kata apa-apa. *Straight* lah. *Just* huraikan.

4.32 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Okey. Dato' Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa suatu akta untuk memindahkan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[**Fasal-fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]*

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) (Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson) dan diluluskan]

*[**Dewan ditangguhkan pada pukul 4.36 petang**]*